



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

## **KANDUNGAN**

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

### **RANG UNDANG-UNDANG :**

Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000

(Halaman 13)

Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000

(Halaman 48)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad,  
D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,  
S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri  
Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N.,  
D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P.,  
D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,  
S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim  
Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.  
(Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo  
Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah  
Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul  
Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S.,  
D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar,  
S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan  
Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I.,  
S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J,  
P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr.  
Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob,  
P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir  
bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar  
Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M.  
(Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka  
Ting, D.P.M.P. (Pontian)

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- " Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- " Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A.(Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- " Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasar Salak)

- " Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- " Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)

Yang Berhormat Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)

- " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- " Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- " Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- " Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- " Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- " Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- " Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- " Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- " Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- " Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- " Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- " Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- " Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- " Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- " Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- " Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- " Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- " Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- " Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- " Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- " Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- " Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- " Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- " Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- " Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- " Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- " Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- " Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)

- " Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- " Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- " Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- " Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- " Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- " Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- " Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- " Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- " Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- " Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- " Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- " Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- " Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- " Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- " Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- " Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- " Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- " Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- " Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- " Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- " Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- " Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- " Datuk Peter Tinggorn anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- " Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- " Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- " Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- " Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- " Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- " Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- " Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)



Yang Berhormat Datuk Ruhanie bin Haji D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Salamat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd. Azmi bin Embong

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 17 Oktober 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

## DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil kajian yang telah dijalankan oleh kerajaan dengan keperluan mewujudkan satu Akta Penghinaan Mahkamah (Contempt of Court Act) memandangkan kes kesalahan Contempt of Court kian meningkat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih menjalankan kajian yang mendalam berhubung dengan isu penghinaan mahkamah dan cadangan untuk mengadakan undang-undang khusus mengenainya memandangkan pandangan yang berbeza yang diterima dari pelbagai pihak serta pelbagai kepentingan yang terlibat dalam penggubalan tersebut.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Baru-baru ini dalam seminar berkaitan dengan membincangkan penggubalan Akta Menghina Mahkamah ini terdapat juga ada golongan-golongan yang tidak setuju untuk mewujudkan akta ini. Adakah masalah-masalah yang dapat dikenal pasti jika kita mewujudkan akta ini. Terdapat juga akta ini telah diwujudkan di beberapa negara termasuk di United Kingdom dan beberapa negara di Komanwel, adakah masalah yang timbul atas kewujudan akta ini.

**Dato' Dr. Rais bin Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, majlis yang dimaksudkan itu ialah Seminar Mengenai Penghinaan Mahkamah yang dianjurkan oleh Majlis Peguam dan seminar itu juga adalah dihadiri dan disertai oleh pelbagai pihak, antara lain oleh hakim, para peguam, pengamal undang-undang serta sektor yang terlibat dengan pendidikan undang-undang. Sebenarnya tidak begitu banyak suara yang menentang penggubalan akta tersebut. Hanya timbul pandangan daripada pihak berkuasa mahkamah bahawa kononnya dengan penggubalan undang-undang itu tidak diperlukan lagi lantaran sudah cukup. Mengikut pendapat itu kedudukan undang-undang dari segi Common Law sudah mencukupi. Tetapi kerajaan berpendirian tegas dan ingin mendalami lagi hujah tersebut membandingkan dengan keadaan yang ada di United Kingdom dan negara-negara lain dalam Komanwel. Wajar diteliti Akta Menghasut Mahkamah atau *Contempt of Court Act* di United Kingdom tahun 1981, keadaan di India, di New Zealand, di Australia dan sebagainya. Setelah kajian mendalam dalam aspek-aspek tersebut kerajaan akan menyusun langkah-langkah mewujudkan undang-undang tersebut.

**Tuan Lee Kah Choon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tindakan-tindakan penghinaan mahkamah telah diambil terhadap peguam dan orang ramai yang telah memfailkan sesuatu permohonan di mahkamah, menulis surat kepada hakim atau kepada pendaftar mahkamah ataupun menggunakan kes autoriti yang tertentu dan sebagainya. Nampaknya hakim mahupun peguam tidak pasti lagi batasan penghinaan mahkamah dan apakah prosedur yang akan digunakan dalam kes-kes ini. Memandangkan wujudnya keadaan yang dikatakan tadi, apakah tindakan segera atau *stopgap measure*, dengan izin, yang dicadangkan oleh kementerian untuk mengatasi keraguan di dalam profesion undang-undang khususnya dan orang ramai amnya terhadap kes-kes penghinaan mahkamah ini.

**Dato' Dr. Rais bin Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dimaklumkan bidang undang-undang menghina mahkamah adalah sesuatu yang amat luas dan ianya telah diamalkan serta dikuatkuasakan semenjak undang-undang Common Law lagi berkuat kuasa di United Kingdom serta di negara-negara Komanwel termasuk di Malaysia. Dengan keadaan yang sedemikian, setelah diteliti nas undang-undang menghina mahkamah pada keseluruhannya adalah didapati bahawa prinsip yang diutamakan ialah jika seseorang atau sesuatu pihak itu melanggar sama ada prosedur ataupun hemah pengadilan ataupun pentadbiran keadilan, maka lunas mengambil tindakan penghinaan mahkamah adalah dijalankan. Perhitungan ini adalah dibuat oleh hakim semasa membicarakan sesuatu kes. Oleh itu, apa-apa, asas yang dipastikan di mahkamah tidaklah terkawal oleh pihak lain.

Oleh itu, prinsip yang terpenting nampaknya ialah prinsip supaya prosedur dan pentadbiran keadilan itu tidak dicabul. Sekiranya dicabul sama ada dalam bentuk kepercayaan rakyat terhadap sistem keadilan atau terhadap mahkamah sendiri, maka pihak berkuasa boleh menghadapkan seseorang itu kepada sistem dan *procedure contempt of court* ataupun penghinaan mahkamah.

2. **Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada PTPTN memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program-program francais daripada universiti-universiti tempatan di kolej-kolej swasta, dan jika diberi berapakah jumlah setahun bagi program diploma dan program ijazah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan begitu prihatin terhadap masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar yang mengikut program francais daripada universiti tempatan dan di kolej-kolej swasta. Bagi sesi pengajian Mei 2000/2001 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelajar-pelajar tersebut. Kadar pinjaman yang ditawarkan ialah antara RM3,500 hingga RM5,000 bagi program diploma dan RM8,000 hingga RM20,000 bagi program ijazah pertama.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini semasa lawatan Dr. Mahathir ke Chicago dan dalam ucapan beliau kepada pelajar-pelajar beliau mengatakan bahawa salah satu sebab penubuhan IPTS ialah untuk menjimatkan wang keluar daripada negara ini. Jadi, daripada penjimatan yang didapati daripada pelajar-pelajar ini ke luar negara maka duit-duit akan digunakan untuk membantu membiayai pelajar bumiputera di IPTA. Saya ingin bertanya berapa jumlah wang yang diijimatkan hasil daripada penubuhan IPTS dan berapa jumlahnya yang digunakan untuk membiayai pelajar bumiputera di IPTS dan IPTA.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana begitu prihatin dan mengikuti segala macam apa yang dikeluarkan oleh Dr. Mahathir dan beliau begitu berminat dengan Dr. Mahathir sehingga ke Chicago beliau begitu prihatin. Terima kasih saya ucapkan dari pihak parti Adil.

Untuk menjelaskan mengenai dengan PTPTN berapakah jumlahnya, saya tidak dapat memberi angka-angka itu dengan tepat pada hari ini kerana soalan itu tidak disediakan terlebih dahulu oleh pihak Yang Berhormat diajukan sebagai soalan lisan. Walau bagaimanapun, pada masa-masa yang akan datang kita dapat beritahu kepada Dewan ini sekiranya soalan itu disediakan terlebih awal, kerana saya perlukan satu maklumat dan butiran yang terperinci bagi menjawab soalan dari pihak Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapa program Pendidikan Jarak Jauh tidak diberi pinjaman daripada PTPTN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat berkenaan dengan jarak jauh itu bagaimana.

**Dr. James Dawos Mamit:** Dalam Malaysia.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pelajar-pelajar yang mengambil ijazah melalui rancangan kita panggil. Pendidikan Jarak Jauh (PJJ), itu bergantung kepada permohonan. Setiap permohonan, prioriti kita ialah kepada mereka yang membuat diploma dan ijazah pertama. Bagi itu juga sedang kita memikirkan sama ada kita perlu beri ataupun tidak. Kebanyakan daripada mereka yang membuat program melalui PJJ ini adalah mereka yang sedang bekerja. Jadi, pertimbangan kita ialah kepada mereka yang benar-benar memerlukan wang daripada dana tersebut.

3. **Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian bersedia menimbang semula pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang sedang meningkat sekarang ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, perlu dijelaskan pembiayaan pelajar di institusi pengajian tinggi di bawah tajaan Kementerian Pendidikan. Saya ulangi, di bawah tajaan Kementerian Pendidikan adalah dalam bentuk biasiswa. Kementerian Pendidikan tidak pernah memberhentikan pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar di IPT walaupun dalam keadaan ekonomi meleset. Perlu saya ingat di sini kepada rakan-rakan kita khususnya daripada parti PAS, kerana ke hulu ke hilir mereka tetap mengatakan bahawa kita telah memberhentikan biasiswa. Inilah kadangkala saya fikir kenyataan yang tidak kita rasa begitu baik sekali dan tidak tepat.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) tidak hadir]*

5. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab cukai setem untuk pembiayaan hartanah yang dikenakan lebih tinggi oleh Sistem Perbankan Islam berbanding dengan sistem konvensional pada hartanah yang sama nilainya dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk penyelarasan masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sangat peka terhadap masalah-masalah sebegini yang dapat mencacatkan pelaksanaan kaedah-kaedah sistem perbankan Islam. Tindakan berkesan sudah pun diambil sebagaimana yang diumumkan dalam belanjawan tahun lepas di mana semua surat cara produk perbankan Islam akan dikenakan duti setem yang sama dengan produk perbankan konvensional.

Sehubungan ini, bayaran duti setem ke atas dokumen-dokumen berkaitan pembelian hartanah mengikut dokumen jual beli, pindah milik dan cagaran sama ada di bawah Skim Perbankan Islam atau konvensional telah dikenakan duti setem pada kadar yang sama. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mengemukakan satu soalan, bolehkah Yang Berhormat menimbang supaya duti setem boleh dikecualikan jikalau hartanah itu dipindah alih antara bapa-anak atau isteri-suami kerana umur telah uzur hendak memindah hartanah mereka tetapi apabila hendak memindah mereka perlu membayar duti setem pula.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat kerana menunjukkan minat terhadap Sistem Perbankan Islam ini. Sebenarnya Yang Berhormat tadi minta supaya dikecualikan terus daripada pembayaran setem untuk perpindahan hakmilik bapa kepada anak dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa sekarang ini kita masih belum lagi memikirkan perkara itu. Kita akan mempertimbangkannya. Kalau munasabah kita akan melaksanakannya.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah apabila Sistem Perbankan Islam ini telah dipertingkatkan dari masa ke semasa mengikut kehendak-kehendak

supaya lebih minat pengguna-pengguna yang menggunakan sistem perbankan secara Islam. Jadi, saya juga ingin mengucap tahniah kerana Sistem Perbankan Islam ini telah banyak menarik minat daripada negara-negara luar untuk mencontohi sistem yang telah begitu berjaya diperkenalkan kepada negara kita. Jadi, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen sejauh manakah sambutan daripada negara-negara lain yang mana adakah mereka datang ke negara kita meminta panduan supaya Sistem Perbankan Islam ini diperkenalkan di seluruh dunia kerana ini melambangkan bahawa negara kita adalah negara Islam. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan itu berlainan soal asal Yang Berhormat itu. Tak perlu jawablah.

*[Soalan No. 6 – Y.B. Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) tidak hadir]*

7. **Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah penjenayah yang dihukum buang daerah sejak 5 tahun lalu. Nyatakan daerah-daerah yang banyak menerima penjenayah yang dibuang daerah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sejak tahun 1995 hingga September 2000, seramai 2,312 orang telah pun disekat ataupun dibuang daerah atas kesalahan jenayah. Daripada jumlah itu seramai 1,060 orang telah dikenakan tindakan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, manakala 807 orang telah pun dikenakan tindakan di bawah Akta Kediaman Terhadap 1933 dan seramai 445 orang telah pun dikenakan buang daerah di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959. Di dalam tempoh berkenaan daerah-daerah Kuala Muda, Kulim, Baling, Kuala Selangor, Mersing, Kuala Pilah, Kuala Terengganu, Dungun dan Kuala Lipis adalah di antara daerah-daerah yang banyak menerima penjenayah.

Walau bagaimanapun, bilangan yang terlibat adalah terkawal iaitu di antara 8 orang hingga 17 orang bagi satu-satu masa. Sekian.

**Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah Menteri Dalam Negeri menyedari dengan adanya penempatan mereka, mereka yang dihukum buang daerah di satu-satu tempat akan merubah sosiobudaya bagi kawasan berkenaan. Contohnya, daripada sebuah daerah yang aman dan tenteram kepada daerah yang kerap wujud perlakuan jenayah. Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat memang saya memahami tetapi bagi menjawab soalan ini tidak semesti bila satu-satu tempat menerima beberapa orang penjenayah yang disekat maka tempat itu akan berubah daripada satu tempat yang aman menjadi satu tempat yang kacau-bilau penuh dengan kes-kes jenayah. Penjenayah-penjenayah ditempatkan di daerah-daerah tertentu memang sentiasa diawasi di bawah pengawasan pihak polis dan sentiasa harus melaporkan diri di balai polis. Gerak-geri mereka juga sentiasa diawasi tetapi saya tidak dapat memberi jaminan iaitu tidak ada masalah langsung. Ada juga, tetapi pada keseluruhannya masih terkawal. Sekian.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini iaitu khususnya dalam tahun ini sampai bulan September, berapakah orang yang terlibat dalam pengedaran pil-pil ecstasy dan juga pengusaha-pengusaha mesin judi haram ini dikenakan di bawah ketiga-tiga akta ini.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Yang Berhormat telah pun meminta perangkaan bagi orang-orang yang terlibat dengan pengedaran pil ecstasy dan mesin-mesin kuda, saya tidak dapat memberi angka sebab saya harus minta notis. Mengenai pengedaran pil-pil ecstasy saya ingin memberitahu bahawa melalui penguatkuasaan begitu ketat sekali, sejak tahun 1995 sehingga sekarang tidak kurang daripada 400 orang telah pun didakwa ke mahkamah dan sedang

menunggu proses keadilan. Itu sahajalah yang saya dapat beritahu. Sekian.

8. **Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan jumlah pekebun kecil getah serta purata pendapatan seorang pekebun kecil setahun bagi tiap-tiap negeri di seluruh Malaysia pada masa kini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membantu menambahkan lagi pendapatan mereka pada masa depan.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, pada akhir tahun 1999, bilangan pekebun kecil getah adalah dianggarkan seramai 259,393 orang dengan keluasan 829,930 hektar. Mengikut kajian RISDA pada tahun 1999, didapati purata jumlah pendapatan pekebun kecil daripada pelbagai sumber, saya ulangi, dari pelbagai sumber ialah sebanyak RM690 sebulan dengan purata pendapatan bulanan daripada getah sebanyak RM357 sebulan. Pendapatan daripada sumber lain ini termasuklah pemberian daripada anak-anak, kerja sampingan dan lain-lain.

Bagi membantu nasib pekebun kecil, kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa Kabinet mengenai cara-cara meningkatkan pendapatan pekebun kecil iaitu Jawatankuasa MPPG. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) melibat pekebun kecil di dalam aktiviti ekonomi tambahan melalui Pakej Aktiviti Ekonomi Tambahan;
- (ii) mewujudkan Tabung Pembangunan Ekonomi Pekebun Kecil sebanyak RM100 juta bagi membiayai aktiviti ekonomi tambahan pekebun kecil.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan syabas kepada kerajaan khususnya kementerian kerana begitu prihatin kepada kebajikan pekebun kecil getah kita dan juga kita dimaklumkan tadi bahawa kementerian telah berusaha mengambil beberapa tindakan untuk meningkatkan lagi pendapatan mereka. Memandangkan harga getah semasa adalah tidak begitu memuaskan, saya ingin tahu sejauh manakah kerajaan telah berjaya dalam usaha pelaksanaan langkah-langkah yang disebutkan itu dan adakah tindakan yang diambil itu meningkat lagi pendapatan pekebun kecil getah kita di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kalau masyarakat luar bandar khasnya pekebun-pekebun kecil bergantung semata-mata kepada getah (dengan keadaan pasaran semasa) dan kalau dengan luas kawasan terlalu kecil, maka mereka yang berada dalam industri getah ini berada di tahap yang amat parah. Hanya mereka yang mempunyai kebun yang seluas tidak kurang daripada 10 ekar dapat hidup dengan, (boleh dikatakan) lebih baik. Jadi, oleh kerana itu semua pekebun kecil yang terlalu kecil sedang dicari jalan bagaimana mereka ini dapat dibantu, dikeluarkan mereka daripada getah, kemungkinan dicantumkan mereka dengan pekebun-pekebun kecil yang lain dan dijadikan kebun-kebun ini sebagai apa yang dikatakan (memperkenalkan sistem) *mixed farming* yang boleh diusahakan secara kelompok ataupun secara yang diuruskan oleh badan-badan agensi tertentu.

Jadi pada keseluruhannya, mereka yang benar-benar parah bukan sahaja dibantu daripada dana yang diwujudkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, bahkan mereka juga dibantu di bawah dana-dana yang diwujudkan di bawah Kementerian Pertanian dan kementerian-kementerian lain yang ada dalam kerajaan.

**Tuan Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Menteri, sedarkah kementerian ini bahawa penoreh-penoreh getah di Malaysia ini jika dibandingkan pendapatan mereka sekarang ini dengan 10 dan 15 tahun yang lalu hampir serupa sahaja sehingga ada di kalangan pekebun-pekebun kecil khususnya penoreh-penoreh getah di RISDA dan sebagainya menyokong parti pembangkang kerana ketidakpuasan mereka terhadap kerajaan tidak boleh membantu untung nasib mereka.



Jadi, dengan usaha-usaha kementerian untuk menyeimbangkan pendapatan penoreh-penoreh getah ini dengan mempelbagaikan aktiviti ekonomi sampingan, apakah kementerian ini menyedari bahawa mungkin cetusan idea ini tidak begitu berkesan kerana kalau berkesan, ianya telah mempertingkatkan ekonomi dan pendapatan pekebun-pekebun kecil khususnya penoreh-penoreh getah ini. Mungkin ada satu pendekatan yang perlu kementerian ini usahakan untuk memastikan pendapatan-pendapatan pekebun-pekebun kecil penoreh getah ini dapat dipertingkatkan. *[Tepukan oleh pihak pembangkang]* *[Ketawa]*

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** *[Ketawa]* Aha, ada sokongan, terima kasih. Ini ada persamaan antara pembangkang dengan Barisan Nasional, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya antara cara-cara untuk mengeluarkan mereka daripada pendapatan yang begini kecil ialah untuk mengeluarkan mereka daripada industri getah. Jadi, ini diusaha secara bersungguh-sungguh, cuma pada ketika ini ada sedikit konflik iaitu pada umumnya (dari segi makro) pendapatan kerajaan tiap tahun dari industri getah termasuk industri hiliran (termasuk kayu getah), industri perabot getah dan sebagainya adalah tinggi. Maka, di satu pihak kita mengatakan kita memerlukan adanya estet-estet getah tetapi di satu pihak kita mengatakan pengeluaran getah (yang berasal di luar kawasan yang bukan daripada industri hiliran getah) adalah dalam keadaan yang tenat. Hanya mereka yang mengendalikan jumlah luas tanah yang besar akan mendapat pendapatan yang boleh dikatakan baik.

Namun demikian, soalan Yang Berhormat sama ada keberkesanan itu dapat saya sebutkan, sama ada ianya sedang dilihat atau tidak, sememangnya pihak kerajaan telah pun mewujudkan satu jawatankuasa khusus yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri, dan kita bersidang amat kerap sekali – dalam lingkungan dua bulan atau tiga bulan sekali untuk mencari jalan, dan banyak cara yang telah dikesan bagi kita mencari jalan mengatasi masalah mereka.

9. **Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]** minta Menteri Pertanian menyatakan tentang pelbagai kesalahan tidak mematuhi undang-undang dan peraturan di kalangan nelayan di Kuala Kurau, Tanjung Piandang dan Bagan Tiang bagi tempoh 1995 hingga 2000 seperti berikut:

- (a) jenis-jenis pencabulan undang-undang itu dan jumlah denda yang telah dikenakan; dan
- (b) sama ada langkah-langkah mendenda telah mengurangkan insiden pencabulan undang-undang tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis kesalahan tidak mematuhi undang-undang dan peraturan adalah seperti berikut:

- (i) menangkap ikan di perairan Pulau Pinang;
- (ii) memukat di kawasan larangan;
- (iii) memukat di luar waktu;
- (iv) tidak membawa lesen ke laut;
- (v) mengusahakan vessel tanpa lesen;
- (vi) bukan usaha sendiri;
- (vii) guna nelayan asing;
- (viii) tidak mempamerkan pin plate; dan
- (ix) ubahsuai bot.

Sepanjang tempoh 1995 sehingga September 2000, sebanyak 391 kes tangkapan telah dilakukan ke atas vessel-vessel menangkap ikan yang berasal dari

Pangkalan Kuala Kurai, Tanjung Piandang dan Bagan Tiang yang melibatkan jumlah denda sebanyak RM440,000. Dari jumlah tersebut 194 kes adalah masing-masing dari Pangkalan Kuala Kurau dan Tanjung Piandang dan 3 kes dari Pangkalan Bagan Tiang.

Langkah mengenakan denda ini adalah sebagai peringatan kepada nelayan-nelayan supaya mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Tindakan ini telah berjaya membantu mengurangkan kes pencabulan undang-undang tersebut. Sebagai contoh, sehingga bulan September 2000 hanya 39 buah vessel menangkap ikan dari Pangkalan Kuala Kurau, Tanjung Piandang dan Bagan Tiang yang ditahan. Bilangan ini agak kecil jika dibandingkan pada tahun 1999 iaitu sebanyak 81 kes dan 87 kes pada tahun 1997.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Terima kasih Timbalan Menteri. Dapada perangkaan yang diberikan saya ingin tahulah berapa banyak kes yang melibatkan nelayan besar ini, yang panjang bot mereka 20 kaki dan 10 tan itu dan berapa kes pula yang melibatkan nelayan pantai, nelayan pesisiran yang bot mereka 1 tan dalam lingkungan 10 kaki itu. Sila. Pada masa yang sama juga macam kata Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadilah, nelayan-nelayan pun nampaknya sokong kita semua sekarang ini. Sekian.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai perangkaan yang terperinci mengenai dengan jenis pengusaha yang melakukan kesalahan. Walau bagaimanapun, kita akan membekalkan maklumat itu kepada Yang Berhormat tetapi kebanyakan kesalahan ini ialah dilakukan oleh pengusaha nelayan bot kanker yang sering mencero boh masuk ke perairan Pulau Pinang, ini kebanyakan ya.

Kalau hendak katakan nelayan tidak sokong kerajaan, saya ingat adalah tidak benar kerana bayak kawasan yang merupakan kawasan nelayan masih tetap bersyukur kerana kerajaan amat prihatin kepada masalah mereka dan kerajaan terus membantu. *[Beberapa Ahli Yang Berhormat Pembangkang menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...Yang Berhormat...Yang Berhormat...cukuplah, cukuplah itu. *[Beberapa orang Ahli Yang Berhormat masih bangun untuk mengemukakan soalan tambahan]*

Tadi ada seorang sahaja bangun tadi, cukuplah. *[Ketawa]*

10. **Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan status pelaksanaan projek rumah kos rendah dari aspek:

- (a) bilangan yang sudah dibina berbanding dengan bilangan yang sudah dijual; dan
- (b) masalah penjualan/pembelian dan kemampuan pembeli membayar kos rumah tersebut walaupun secara ansuran.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga Jun 2000 yang lalu, sebanyak 595,519 unit rumah kos rendah telah siap dibina di seluruh negara dan daripada itu hanya 5,577 unit rumah kos rendah yang tidak dapat terjual pada Jun 2000. Dapada angka ini jelas menunjukkan peratusan rumah kos rendah yang masih tidak terjual ialah hanya 0.94%;
- (b) secara umumnya di antara sebab rumah kos rendah yang tidak dapat dijual ialah lokasi projek yang berjauhan dapada prasarana, jenis rumah yang kurang memenuhi cita rasa pembeli dan masalah kelayakan pinjaman pembiayaan akhir (end financing) bagi pembeli rumah kos rendah.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus berusaha dan bekerjasama dengan agensi-agensi di negeri-negeri supaya rumah-rumah yang tidak terjual itu dapat dijual kelak. Sekian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi ada sebahagian itu boleh diterima tetapi sebahagian lain tidak boleh. Tidak boleh kerana tidak terangkan. Tuan Yang di-Pertua, daripada rancangan pihak kerajaan daripada tahun 1996 sehingga 2000, adakah Yang Berhormat sedar bahawa matlamat untuk mencapai rumah kos rendahnya ialah 60,000 unit bagi pihak awam dan 140,000 unit untuk pihak swasta. Peratusah telah dicapai sekarang, bolehkah Yang Berhormat terangkan kerana seringkali jawapan itu tidak menepati, tidak jitu, tidak sesuai dan hari ini saya berharap Yang Berhormat dapat menyesuaikan jawapan daripada pihak kementerian supaya kita tahu keadaan yang sebenarnya. Bolehkah matlamat ini dicapai pada akhir tahun ini, ada dua bulan lagi.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak lihat lagi soalan ini, apa yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Batang Sadong. Bukan yang hendak ditanya oleh Yang Berhormat tadi.

Kalau hendak minta saya jelaskan sama ada sasaran itu sudah dicapai, itu yang lain, yang sekarang Yang Berhormat tanya saya boleh jawab. Janganlah sebut saya selalu tidak jawab apa yang ditanya oleh Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Baiklah, *[Disampuk]* .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jawapan tidak sesuai. Saya hendakkan jawapan yang sesuai dengan soalnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, cukuplah ya. Ya.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** .....bagi Rancangan Malaysia Ketujuh ini, sasaran ialah 200,000 unit rumah kos rendah. Buat masa sekarang dari angka-angka yang telah kita capai dan terima daripada negeri-negeri dan agensi-agensi berkenaan, kita sudah sampai 92%. Ini bermakna hanya dua tiga bulan lagi kita akan berakhir dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan kita akan terima angka-angka yang terakhir. Tetapi buat masa sekarang kita belum tahu sama ada kita dapat mencapai 100% kah atau kurang daripada sasaran itu.

Saya harap Yang Berhormat boleh tanya saya dalam tahun 2001 nanti *[Ketawa]* dan saya akan umumkan sama ada kita capai atau tidak. Sekian.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Buka songkok baru nampak, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya pihak kerajaan setuju atau tidak atas pandangan saya, sekarang kita tahulah rumah-rumah murah ini masalah bayaran bulanannya tinggi, interest pun tinggi.

Jadi, boleh atau tidak kerajaan kaji semula supaya memudahkan pembeli khasnya rumah murah, peratus yang dikenakan oleh bank, barangkali 5% turun kepada 3% dan kakitangan kerajaan daripada 4% kepada 2% kerana masalah yang timbul ini kalau umur tinggi, tidak boleh hendak pinjam bank. Kalau hendak pinjam, bayar tinggi, jadi tidak dapat penyelesaian.

Jadi, dalam masalah kos sara hidup makin tinggi. Jadi, tentang bayaran bulanan untuk memberi peluang kepada rakyat dan kakitangan kerajaan dapat rumah, kita kaji semula bayaran bulanan ini dengan diturunkan bayaran interest kepada pembeli. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat, terima kasih. Kalau kita lihat dari segi kelayakan sebenarnya pihak yang mendapatkan gaji atau pendapatan bulanan

lingkungan RM1,750 sampai RM1,250, kalau gaji adalah dalam bracket ini, dengan izin, saya rasa tidak ada masalah bagi mereka untuk mendapat pinjaman bagi rumah kos rendah kerana rumah kos rendah ini termahal di negara kita ialah di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, di mana dia punya harga yang tertinggi ialah RM42,000.

Kalau kita hendak bincang, dilihat di tempat luar bandar, ianya hanya RM25,000. Kalau RM25,000 itu bayaran ansuran itu adalah amat rendah, hanya RM125.00 sebulan adalah amat rendah. Kalau kita hendak bincang tentang sama ada kita boleh lanjutkan masa itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kebanyakan bank-bank atau institusi kewangan sekarang menawarkan kepada mereka yang meminjam untuk rumah kos rendah ini, dia punya maksimum tahun yang boleh digunakan ialah 25 hingga 30 tahun.

Ini terpulang kepada umur si peminjam itu, kalau umur naik memang jangka masa untuk membayar pinjaman itu adalah pendek. Tetapi masalahnya ialah banyak yang tidak layak lagi, kalau hendak pinjam dari bank-bank dan institusi kewangan mereka tidak layak, sebab pendapatan adalah terlalu rendah, tidak cukup untuk mereka menanggung bayaran ansurannya.

Oleh sebab itulah hari ini kita gunakan cara yang lain, iaitu kita mendirikan rumah kos rendah untuk disewa kepada golongan ini yang tidak dapat meminjam dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan.

*[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] tidak hadir]*

*[Soalan No. 12 - Y.B. Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau] tidak hadir]*

13. **Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]** minta Perdana Menteri menyatakan peratusan pencapaian bumiputera menerusi Dasar Ekonomi Baru/Dasar Pembangunan Nasional dalam bidang sosioekonomi yang telah dicapai sehingga hari ini. Adakah pencapaian tersebut telah menggugat pertumbuhan bukan bumiputera di bidang yang sama.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan dalam merapatkan jurang penyertaan di antara bumiputera dan bukan bumiputera dalam ekonomi negara menerusi Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional dibuat melalui strategi pertumbuhan yang mapan dan berterusan.

Prinsip ini penting bagi memastikan mana-mana kaum tidak merasa diketepikan dalam merebut peluang pertumbuhan secara bersama. Secara umumnya penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara telah menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding dengan penyertaan mereka di awal tahun 70-an. Misalnya, dari segi pemilikan ekuiti modal saham sektor korporat, pemilikan bumiputera telah meningkat daripada 2.4% pada tahun 1970 kepada 20.4% pada tahun 1998. Dalam tempoh yang sama, pemilikan bukan bumiputera juga meningkat daripada 32.3% kepada 41.1%. Dari segi guna tenaga pula, menunjukkan guna tenaga bumiputera telah berkembang pada kadar 2.5% setahun dalam tempoh berkenaan. Manakala guna tenaga bukan bumiputera pula sebanyak 3.7% setahun.

Dalam bidang profesional peningkatan guna tenaga bumiputera adalah sebanyak 10% setahun dalam tempoh 1991 hingga 1998 dan bukan bumiputera pula sebanyak 7.8% setahun. Usaha kerajaan dalam pembasmian kemiskinan juga telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan semua rakyat Malaysia daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 16.5% dalam tahun 1990 dan 6.1% pada tahun 1997.

Kesan daripada pelaksanaan program secara fokus kepada golongan termiskin terutamanya dalam tempoh Dasar Pembangunan Nasional telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat termiskin daripada 3.9% pada tahun 1990 kepada 1.4% pada tahun 1997.

Dalam tempoh 1991 hingga 1997, pendapatan purata isi rumah bumiputera telah meningkat daripada RM940 pada tahun 1990 kepada RM2,038 pada tahun 1997,

manakala bagi isi rumah Cina dan India, masing-masingnya meningkat daripada RM1,631 dan RM1,209 kepada RM3,737 dan RM2,896 masing-masing dalam tempoh yang sama. Kadar peningkatan pendapatan di kalangan isi rumah bukan bumiputera adalah lebih tinggi berbanding dengan bumiputera. Dalam tempoh 1991 hingga 1997, pendapatan purata isi rumah bukan bumiputera meningkat pada kadar 11.7% setahun berbanding dengan Cina dan India masing-masingnya sebanyak 12.6% dan 13.3% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan penyertaan dan taraf sosioekonomi bumiputera dalam ekonomi negara adalah hasil usaha gigih kerajaan dan masyarakat bumiputera sendiri khususnya melalui pelaksanaan program-program di bawah Dasar Ekonomi Baru yang telah menyediakan peluang dan bantuan kepada bumiputera bagi membolehkan mereka bersama-sama dengan masyarakat bukan bumiputera untuk merebut peluang yang wujud dalam ekonomi negara.

Kemajuan yang dicapai ini telah berhasil meningkatkan perpaduan negara dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berjaya dan stabil.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana butiran-butiran yang dihuraikan adalah indikator bahawa sebenarnya Dasar Ekonomi Baru bukannya dasar yang menindas.

Walau bagaimanapun, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adakah benar bahawa sejak berlaku penurunan ekonomi atau economic recession, dengan izin, baru-baru ini maka pemegangan ekuiti bumiputera telah pun menurun secara drastik dan per kapita income ataupun pendapatan per kapita bumiputera kalau dibanding dengan bukan bumiputera juga menghadapi nasib yang sama. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka-angka yang terperinci mengenai penurunan ini tetapi apa yang ketara ialah sejak krisis ekonomi negara yang melanda negara kita ini, ada penurunan di antara pegangan saham daripada warganegara Malaysia iaitu pemegang saham itu berpindah kepada syarikat-syarikat asing dan kepada syarikat-syarikat bukan bumiputera.

Jadi, ke semua ini adalah penurunan sedikit dan pada ketika ini saya tidak mempunyai angka dan apabila saya mendapatkan angka ini saya akan memberikan Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Di dalam banyak program yang dilaksanakan oleh kerajaan mengikut maklumat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri, kenaikan pendapatan isi rumah mengikut kaum umpamanya, Melayu pada tahun 1990 sehingga 1998 – 11% .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak payah dibaca semula ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ...tetapi saya hendak bertanya ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** .....kenapakah dalam sebegitu banyak program yang dijalankan masih kenaikan pendapatan isi rumah Melayu hanya 11% berbanding dengan Cina 12.6% dan India 13.3%. Apakah rancangan-rancangan tambahan untuk menyeimbangkan purata kenaikan pendapatan ini. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru ini adalah satu dasar yang telah diciptakan oleh kerajaan. Yang pertamanya, dengan izin, *to reduce and eventually eradicate poverty by raising income levels and increasing employment opportunities for all Malaysians irrespective of race.*

Yang keduanya, *to accelerate the process of restructuring Malaysian society*

*to correct economic imbalances so as to reduce and even to eliminate the identification of race with economic function.*

Jadi, dasar yang dipegangkan oleh kerajaan ini adalah untuk memperbesarkan ekonomi ataupun *increase the economic cake*, supaya semua akan dapat sebahagian daripada *economic cake* ini dan bukan semata-mata untuk membantutkan pertumbuhan di mana-mana golongan masyarakat di negara kita Malaysia ini.

Jadi, saya fikir apa yang dicapai sekarang ini adalah baik sekali oleh kerana ada peningkatan daripada ekonomi kaum bumiputera dan bukan bumiputera. Dan sekarang ini saya telah difahamkan Majlis Penasihat Ekonomi Negara sedang berbahas tentang polisi-polisi kerajaan yang telah dilakukan ketika ini dan mungkin mereka akan menyampaikan kepada kerajaan apa dia pendapatan daripada Majlis ini. Dan ke semua ini kita ambil kira lagi dalam penggubalan satu dasar akan datang .....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk seimbangkan. Minta langkah-langkah untuk seimbangkan. *[Disampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya sila teruskan Yang Berhormat.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, proses untuk menyeimbangkan jurang ini adalah satu proses yang tidak dilakukan serta-merta. Ia mengambil tempoh untuk dasar kerajaan ini dapat mempercepatkan perseimbangan jurang perbezaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ya.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau bersetuju bahawa gambaran keadaan dan juga langkah-langkah akan lebih jelas apabila kerajaan menerima laporan MAPEN II daripada Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang disertai oleh setiap golongan dan lapisan mewakili masyarakat Malaysia kecuali pihak-pihak tertentu yang tidak sudi dan tidak rela menganggotainya. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju bahawa apabila Majlis ini menyiapkan laporan mereka dan dikemukakan kepada kerajaan, ke semuanya akan diberi penelitian dan mungkin mereka ini telah berbincang telah masalah perlaksanaan dasar dalam tempoh yang lalu dan program-program yang perlu digunakan pada masa yang akan datang.

14. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan kes majikan tidak membayar caruman KWSP pekerja walaupun gaji pekerja telah dipotong untuk caruman KWSP bagi tahun 1998, 1999 hingga 30 September, 2000 dan tindakan yang lebih berkesan akan diambil untuk menjaga kepentingan para pekerja dalam kes-kes tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat 30 September 2000, daripada 313,79 majikan berdaftar didapati 16,601 majikan atau 5.28% telah gagal mencarum berbanding 14,742 atau 4.87% daripada 302,640 majikan berdaftar yang gagal mencarum pada tahun 1999.

Pada tahun 1998, sebanyak 23,409 atau 7.87% daripada 297,587 majikan berdaftar gagal mencarum kepada KWSP. Menurut KWSP sebahagian besar iaitu 90% daripada majikan yang gagal mencarum telah membuat potongan gaji pekerja untuk caruman KWSP tidak membayar kepada KWSP.

KWSP mengambil perhatian yang serius terhadap majikan yang gagal mencarum. Jentera penguatkuasaan KWSP sentiasa memastikan majikan membayar caruman menurut Akta KWSP 1991.

KWSP menggunakan sistem maklumat komputer untuk mengawasi bayaran

bulanan majikan dan mengenal pasti majikan-majikan yang gagal mencarum. Kes-kes majikan yang gagal mencarum secara automatik akan disalurkan oleh sistem komputer kepada pegawai-pegawai pemeriksa untuk tindakan penyasatan. Selain mengesan majikan yang gagal mencarum melalui sistem komputer, KWSP juga membuat pemeriksaan mengejut di premis-premis perniagaan untuk memastikan majikan yang patut mencarum adalah berdaftar dengan KWSP serta membayar caruman yang tepat bagi semua saraan untuk semua pekerja mereka.

Pada tahun 1999, KWSP telah melawat 142,109 premis perniagaan dan didapati 1.12% ataupun 1,598 majikan tidak mendaftar dengan KWSP. Semasa siasatan jikalau didapati majikan gagal mencarum, taksiran caruman tertunggak akan dibuat oleh pemeriksa dan majikan diberi tempoh 1 minggu untuk menjelaskan caruman tertunggak yang ditaksirkan. Kes majikan yang tidak menjelaskan caruman tertunggak dalam tempoh 1 minggu akan difailkan di mahkamah untuk didakwa di bawah seksyen 43(2) Akta KWSP 1991. Bilangan majikan yang didakwa sepanjang tahun 1999 adalah 4,024 kes berbanding dengan 3,378 kes pada tahun 1998 dan 1,672 kes pada tahun 1997.

Langkah-langkah dan tindakan tegas bagi menangani majikan gagal mencarum yang dikesan melalui sistem komputer dan pemeriksaan di premis bertujuan memastikan supaya majikan-majikan tidak mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap kepentingan dan kebajikan pekerja-pekerja mereka. Bilangan majikan yang disabitkan di mahkamah pada tahun 1997 adalah 788 dengan jumlah denda RM1.33 juta. Pada tahun 1998 ialah 114 majikan dengan jumlah denda RM1.82 juta dan pada tahun 1999 ialah 1,196 majikan dengan jumlah denda RM2.68 juta. Manakala pada tahun 2000, setakat 31 Ogos ialah 768 majikan dengan jumlah denda RM1.77 juta.

Jika caruman tertunggak masih tidak dapat dipungut melalui tindakan pendakwaan, tindakan sivil berasingan akan diambil terhadap pengarah syarikat ataupun rakan kongsi di bawah seksyen 46 Akta KWSP 1991 supaya membayar semua caruman dan dividen yang tertunggak. Seksyen 43(2) Akta KWSP 1991 juga menetapkan hukuman terhadap majikan yang gagal mencarum yang disabitkan di mahkamah ialah penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Kewangan akan ada rancangan untuk meminda Akta KWSP tahun 1991 supaya dapat mengadakan hukuman yang lebih tinggi atau berat kepada majikan yang gagal membayar caruman KWSP pekerja tetapi gaji pekerja telah dipotong supaya dengan pindaan undang-undang itu akan dapat mendatangkan penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan untuk menjaga kepentingan para pekerja. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak kementerian tidak ada rancangan untuk meminda akta tersebut kerana didapati peruntukan-peruntukan yang ada dalam akta tersebut adalah mencukupi. Penalti ataupun denda yang dikenakan kepada majikan yang gagal mencarum adalah cukup berat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 6, 11, 12 dan 15 hingga 24 adalah dijilid dalam buku berasingan]*



**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK 2000****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [16 Oktober 2000]

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat bagi Tumpat menyambung ucapan.

11.05 pagi

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercadang untuk meneruskan perbincangan kita mengenai Rang Undang-undang Kanak-Kanak 2000. Semalam apabila kita tangguhkan sidang, saya telah ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan tempat-tempat yang lain berkaitan dengan masalah yang melibatkan hakikat bahawa masalah dan masa depan kanak-kanak ini adalah amat penting sekali dan tidak harus dipolitikkan oleh mana-mana pemimpin dalam sistem politik negara kita ini.

Kita menyentuh semalam berkenaan dengan soalan bagaimana masalah-masalah yang berkaitan dengan kanak-kanak khususnya berkaitan dengan masalah penyakit yang menimpa kanak-kanak sudah sekarang ini bukan lagi dianggap sebagai suatu bencana negara tetapi dijadikan alat untuk permainan politik kepartian sahaja. Contoh yang ditunjukkan semalam dan akan saya sambung hari ini ialah berkaitan dengan penyakit kaki dan mulut yang berlaku di negeri Johor sekarang ini yang meningkat masalahnya kepada 500 orang pesakit dan sudah pun merebak ke negeri-negeri yang lain. Malam tadi saya dimaklumkan bahawa ada seorang anak daripada Kuala Pilah sudah dimasukkan ke Hospital Pantai kerana diserang oleh penyakit kaki dan mulut ini.

Kita bimbang jika terdapat di kalangan pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat memainkan masalah ini sebagai suatu isu politik iaitu sebagai contohnya apabila Menteri Kebajikan Masyarakat mengisytiharkan ianya adalah bertaraf wabak yang besar dan mengarahkan supaya ditutup tadika-tadika supaya ianya tidak merebak dan berkembang, ada pula Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membatalan arahan itu dan menganggap bahawa itu tidak penting dan tidak mahu, kononnya memulakan suatu perasaan panik di kalangan masyarakat dan negara. Saya fikir masalah kesihatan kanak-kanak yang berupa satu daripada semangat penting rang undang-undang yang kita bahaskan ini adalah perkara yang amat penting dan oleh itu tidak harus sekali-kali dijadikan bahan politik oleh mana-mana tokoh dan pemimpin politik negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun. Ya, sila

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat Tumpat. Saya rasa kenyataan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa penyakit mulut, tangan dan kuku ini dipolitikkan oleh pihak kerajaan. Yang Berhormat Menteri Kebajikan dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri jelas sebagai suatu usaha kerajaan untuk mengawal penyakit ini daripada merebak ke pihak-pihak yang lain, sebab itu penutupan awal supaya ditutup untuk pencegahan. Dan, apabila pihak kerajaan mendapati bahawa penyakit ini boleh dikawal maka sebab itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa sekolah-sekolah tadika ini boleh dibuka semula dan ini bukan soal politik. Soal bagaimana tanggungjawab kerajaan kepada rakyat tetapi sebenarnya yang menyangka perkara ini dipolitikkan ialah parti pembangkang sendiri.

Inilah perkara yang sering dimainkan oleh parti pembangkang, semuanya dipolitikkan, tetapi akhirnya pihak pembangkang menyatakan kerajaan pula yang berpolitik. Inilah sandiwara parti pembangkang khasnya PAS. [Tepuk]



**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya dari Sri Gading. Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali mempolitikkan masalah kesihatan akhir-akhir ini tidak lain tidak bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. *[Tepuk]* Di England, beliau mengumumkan bahawa penyakit taun di Kelantan ialah kerana ianya diperintah oleh kerajaan PAS negeri Kelantan. *[Tepuk]* Itu tafsiran politik oleh seorang Perdana Menteri yang berupa juga seorang doktor terhadap masalah yang sebenarnya masalah kesihatan. Ini saya fikir adalah hakikat yang tidak dapat dinafikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak bagi jalan atau tidak?

**Tuan Moktar bin Radin:** Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat bagi Tumpat cakap tidak serupa bikin. *[Ketawa]* Saya sambung perbincangan saya dengan Yang Berhormat kelmarin, di mana menyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempolitikkan isu kesihatan ataupun wabak taun di Kelantan, memang jelas bahawa pada ketika itu Yang Amat Berhormat Tuan Guru Nik Aziz, Menteri Besar, pernah menyatakan kepada akhbar bahawa penyakit taun itu datangnya daripada ekor kekotoran yang berlaku di sekitar Kelantan. Ini memang jelas, kekotoran itu disebabkan oleh kerana Kerajaan Kelantan tidak mampu untuk memberi pembekalan air yang bersih kepada negeri Kelantan dan rakyatnya, maka sebab itu berlakulah wabak taun yang berleluasa di negeri Kelantan.

Manakala isu penyakit mulut, tangan dan kaki ini, ia dengan isu berbeza, ia merupakan penyakit berjangkit daripada negara jiran bukan disebabkan Johor itu kotor. Kerana Kerajaan Negeri Johor di bawah Barisan Nasional mampu memberi dan membersihkan keadaan di negeri tersebut. Oleh kerana itu rasa saya kalau boleh saya meminta wakil rakyat, daripada PAS dan pembangkang khususnya supaya belajar menerima kenyataan, belajar menerima kebenaran, yang tidak boleh katakan tidak boleh, cubalah Kerajaan Kelantan memberitahu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Kelantan tidak boleh membekal air ke negeri Kelantan, tolong kami, kita akan tolong, asal ikhlas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ini yang kita mahu, jangan menegakkan keadaan-keadaan yang tidak benar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Moktar bin Radin:** Pemimpin-pemimpin Yang Berhormat daripada Pembangkang ini selalu double standard. Mereka mempertahankan perkara-perkara yang batil, ini tidak boleh, yang benar tetap benar, yang salah tetap salah, belajar menerima kekalahan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat seronok dan gembira mengikuti pandangan sahabat saya daripada Kinabatangan. Saya fikir dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu masalah penyakit taun di Kelantan itu kononnya berpunca daripada kekotoran rakyat dan keduanya lebih tepat lagi masalah air.

Saya fikir perkara ini juga penting untuk kita bincang secara terbuka dalam suasana kekeluargaan yang ada saya nampak di Dewan yang mulia ini. Masalah yang disebutkan yang kita jelaskan semalam ialah bahawa kenyataan yang dikatakan dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Kelantan itu sudah pun dijelaskan adalah suatu petikan yang silap oleh akhbar yang dikuasai oleh Barisan Nasional dalam negara kita ini. *[Tepuk]*

Masalah yang ada di Kelantan sebagaimana secara tepat disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi lebih berkaitan dengan masalah air. Air memang merupakan masalah bukan sahaja di Kelantan, dua bulan yang lalu kita baca dalam akhbar rakyat Perlis terpaksa pergi ke seberang sempadan untuk mendapat air. *[Tepuk]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir kawan, teman saya daripada Kinabatangan tidak membaca *chronology of event*, dengan izin. Pertama sekali kenyataan yang pertama berbau politik yang dikeluarkan dengan isu taun ialah kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, bilamana ditanya di luar negara. Bagaimana Kerajaan Kelantan dapat memerintah Malaysia sekiranya taun dia tidak dapat mengawal, itu adalah kenyataan pertama berbau politik mengenai penyakit-penyakit. Tiba-tiba, dengan tidak semena-mena, tiba-tiba penyakit mulut, kaki dan kuku yang lebih bahaya daripada taun merebak ke negeri-negeri yang dikuasai bukan oleh kerajaan PAS.

Yang kedua, mengenai masalah air .... Tidak, ini pertanyaan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat pun hendak buat ucapan tu. Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, ini masalah air. Kemudian yang kedua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ini hendak tanya pendapat Yang Berhormat Tumpat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanyalah. *[Disampuk]*

*[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah] mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Masalah air sudah dijanjikan pada tahun 1998, sudah dijanjikan sebanyak RM600 juta kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk meningkatkan perkhidmatan air. Tidak ada mana-mana negeri di Malaysia yang tidak mendapat pinjaman daripada Pusat yang mampu mengendalikan dan membina pusat air sendiri, tidak ada dalam negara kita.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ini sudah berucap, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Cukuplah, ini luar langsung. Cukup Jeli, Jeli. Duduk, duduk.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kenapa sampai sekarang RM600 juta yang dijanjikan, semua akhbar menyiarkan tidak langsung diberikan kepada Kelantan. Jadi saya hendak mendapatkan kepastian daripada Tumpat, apakah tindakan ini yang sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ini bukan bincang akta langsung ni, *[Ketawa]* luar langsung. Saya ingat balik kepada asallah. Kalau macam ini sampai ... tidak memberi faedahlah akta yang kita bincang ini. Kita sesualah tempat yang lain, sama ada dalam ini hendak cakap dengan orang ramai atau masa ucapan nanti.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Teruskan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya balik kepada pokok perbahasan kita – masalah kanak-kanak dan kebimbangan kita bagaimana masalah kanak-kanak ini sehinggakan kesihatan kanak-kanak pun sudah dijadikan bahan politik oleh pemimpin-pemimpin politik ... kita seru supaya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Sama-samalah. okaylah teruslah yang lain – serupa dua kali lima, lima kali dualah. Teruskan ...akta, akta.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, kita berbincang

berkaitan dengan Rang Undang-undang Kanak-Kanak 2000. Rang undang-undang ini adalah penting kerana isu ini adalah penting.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Mengenai apa Yang Berhormat? Hendak penjelasan mengenai akta ataupun yang lain-lain?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak.... berkaitan dengan... sebabnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Kalau akta saya benarkan, kalau tidak yang tadi sudah berlarutan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Berkaitan dengan akta..... Beri izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Boleh Yang Berhormat Tumpat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Sila, dia sudah duduk.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dibincangkan oleh Yang Berhormat Tumpat tadi mengenai dengan Akta Pelindungan Kanak-kanak, tiba-tiba dibangkitkan soal politik. Soalnya sekarang kita bukan hendak politik, pihak kerajaan, pihak Barisan Nasional tidak sekali-kali hendak mempolitikkan... *[Disorak]* Kita tetap melindungi hak kanak-kanak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Hendak minta penjelasannya apa?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Penjelasannya, sebab dia berkali-kali sebutkan di pihak kita selalu kita mempolitikkan – kemudian disabitkan dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kemudian cuba pula dibangkitkan dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, kita tidak pernah politik. Memang kita akui itu apa yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan mengenai dengan kekotoran di negeri Kelantan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Tidak minta penjelasan Yang Berhormat. Sudahlah nanti berlarut-larut.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Cuma saya hendak minta penjelasan ialah – sikit sahaja sebelum penjelasan yang .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Tidak payahlah panjang mukadimah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak... sebab dia boleh bincang panjang, Yang Berhormat. Jadi, saya minta supaya selanjutnya Yang Berhormat Tumpat, kita tumpukan kepada perbincangan Akta ini daripada Yang Berhormat berkali-kali membuat tuduhan yang melulu dan tidak berasas terhadap pihak kita. Kita tidak pernah pun mempolitik, Yang Berhormatlah yang mempolitikkan perkara ini dan menimbulkan soal-soal politik partisan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Sudahlah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi, kita di sini membincang antara apa daripada pihak wakil rakyat dan pihak kerajaan. Kita hendak membincang perkara itu, tiba-tiba dimasukkan mengenai dengan kita mempolitikkan keadaan. Ini tidak berasas sama sekali, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, perlukah saya jawab permohonan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak payahlah jawab, serupa tadi, yang lainlah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat bahawa rang undang-undang ini melibatkan isu yang amat penting, daripada apa yang kita dengar dalam perbahasan ini semalam, sudah banyak yang dibangkitkan, hari ini saya ingin tambah satu, dua perkara berkaitan dengan masalah untuk melindungi kanak-kanak kita.

Satu daripada perkara yang mana sama ada kanak-kanak atau wanita sentiasa dieksploitasi ialah melalui cara iklan-iklan dibenarkan, sama ada iklan menerusi papan-papan di jalan-jalan raya, sama ada iklan melalui radio dan televisyen ataupun iklan-iklan di dalam akhbar dan media-media yang lainnya. Iklan-iklan ini menggunakan psikologi kanak-kanak dan menggunakan tubuh badan dan paras wanita untuk tujuan menjual jenama-jenama yang kebanyakannya tidak ada kaitan dengan wanita ataupun kanak-kanak.

Alhamdulillah, di negeri Kelantan semenjak sepuluh tahun dahulu telah menyedari hal ini dan mengambil tindakan yang amat berkesan untuk cuba jangan menjadikan masalah eksploitasi kanak-kanak dan wanita ini berjalan seperti yang berlaku di negeri-negeri lain kecuali setahun ini juga di negeri Terengganu sudah ambil tindakan yang sama.

Kerajaan negeri Kelantan telah mengharamkan iklan-iklan yang mempamerkan tubuh badan wanita secara sewenang-wenangnya dan yang tidak ada kaitan dengan jenama atau barangan yang hendak dijual itu.

Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia ataupun Penerangan supaya menyemak kembali berkaitan dengan etika pengiklanan ini supaya eksploitasi kanak-kanak dan wanita tidak dilakukan melalui iklan-iklan.

Eksploitasi kanak-kanak juga berlaku di kalangan penjual-penjual dan kedai-kedai makanan segera, kedai-kedai makanan segera biasanya mengiklankan barangan yang biasanya berbentuk permainan kanak-kanak, gambar-gambar yang bersiri-siri pula diiklan dan barangannya juga bersiri-siri untuk menarik anak-anak muda kita ke kedai-kedai makanan segera itu untuk membeli makanan segera itu tetapi tujuan dan minat sebenarnya kanak-kanak tersebut ialah kepada barangan permainan kanak-kanak, gambar-gambar dan sebagainya yang dijual bersama dengan barangan makanan segera itu.

Ini satu bentuk eksploitasi kanak-kanak yang terpaksa kadangkala memakan makanan yang mungkin tidak sihat untuk mereka, tetapi oleh kerana tarikan iklan dan bentuk jualan yang mempamerkan perkara-perkara yang menarik minat secara psikologi kanak-kanak ini akhirnya merosakkan kanak-kanak kita.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah suatu infrastruktur semata-mata untuk memastikan kanak-kanak kita hidup dalam keadaan, suasana yang lebih baik daripada yang ada sekarang ini.

Dalam infrastruktur yang hendak kita bahaskan ini, perlu ada langkah-langkah seterusnya untuk memastikan pengisian kepada undang-undang ini. Dasar-dasar oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini mestilah diikuti supaya negara kita menerusi anak-anak dan kanak-kanak ini membangun di masa yang akan datang.

Kita telah dengar daripada ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat semalam, bagaimana perlunya kanak-kanak ini diasuh dan dilindungi dengan baik. Saya

bersetuju dengan pandangan tersebut. Beberapa tahun yang lalu, kerajaan telah untuk menjadikan kanak-kanak itu sihat, bukan sahaja dari segi pendidikannya, dari segi akhlaknya walaupun hari ini sudah tidak dipersetujui oleh pihak Barisan Nasional, tetapi hakikatnya Kerajaan Barisan Nasional juga beberapa tahun yang lalu sudah pun mengasuh anak-anak kita untuk berminat dan melibatkan diri dalam politik. Sebab itulah beberapa tahun yang lalu diwujudkan apa yang dipanggil Parlimen Kanak-kanak. Ini bukti yang jelas bahawa Barisan Nasional pun sebenarnya ingin supaya kanak-kanak kita mempunyai pendedahan dan pengetahuan berkenaan dengan politik.

Jadi, tidak betul dan bercanggahlah jika hari ini kita bukan main sekali dimarahi dan ditegur seolah-olah pembangkang sahaja yang ingin mengajar kanak-kanak kita dalam bidang politik, tetapi malang ....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat masih saya rasa tidak tepat dan tidak berasas. Kita tidak pernah mempolitikkan pendidikan kita. Apa yang dilakukan macam mini Parlimen itu ialah untuk mengasuh anak-anak kita bagaimanakah sistem kita beroperasi dan kita tidak sekali-kali memasuki bahan-bahan politik partisan seperti yang dilakukan oleh pihak parti PAS khususnya, bukan DAP. Soal ini PAS ini yang terlalu terlanjur dalam mempolitikkan keadaan sehingga bahan-bahan politik partisan itu dimasukkan. Ini yang membimbangkan pihak kita.

Apakah anak-anak yang tidak berdosa tadi juga bagi saya tetap saya katakan ini sebagai mendera mental anak-anak yang muda dan tidak berdosa dan tidak sama sekali yang boleh kita katakan partisan sifatnya. Tetapi kita yang mempartiskan mereka itu. Pihak kita Barisan Nasional kita tidak pernah mempartiskan anak-anak tadi. Kita hanya kalau kita bercakap mengenai dengan politik, kita bicara mengenai dengan sistem kerajaan kita, sistem pemerintahan kita. Sama sekali kita tidak pernah memasuki bahan-bahan politik partisan di dalam sekolah.

Jadi, saya kira, Tuan Yang di-Pertua, di sini Yang Berhormat mintalah jangan sekali-kali bangkitkan bahawa pihak kami Barisan Nasionallah yang mula mempolitikkan anak-anak ini di peringkat pendidikan awal. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Hakikat sejarah menunjukkan bahawa UMNOlah yang mendidik anak-anak supaya menyokong UMNO, sebab itulah di dalam negara dan di luar negara tidak ada kelab-kelab politik yang lain, kecuali Kelab UMNO. Jadi, saya fikir itu adalah hakikatnya. *[Tepuk]*

Dan satu lagi yang saya hendak sebutkan berkenaan dengan Parlimen Kanak-kanak ini akhirnya terpaksa nampaknya berhenti bukan kerana dasar yang baru tetapi speakernya sendiri Pak Jamal Mohamad sudah masuk parti PAS. *[Ketawa][Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, sila, sila.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay. Saya ingin menyatakan bahawa apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan itu adalah satu pembohongan yang nyata, sebab baru-baru ini ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya tidak hendak Yang Berhormat memberi penjelasan, kalau ...

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tidak ada, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, Yang Berhormat begitu.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Baru-baru ini pelajar-pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 di seluruh Wilayah Persekutuan dipilih untuk mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan dan di dalam kursus-kursus tersebut, mereka didedahkan dengan bahan-bahan kepartian UMNO dan Barisan Nasional. Jadi, apa yang dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen itu adalah satu kenyataan yang tidak benar sama sekalilah, kerana UMNO lah yang melakukan ini terhadap pelajar-pelajar di tingkatan 4 di Wilayah Persekutuan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Setuju, khabar setuju sahajalah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ha, saya setuju lah apa yang dikatakan oleh .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus kepada topik yang lain.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dahulu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Boleh saya jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak boleh berjangkit-jangkit, yang dia bercakap ini ....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat Kemaman ini kata saya bohong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk dahululah.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Anak saya sendiri yang pergi, dia ada cerita apa yang berlaku dalam kem tersebut.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, saya tidak bohong. Saya tidak bohong. Yang Berhormat kata saya bohong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduklah Yang Berhormat. Ini bukan tempat bertengkar macam ini. Tidak memberi makna apa-apa. Duduk, duduk.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, cuma ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya minta balik kepada asal, yang bercakap Tumpat. Yang lain semua duduk dahulu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya beritahu sedikit sahaja kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk dahulu, bukan saya boleh membenarkan masa sekarang. Bukan saya boleh membenarkan. Saya minta kepada siapa yang bercakap. Ada siapa yang minta penjelasan, saya mesti minta persetujuan daripada dia, kalau dia kata boleh saya berilah, kalau dia kata tidak boleh saya tidak berilah. Begitulah caranya, selama ini pun beginilah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, saya hendak minta ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sekarang ini saya minta Pendang pun duduk dahulu, pihak Yang Berhormat sana

duduk dahulu. Lepas itu saya minta .....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi peluang banyak kepada Setiausaha Parlimen, saya fikir saya ingin menghormati Ketua Pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Itu biasalah itu. *[Ketawa]* Hormat ketua biasalah. Sila, sila.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Yang Berhormat Tumpat, adakah Yang Berhormat mengetahui bahawa dalam konvensyen UMNO Kedah baru-baru ini, pelajar-pelajar daripada beberapa buah sekolah menengah di daerah Alor Setar telah dijemput hadir menghadiri konvensyen UMNO, tidakkah ini juga merupakan usaha UMNO untuk mempengaruhi pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah yang masih lagi belum mencapai umur matang untuk terlibat dengan politik dan dipengaruhi dengan elemen-elemen politik UMNO yang kotor dan jijik ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Hmm, sama kotor, sama jijik. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi dan mengikut maklumat yang kita perolehi bukan sahaja konvensyen UMNO di Kedah, tetapi konvensyen UMNO di Kelantan dan di negeri-negeri lain pun perbuatan melibatkan kanak-kanak yang mana tidak sepatutnya dilibatkan dalam politik kepartian seperti itu telah berlaku. Ini saya fikir gejala yang wujud dalam negara kita dan adalah suatu yang bercanggah dengan apa yang digembar-gemburkan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya, ada tiga orang yang berdiri Yang Berhormat, yang mana satu hendak beri?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya fikir Hulu Terengganu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Itu hak dia, saya hanya bercakap sahaja. Sila.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tumpat. Adakah Yang Berhormat Tumpat bersetuju bahawa UMNO telah menggunakan medan pelajar ini untuk mempengaruhi pelajar dan guru-guru di mana satu pekeliling dikeluarkan di negeri Terengganu tidak membenarkan wakil-wakil rakyat daripada PAS, daripada parti yang bukan Barisan Nasional untuk merasmikan mesyuarat agung PIBG dan sebagainya program di sekolah, tetapi telah memberi peluang seluas-luasnya kepada wakil rakyat Barisan Nasional untuk menggunakan platform ini terutama ketua bahagian walaupun tidak menang dalam pilihan raya telah pergi ke sekolah-sekolah menggunakan platform sekolah dan PIBG untuk menghentam parti PAS dan parti-parti yang tidak bersetuju dengan Barisan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang dipohon penjelasan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu, malah di Tumpat ini juga berlaku, pemimpin-pemimpin politik UMNO yang tidak berjawatan kerajaan dipanggil untuk merasmikan mesyuarat-mesyuarat PIBG di satu tempat itu bukan pun daripada Tumpat tetapi pemimpin UMNO yang lain dan malangnya guru-guru dan ibu bapa kecewa dengan apa yang berlaku ini kerana tokoh-tokoh UMNO yang datang itu tidak pun memberi apa-apa bantuan kepada sekolah yang beliau rasmikan itu. Berbeza dengan zaman saya dahulu, Tuan Yang di-Pertua, yang mana kalau saya rasmikan mesti saya beri peruntukan peribadi dan sebagainya.

Ini saya fikir suatu keadaan yang amat membimbangkan. Begitu juga pada minggu ini sahaja, saya telah terpaksa membelanjakan peruntukan untuk rombongan PIBG, murid-murid dari dua sekolah daripada Tumpat yang melancong dan lawatan sambil belajar ke negeri-negeri yang lain. Maknanya walaupun kita dihalang daripada menghadapi program-program di sekolah-sekolah oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional, .....



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, ini ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** .....kita terus juga melakukan tanggungjawab kita kepada pelajar-pelajar kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Biasalah Yang Berhormat kena belanja kepada kawasan dia.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Kinabatangan.

**Tuan Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, apabila kita mendengar apa yang penjelasan Yang Berhormat dari Tumpat, nampaknya memang pembangkang ini tidak pernah jadi relevan, selalu negative thinking ataupun berfikir negatif. Kerana yang mula-mula menghasut pelajar-pelajar daripada kecil, daripada bangku sekolah, pembangkanglah. Memijak gambar pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sebagainya – pembangkanglah. Kemudian dituding jari pula kepada UMNO dan Barisan Nasional. Dan saya mahu tanya Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat, di Kelantan dan di Terengganu adakah Kerajaan Kelantan dan Terengganu membenarkan kepada pemimpin UMNO membuat upacara perasmian bagi kerja-kerja di peringkat negeri, memangnya sudah tidak ada.

Justeru itu, bidang-bidang kuasa di bawah Persekutuan juga akan kita lakukan melalui Persekutuan, ini jelas dan tidak perlu dipersoalkan. Yang penting Yang Berhormat juga mungkin berasal mula-mulanya daripada UMNO, memang cukuplah untuk memberi derma peribadi dan sebagainya kerana YB cukup kaya raya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah. Ya, ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan mengatakan bahawa Kelantan dan Terengganu tidak memberi ruang kepada menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin UMNO. Ini fakta yang tidak tepat. Baru minggu lepas, saya bertemu dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri melawat Tanah Merah untuk urusan kerajaan. Beberapa bulan yang lalu, dua kali Menteri Pertanian melawat Kelantan, bersama-sama diberi sambutan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCO Pertanian dan sebagainya dan melancarkan dan memberikan tanah untuk program-program pertanian di bawah Kementerian Pertanian di negeri Kelantan.

Jadi, sikap pihak Kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu amat terbuka dan mengikut apa yang ada dalam Perlembagaan memberi kuasa dan tempat kepada Kerajaan Persekutuan dalam bidang-bidang yang mereka ada kuasa. Jadi, tidak betul apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan rang undang-undang ini, saya ingin menyarankan supaya memandangkan bahawa kita menitikberatkan tentang masalah kanak-kanak, kita menganggap bahawa masa depan kanak-kanak itu amat penting, maka saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Barisan Nasional benar-benar menunjukkan bahawa kerajaan ini ada minat yang tinggi terhadap masa depan kanak-kanak, maka dalam perbahasan ini, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengambil tindakan untuk memperbesar lagi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini, ianya perlu kerana ianya mempunyai tugas kalau mengikut rang undang-undang ini, yang amat besar untuk melindungi kanak-kanak, untuk menjadi sebahagian daripada mahkamah kanak-kanak, untuk menjadi pegawai kebajikan kanak-kanak dan banyak lagi tugas-tugas untuk menjaga akhlak kanak-kanak, tetapi kalau kita turun ke peringkat negeri dan daerah-daerah, bilangan pegawainya adalah amat kecil sekali dan tarafnya dalam sistem struktur pentadbiran negara ini adalah amat rendah sekali.

Ini bercanggah dengan semangat yang ditunjukkan kononnya menerusi akta dan rang undang-undang ini hendak memberikan pertimbangan yang penting kepada



kanak-kanak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang yang berdiri.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ya, Yang Berhormat Tanah Merah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak apa, saya ikut sahaja siapa yang dia beri.

**Tuan Saupi bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya telah diberi laluan oleh Yang Berhormat Tumpat, yang pertama sekali saya ingin menyatakan adakah Yang Berhormat Tumpat bersetuju dengan diskriminasi yang telah dilaksanakan oleh sesetengah pemimpin UMNO terutama sekali di dalam pemberian hak kepada murid-murid di sekolah rendah sekali pun. Kes-kes ini saya *quotekan* apa yang berlaku di dalam kawasan Yang Berhormat sendiri, di dalam Parlimen Tumpat di mana pemimpin-pemimpin UMNO yang hendak menyampaikan hadiah kepada murid-murid miskin, umpamanya penyampaian basikal dan juga bantuan pakaian murid sekolah dan sebagainya telah mengarahkan pihak sekolah, pihak guru besar supaya meneliti dan memastikan murid-murid yang menerima bantuan-bantuan tersebut adalah terdiri daripada kalangan anak-anak orang UMNO sahaja. Jadi, ini adalah menunjukkan suatu perkara yang tidak baik.

Dan yang keduanya, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Tumpat tadi, saya ingin minta juga penjelasan, bahawa saya pernah diarah diminta oleh pihak guru besar untuk menandatangani surat minta bantuan daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Tumpat untuk rombongan pelajar yang akan mengadakan lawatan pada 26 Oktober ini ke Kuala Lumpur semata-mata untuk Yang Berhormat memberi bantuan makan, sama ada tengah hari atau malam tetapi apabila saya minta pihak guru besar sendiri menandatangani surat tersebut, apa yang diberikan ialah pihak guru besar tidak berani kerana ini melibatkan parti pembangkang dan juga bantuan daripada Yang Berhormat daripada pembangkang.

Jadi, inilah saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Saya bersetuju dengan pengalaman Yang Berhormat alami, sebab ini adalah pengalaman yang dialami oleh boleh dikatakan kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat kita daripada parti PAS dan parti pembangkang yang lain diberikan layanan yang amat buruk oleh pihak pemimpin politik melalui arahan yang dikenakan terhadap pegawai-pegawai kerajaan. Sepertilah apabila royalti minyak digantikan dengan ihsan kononnya yang menandatangani surat itu bukanlah pemimpin politik, bukanlah Menteri Kewangan atau Timbalan Menteri Kewangan tetapi hanyalah Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang saya fikir tidak pun meletakkan tandatangan beliau di atas dokumen itu yang merubah ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, balik asallah Yang Berhormat, di luar langsung ini.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkuatkan lagi contoh yang kita lihat itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hm, contoh banyak, sampai pagi esok pun tidak habis. *[Ketawa]* Teruskan kepada perkara yang lain.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, jadi inilah pentingnya saya fikir kalau benar-benar kita menganggap bahawa masalah dan masa depan kanak-kanak adalah penting untuk masa depan negara kita, maka tindakan ekoran yang kita ingin lihat dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan selepas ini ialah memperbesarkan lagi kementerian yang berkenaan ini dan meningkatkan lagi taraf pegawai-pegawai yang

ada di bawahnya supaya pegawai-pegawai yang ramai, yang cukup, yang terlatih ini dapat benar-benar memainkan tugas mereka sesuai dengan infrastruktur undang-undang yang hendak kita luluskan dalam sidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sebutkan ialah berkaitan sebagaimana disebutkan juga oleh Yang Berhormat sebelum ini ialah bagaimana kita dapati dalam majlis yang hendak ditubuhkan ini terdapat anggota-anggotanya yang mana dari belasan anggota majlis ini di muka surat 20 ini tidak ditetapkan secara khusus pemimpin-pemimpin ataupun tokoh-tokoh agama sebagai anggota tetap di dalamnya. Daripada anggota yang ada ini sebagaimana yang kita dengar semalam kebanyakan mereka adalah mewakili jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan. Walaupun diletakkan seorang pemimpin atau tokoh agama tetapi ianya bukan ditetapkan khusus kepada jawatan itu tetapi sekadar tidak lebih daripada tujuh orang yang mempunyai pengalaman dan sebagainya. Saya ingin memohon supaya dipinda bagi memastikan bahawa tokoh-tokoh agama diberikan tempat yang khusus dalam keanggotaan majlis ini. Saya ingin menyarankan supaya tokoh agama itu sekurang-kurangnya dua orang, iaitu seorang mewakili Jabatan Agama Islam Negeri dan seorang lagi mewakili pemimpin agama yang lain yang mana kes ataupun keadaan setempat itu berkaitan. Ini saya fikir penting kerana ianya menunjukkan bahawa negara kita benar-benar menganggap bahawa masalah keluarga, masalah kanak-kanak, masalah wanita, ini ada kaitannya dengan keadaan kepercayaan kita, amalan keagamaan kita dan sebagainya. Saya ingin menyarankan supaya cadangan ini sebagaimana yang dicadangkan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain diberikan pandangan yang berat oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebutkan sekali lagi betapa pentingnya masalah ini dan saya anggap bahawa kerajaan selepas ini tidak lagi mengambil mudah perkara-perkara dan masalah-masalah yang dibangkitkan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Minta penjelasan, ya.

**Tuan Muhammad bin Mustafa:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tumpat berkenaan dengan pengisian ataupun pembangunan kemanusiaan itu sendiri di mana seseorang manusia itu dari segi fizikalnya dibesarkan melalui makanan dan minuman dan dari segi kerohaniannya dibesarkan daripada apa yang dia lihat dan apa yang dia pandang dan apa yang dia rasa di dalam kehidupannya. Jadi, soalan saya pertama, tentang pemakanan, saya ingin tahu apakah makanan yang dibekalkan kepada anak-anak kita di dalam negara kita ini semuanya halal?

Kedua, bahan tontonan, bacaan dan sebagainya kita tengok apa yang dibekalkan oleh TV Malaysia ataupun TV yang lain menunjukkan bahawa kerajaan tidak begitu serius untuk membina kemanusiaan di mana banyak keracunan-keracunan yang boleh membunuh kerohanian manusia yang disediakan di TV kita yang boleh merosakkan pemikiran dan kerohanian kanak-kanak. Jadi, bagaimana kalau kita mengharapkan suatu masa depan kanak-kanak yang sihat dari segi kerohanian, mental dan fizikal kalau sistem media kita tidak dibetulkan terlebih dahulu dan dibetulkan juga pemimpin-pemimpin yang menjadi contoh kepada kanak-kanak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, jangan .....

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Peringat yang membangkitkan santapan rohani dan santapan jasmani yang saya fikir adalah perkara-perkara yang amat penting yang mesti diambil berat oleh semua pihak dan

terutamanya pihak yang berkuasa iaitu, pihak Kerajaan Pusat. Saya menyokong cadangan dan pandangan beliau, saya hanya boleh mengulangi di sini bahawa hasrat kita ialah untuk melihat supaya kementerian yang melibatkan diri dalam rang undang-undang ini dan kementerian-kementerian yang lainnya memandang berat akan kesihatan mental dan jasmani anak-anak kita ini supaya tidak dirosakkan lagi oleh keadaan-keadaan yang ada yang sebahagiannya memang di luar kuasa kita menerusi internet dan televisyen walaupun sebahagian sepatutnya boleh dikawal tetapi dianggap sebagai di luar kawalan kita tetapi sesetengahnya memang berada di bawah kuasa dan kawalan kita tetapi agak longgar dan kadang-kadang tidak ada langsung pengawalan dan pengawasan yang dikenakan dalam bidang-bidang yang berkaitan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah perkara-perkara yang saya ingin sebutkan di dalam perbahasan ini, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Dungun. Selepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab. Ya, sila Yang Berhormat bagi Dungun.

11.45 pagi.

**Tuan Mustafa bin Ali [Dungun]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Waalaikumussalam wabarakatuh.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan untuk saya mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dikemukakan ini merupakan satu perkara yang sangat besar dan matlamat yang dinyatakan di dalam rang undang-undang ini juga suatu matlamat yang begitu besar dan unggul dan saya suka memetik *preamble* kepada rang undang-undang ini di mana ianya menyatakan mengiktiraf wawasan negara sebagai negara maju sepenuhnya ialah suatu negara di mana keadilan sosial dan pembangunan moral, etika dan rohani sama pentingnya dengan kemajuan ekonomi dalam mewujudkan suatu masyarakat Malaysia madani yang bersatu-padu, progresif, damai, penyayang, adil dan berperikemanusiaan.

Matlamat ini adalah satu matlamat yang sangat besar, cumanya apakah kerajaan benar-benar serius, committed dan beriltizam dalam melaksanakan matlamat yang disebutkan pada permulaan rang undang-undang yang dikemukakan ini?

Masyarakat penyayang, adil dan masyarakat yang madani yang diperkenalkan dalam rang undang-undang ini ialah suatu yang telah diperkenalkan akhir-akhir ini walaupun mungkin orang yang mula-mula memperkenalkan istilah madani ini dalam pemerintahan sudah tidak ada lagi dalam Parlimen ini, berada di Sungai Buloh sekarang. Walaupun begitu kerajaan telah menerima pakai istilah ini sebagai suatu hasrat dan kenyataan untuk dilaksanakan.

Satu lagi mengiktiraf bahawasanya kanak-kanak bukan sahaja merupakan satu bahagian penting masyarakat tetapi merupakan kunci kehidupan pembangunan dan kemakmuran masyarakat. Saya bersetuju dengan segala hasrat dan objektif yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini.

Sebenarnya kalau kita dapat menyelesaikan masalah yang kita nyatakan ini, kita telah menyelesaikan separuh, satu generasi manusia yang ada dalam negara kita ini. Kalau kita ukur dari segi percentage - jumlah yang diistilahkan sebagai kanak-kanak iaitu yang berumur 18 tahun ke bawah secara - yang mungkin tidak terlalu tepat tetapi paling kurang saya merasakan kita mempunyai tidak kurang daripada 50% daripada penduduk. Berdasarkan kepada kanak-kanak yang mendaftar untuk Darjah Satu sahaja sudah berjumlah dua juta orang. Ertinya kalau kita dapat menyelesaikan

berterusan jumlah yang sangat besar daripada penduduk dalam negara kita ini yang nantinya suatu ketika akan mengambil alih pimpinan seterusnya mentadbir negara ini.

Oleh kerana itu, saya suka menyebut di sini bahawa apa yang kita bahaskan ini ialah mengenai rang undang-undang tetapi undang-undang bukan satu-satunya penyelesaian kepada masalah yang kita hadapi dalam membina dan membangunkan kanak-kanak yang menjadi hasrat dan matlamat kita. Banyak perkara yang terlibat menjamin bahawa tidak berlakunya *abuse*, tidak berlakunya perkara-perkara yang tidak baik kepada kanak-kanak. Oleh kerana itu, saya suka menyebut bahawa perlu suatu pendekatan yang tidak semata-mata bersifat *legalistic* yang bersifat semata-mata undang-undang dalam kita hendak menyelesaikan masalah ini. Ia mestilah dilakukan secara yang bersepadu, secara yang menyeluruh - secara *holistic*, yang menyeluruh supaya matlamat yang hendak kita capai itu dapat kita *addresskan* dalam isunya yang sebenar supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk kita menyelesaikan masalah kita perlu tahu apakah sebenarnya yang menjadi punca kepada masalah ini? Untuk memberikan jawapan ini, bukanlah satu jawapan yang mudah tetapi berdasarkan kepada kajian bahawa punca yang melahirkan tindakan-tindakan yang mungkin tindakan undang-undang ini boleh *diapplykan* kepada kesalahan-kesalahan yang disebutkan itu terlalu banyak. Dalam kita mencari sebab musabab kepada masalah yang ada ini selalunya orang mungkin bertanya berdasarkan kepada apakah masalah itu, di manakah masalah itu wujud, siapakah yang melakukan kesalahan itu dan akhirnya sekali bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah ini?

Dalam bahasa wartawan barangkali disebut - ia ada lima "w" dan satu "h" - "*what, when, where, who, why*" dan "*how*". Persoalan yang mengenai bagaimana inilah yang sukar untuk dijawab. Kita mungkin dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi tetapi bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah yang ada di hadapan kita.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita hadapi sekarang kalau kita kembali dan kita dapat melihat beberapa ucapan yang telah dinyatakan di dalam Dewan ini sendiri, perlakuan yang melibatkan semua golongan manusia, yang melibatkan bukan sahaja kanak-kanak tetapi ibu bapa, masyarakat yang hampir dengan ibu bapa, masyarakat yang di luar daripada ibu bapa sendiri yang menimbulkan perlakuan-perlakuan yang membantut perkembangan kanak-kanak sendiri di samping soal-soal dasar yang menjadi tanggungjawab kerajaan yang memerintah hari ini.

Kerajaan sama ada Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri kita sama-sama bertanggungjawab di dalam hal ini. Oleh kerana itu, kalau kita tidak mendapat suatu gambaran yang jelas kita mungkin memberi ubat yang tidak kena pada sasarannya. Oleh kerana itu, mungkin saya beranggapan kajian telah dibuat oleh kementerian yang berkenaan supaya segala masalah itu dapat difahami, dapat dikumpulkan dan tindakan secara yang menyeluruh itu yang melibatkan bukan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sahaja tetapi melibatkan banyak kementerian akan dapat kita manfaatkan bagi menghadapi masalah yang kita hadapi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak huraikan tentang masalah-masalah tetapi saya lebih menumpukan bagaimana seharusnya beberapa rancangan yang boleh kita laksanakan di dalam kita menyelesaikan masalah yang ada di hadapan kita selain daripada penyelesaian melalui undang-undang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, antaranya dan telah disebutkan di dalam rang undang-undang ini sendiri pun bahawa kita hendak mewujudkan masyarakat madani, masyarakat penyayang, masyarakat yang berperikemanusiaan, kita harus dapat menunjukkan satu contoh, satu model yang baik kepada anak-anak kita kerana anak-anak kita ialah orang yang melihat kepada *role model* yang ada di hadapan mereka sama ada guru mereka, ibu bapa mereka, *peer groups* mereka, kawan-kawan yang sebaya dengan mereka. Semua tindakan masyarakat di sekeliling akan mempengaruhi anak-anak kita dan oleh kerana itu, *role model* yang hendak

diwujudkan mestilah suatu role model yang mampu untuk menterjemahkan sifat yang bukan sahaja kepada sifat fizikal anak-anak itu, nalurinya, emosinya, *spiritualnya* perlulah kita *addresskan* sekali supaya akan dapat mewujudkan suatu personaliti yang *rounded* bukannya satu personaliti yang *split* yang tidak tahu pedoman ke mana mereka akan pergi akhirnya dan inilah yang perlu kita lakukan.

Oleh kerana itu, antara beberapa cadangan yang saya hendak kemukakan hari ini ialah yang pertama, kita mesti menanamkan sifat bercakap benar ini kepada semua masyarakat daripada bawah sampai ke atas. Ya?

**Datuk Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Datuk Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mendengarkan ucapan Ahli Yang Berhormat bagi parti PAS ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dungun.

**Datuk Napsiah binti Omar:** Dungun...sangatlah menarik begitu mulia sekali ideal-idealnya tetapi tahukah Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di bawah. Saya terpaksa bangun kali ini kerana saya tahu satu kes sebab pada waktu semalam saya mendengar ucapan dan sambungan ucapan Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat juga. Saya ini bertanya kepada Ahli Yang Berhormat bagi Dungun, tahukah Ahli Yang Berhormat apa yang ditaburkan di tempat tadika hari ini? Di Wilayah Persekutuan ada satu tempat dan saya akan beri kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat kalau dia hendak tahu di mana gurunya – tidak ada dalam kurikulum kanak-kanak itu, tetapi, di waktu selingan bila hendak buat dua kumpulan, dia akan kata, “di sini anak-anak daripada orang parti PAS, di sini anak daripada UMNO”. Anak-anak boleh baca kesukaan guru, kegemaran guru, jadi berlarilah kepada kumpulan anak orang PAS, guru memberi puji, “bagus, ini ramai, anak orang UMNO berapa orang? Oh! dua, tiga sahaja”. Kerana anak-anak dua, tiga sahaja berani lari ke hadapan mengatakan kebenaran yang dia anak UMNO, tetapi dia dikeji oleh guru. “Ah! tengok anak orang UMNO, tiga orang sahaja, ini kecil kumpulan ini, engkau lemah, orang UMNO lemah, ah! tengok orang PAS, ramainya orang PAS, anak-anak PAS begitu ramai”. Sedarkah Yang Berhormat ini berlaku dan juga sedarkah Yang Berhormat berlakunya di mana benih-benih, unsur-unsur yang keji ditanamkan di minda-minda yang begitu muda ini. Mereka mengajar anak-anak ini untuk membenci, mengutuk pemimpin-pemimpin negara hari ini. Dalam pantun tiga kerat sahaja, mereka mengatakan pemimpin makan babi. Kepada orang Melayu, makan babi ini haram, perkara yang dikutuk, yang dibuat oleh orang kafir sahaja. Sebab itu bila ditanamkan unsur-unsur ini di minda anak-anak ini maka timbullah kesedaran pada anak-anak ini, mungkin pemimpin negara kita ini kafir, mungkin pemimpin kita ini membuat perkara yang dikutuk, dihina.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat tak?

**Datuk Napsiah binti Omar:** Jadi, itulah hendak tanya, tahukah Ahli Yang Berhormat ini berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tidak pernah dengar perkara ini sebelum ini kecuali yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dan saya bersedia untuk mendapatkan satu fakta yang benar mungkin di luar Dewan barangkali kita boleh bincang, insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, sambung terus.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tetapi berdasarkan kepada kenyataan itu, kalau demikianlah keadaannya erti masa depan UMNO terlalu gelap dalam negara ini [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:** Belum tentu lagi mana gelap, mana terang [Ketawa] teruskan.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Sebab saya sebut Datuk Yang di-Pertua, sebab dia sebut yang kumpulan UMNO terlalu sedikit itulah kalau .... [Ketawa] terima kasih.

Saya telah menyebut tadi bahawa kita perlu menanamkan sikap bercakap benar ini terutama sekali oleh pemimpin sendiri dan saya sedih sebenarnya Datuk Yang di-Pertua oleh kerana pemimpin-pemimpin sendiri tidak memberikan suatu gambaran yang benar, tidak bercakap benar dan bila tidak bercakap benar, contoh itu sebenarnya akan menular kepada anak-anak. Saya ambil satu contoh [Sambil membelek beberapa helaian kertas] ini satu contoh kebetulan perkara ini ada di hadapan saya. Saya bukan hendak bincangkan soal royalti ini tetapi surat yang berkait dengan royalti ini [Disampuk] sebagai satu contoh.

Dalam Para 8 surat *press release* yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menyebut "Sejak tahun 1978 lagi kerajaan melalui Petronas telah mengagihkan pemberian ehsan kepada Terengganu. Ini adalah ekoran dari keputusan Allahyarham Tun Abdul Razak pada tahun 1974 agar negeri Terengganu diberikan wang ehsan memandangkan kedudukannya sebagai negeri termiskin ketika itu. Kini negeri Terengganu bukan lagi negeri termiskin berikutan program-program pembangunan yang dibawa oleh kerajaan Barisan Nasional" - Rasmi daripada Kementerian Kewangan

Pada 14 haribulan yang lalu, 4 hari yang lalu, 'Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar' menyebut di Kuching dalam Bahasa Inggeris tetapi saya terjemahkan. Negeri yang paling miskin ialah Kelantan - 19.2. Yang kedua Terengganu - 17.3 di mana benarnya negeri Terengganu telah terkeluar daripada senarai negeri yang termiskin berdasarkan program yang telah dilakukan dan kalau wang ehsan ini seharusnya diberikan kepada negeri termiskin Kelantanlah negeri yang paling layak untuk diberikan. Jadi sebab itu saya tidak fikir ini perbuatan ayat-ayat ini dikeluarkan oleh pegawai-pegawai memahami pegawai adalah patuh kepada cara-cara yang benar tetapi mungkin surat ini diarahkan oleh menteri, kalau saya tidak tepat pun boleh betulkan supaya fakta yang seperti ini dinyatakan sedangkan fakta ini adalah salah. Ini suatu pembohongan, kenyataan yang tidak tepat di peringkat yang paling tinggi oleh kementerian yang bertanggungjawab tentang termasuk statistik dan angka itu sendiri.

Saya haraplah supaya kenyataan-kenyataan yang seperti ini sebenarnya berhati-hatilah pihak pemimpin-pemimpin kerajaan supaya tidak berlaku percanggahan sesama sendiri semata-mata kerana kepentingan politik semasa di waktu surat itu didrafkan. Itu suatu contoh.

Hari ini pun dalam *Utusan Malaysia* diulangi oleh salah seorang daripada Timbalan menteri, Timbalan Menteri Penerangan mengulangi lagi tentang ayat ini. Saya harap perkara ini dapat diperbetulkan insya -Allah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang kedua, mestilah kita mewujudkan ibu bapa yang bertanggungjawab dan ibu bapa yang bertanggungjawab mestilah mempunyai parenting skill, keupayaan, kebolehan untuk mendidik anak-anak kita. Apakah sebenarnya yang telah kita lakukan sekarang ini oleh pihak kerajaan sendiri dalam mewujudkan ibu bapa yang mampu mendidik anak-anak dengan baik. Untuk mendidik anak-anak dengan baik, ibu bapa sendiri harus mempunyai sikap yang baik, yang tahu tanggungjawab mereka dan oleh kerana itu kementerian ini di samping kementerian-kementerian yang lain bertanggungjawab untuk memastikan bahawa persoalan ini walaupun undang-undang mengenai kanak-kanak ia juga melibatkan ibu bapa yang seharusnya diberikan peranan di mana-mana sahaja sama ada oleh kementerian ini ataupun kementerian-kementerian yang lain.

Yang ketiga, saya pergi secara cepat Dato' Yang di-Pertua. Kita harus mewujudkan masyarakat penyayang sebagaimana juga disebut di dalam rang undang-undang ini. Masyarakat penyayang tidak boleh diwujudkan dengan kebencian, diskriminasi, dengan penindasan. Ia boleh diwujudkan dengan sifat kasih sayang itu sendiri dan sifat kasih sayang ini mestilah diwujudkan dengan contoh yang sangat nyata oleh pemimpin-pemimpin terutama sekali saya tidak menyebut hanya pemimpin kerajaan, pemimpin semua peringkat yang mesti kita tunjuk bahawa kita adalah terdiri daripada masyarakat penyayang dan untuk berbuat demikian tidak seharusnya perkara yang mengenai untuk mewujudkan masyarakat penyayang ini juga dipolitikkan. Saya mendengar banyak ucapan-ucapan yang telah disampaikan sejak daripada semalam sampai hari ini perkara-perkara yang kecil pun sudah dipolitikkan demikian rupa.

Seharusnya kita boleh bercakap memberikan pandangan mengatasi pertimbangan-pertimbangan politik yang sangat sempit.

Yang keempat, perlu kita kembalikan nilai-nilai kemanusiaan di dalam masyarakat kita sendiri. Sebab itu saya mulakan dengan.....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Boleh tanya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Nilai kemanusiaan, diskriminasi bolehkah Dungun terangkan kenapa kerajaan Barisan Nasional tidak insaf dalam perkara ini misalnya mereka diskriminasi baja terhadap rakyat Kelantan kemudian mempermainkan soal subsidi padi di jajahan Pasir Mas. Hasil daripada mempermainkan rakyat Kelantan itu mereka hanya tinggal dua kerusi sahaja sekarang di Kelantan dan Gua Musang sendiri hanya selamat dengan undi Orang Asli. Sekarang mereka bertindak begitu di Terengganu. Apakah mereka ingat dengan mempermainkan rakyat Terengganu itu, rakyat Terengganu akan patah balik sayang kepada mereka. Taktik yang digunakan di Kelantan nampaknya diteruskan di Terengganu. Barisan Nasional tidak menginsafi perkara ini. Setuju atau tidak pandangan saya?

**Tuan Mustafa bin Ali:** Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tepat dengan apa sebenarnya yang saya – mungkin saya tidak perlu sebut kerana beliau telah sebut tadi. Ini pengalaman sendiri, pengalaman yang sedang kita alami selepas Kelantan dan Terengganu yang saya menyebut tadi ialah contoh yang paling tinggi, *capitation grant* yang sepatutnya diberi kepada negeri Terengganu sebagaimana juga negeri lain pada bulan Februari dan bulan Ogos seharusnya sudah selesai. Hari ini satu sen pun tidak memberikan *capitation grant* kepada negeri Terengganu, yang seharusnya *is provided for in the Constitution*, dengan izin Datuk Yang di-Pertua, tidak boleh tetapi dia berdasarkan pengalaman Kelantan, 31 Disember baru dibayar kerana itu Perlembagaan menyatakan demikian jangan lepeh sampai tahun depan. Kalau boleh lepeh barangkali tahun depan baru dibayar. Ini suatu contoh.

Tadi waktu membincangkan soal perumahan, 13 projek rumah kos rendah on going pelbagai peringkat, ada peringkat menyediakan infra, peringkat untuk menyediakan construction yang kerajaan negeri Terengganu dulunya telah dijanjikan sudah pun ada perjanjian untuk diberikan pembiayaan bagi projek ini telah ditarik balik oleh Kerajaan Pusat semata-mata kerana perubahan kepada kerajaan. Kita bercakap tentang hendak menyediakan rumah tetapi kita sebenarnya menghambat, menyekat daripada pertumbuhan yang seperti itu kerana politik. Ini contoh Datuk Yang di-Pertua.

Oleh kerana itu masyarakat penyayang tidak dapat diwujudkan dengan sifat diskriminasi yang seperti ini. Sedangkan negeri Terengganu sendiri saya rasa negeri satu-satunya negeri yang memulakan memberikan peruntukan kepada wakil rakyat daripada pembangkang sama seperti wakil rakyat yang lain. Setiap tahun RM100,000 kita berikan kepada mereka. Tidak ada negeri lain yang berbuat demikian tetapi kita



memulakan ini sebab kita merasakan kita perlu memberikan contoh dulu baru barangkali orang akan melihat kebaikan daripada contoh yang kita tunjukkan tetapi balasan yang kita terima sebaik sahaja selepas itu royalti ini telah ditarik balik tetapi saya tidak hendak panjangkan ini dan saya akan bercakap dalam Budget nanti insya-Allah.

Yang kelima, tadi saya kata kemanusiaan-kemanusiaan suatu yang menyeluruh. Keadilan mestilah kita tegakkan di mana-mana pun yang kita berada.

Yang keenam, kita harus kembali kepada fitrah insaniah manusia itu sendiri dalam kita hendak menyelesaikan masalah yang ada di hadapan kita. Oleh kerana itu setiap perlakuan yang hendak kita lakukan kerana kita melihat terlalu banyak unsur-unsur negatif yang berlegar di tengah-tengah masyarakat. Telah disebut sebahagian daripada yang disebabkan oleh media massa, cetak dan elektronik. Sebahagiannya telah disebabkan oleh undang-undang yang tidak melihat bahawa tempat-tempat yang memungkinkan perkara-perkara yang buruk yang merosakkan anak-anak kita ini dibuka dengan seluas-luasnya. Bagaimana kita tidak mempedulikan masalah video games, pusat-pusat yang sedemikian dan bermacam-macam pusat lagi sehinggalah pil ecstasy ini menjadi satu masalah barulah untuk mencelikkan mata pemimpin baru hendak nampak bahawa antara yang tersebar luasnya pil ini ialah di tempat-tempat berkumpulnya pusat-pusat yang saya katakan tadi.

Jadi harus mestilah kita kembali bahawa manusia itu walaupun manusia ini waktunya ada baik, ada jahat, ada tidak baik tetapi ada suatu penahan dalam diri manusia yang boleh mencegahnya daripada melakukan suatu tindakan yang dia rasa barangkali nafsunya mahu melakukan tetapi dengan sekatan-sekatan daripada dalam, dia dapat menyekat perkara ini, dia harus kembali kepada 'dhomir'nya, *conscience*, manusia tetap mempunyai *conscience*.

Orang yang paling jahat dalam dunia pun ada *conscience*, ada 'dhomir'nya di mana fitrah itu sendiri ialah satu fitrah manusia yang seharusnya dikembalikan kepada *consciencenya*, 'dhomir'nya dan kalau ini menjadi satu 'check' kepada manusia mungkin akan dapat mencegah mereka ini melakukan perkara-perkara yang tidak baik yang boleh merosakkan anak-anak kita.

Terlalu banyak kes yang kita sama-sama maklum bagaimana ayah memperkosa anak, waris, keluarga yang terdekat berdasarkan kepada statistik yang dibuat oleh jabatan polis sendiri dalam kes-kes yang ditunjukkan. Perlakuan-perlakuan yang tidak baik terhadap kanak-kanak ini *percentagenya* lebih besar daripada orang-orang yang mereka kenali dibandingkan dengan orang-orang yang mereka tidak kenali. Ertinya suatu perkara yang sudah silap di dalam sistem kekeluargaan kita yang seharusnya kita perbetulkan.

Yang ketujuh, kita mestilah walaupun tidak boleh sekali gus kita menghapuskan nilai cara hidup hedonistik yang berjalan begitu meluas dalam negara kita. Cara hidup hedonistik yang tidak mempedulikan kepada nilai-nilai yang baik telah menyerap masuk bukan sahaja kepada kanak-kanak sampailah daripada yang muda hinggalah yang tua. Ini disebabkan oleh sekali lagi sistem kemasyarakatan kita yang seharusnya menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memperbetulkan perkara ini. Nilai-nilai ini, cara hidup hedonistik ini boleh kita mencari jalan untuk menyelesaikannya walaupun tidak terlalu sekali gus supaya masing-masing masyarakat kembali kepada tradisi mereka untuk kembali beragama.

Dengan kembali kepada beragama ini walaupun saya tidak menyatakan semua agama itu sama semua sekali tetapi daripada sudut membentuk akhlak terlalu banyak persamaan di antara agama-agama yang ada di dalam dunia ini. Dalam konteks Malaysia, agama Islam sebagai agama Persekutuan, kita terdiri daripada masyarakat yang memeluk agama Kristian, Buddha, Hindu. Ini merupakan tradisi-tradisi agama yang masih wujud di dalam masyarakat kita. Untuk tujuan akhlak saya merasakan tidak ada satu agama pun yang menganggap bahawa tindakan-tindakan yang boleh merosakkan masyarakat itu adalah satu tindakan yang baik. Tidak ada



satu agama pun mengizinkan pembunuhan, tidak ada agama yang mengizinkan perkosaan dan macam-macam lagi.

Malah dalam ajaran Buddhist dan Taoism itu sendiri ada dia punya lapan, path, cara-cara bagaimana perkara-perkara yang tidak dibolehkan untuk membentuk masyarakat. Ertinya dari sudut akhlak bagi manusia yang tidak percaya kepada agama yang hidupnya secara hedonistik harus kembali kepada tradisi agama. Walaupun sebagai orang Islam saya tetap mengatakan bahawa Islam itu sebagai agama yang menyeluruh, yang bukan sahaja terbatas kepada soal akhlak di dalamnya segala 'nizom' (nun, zo, mim), segala sistem yang secara yang sistematiknya tidak wujud di dalam agama-agama lain tetapi dari sudut akhlak semua agama mempunyai penerangan untuk membentuk masyarakat yang baik knya walaupun agama lain mungkin tidak ada sistem politik, tidak ada sistem ekonomi dan lain-lain. Jadi sebab itu kita harus kembali kepada tradisi agama ini supaya masyarakat dapat dibentuk melalui suatu cara yang apabila kita melaksanakan ini kita dapat membentuk anak-anak kita sekali gus dengan kita sendiri, insya-Allah.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, kita harus mewujudkan role model di tengah-tengah masyarakat saya sebut dan saya mengharapkan kita semua ada kelemahan masing-masing, kita mempunyai kekurangan masing-masing, tidak ada manusia yang sempurna, tidak ada manusia yang maksum, *nobody is infallible*, tidak ada manusia yang begitu, kita semua ada silap tetapi masih mampu untuk kita membentuk satu masyarakat yang baik.

Sebab itu kita harus memulakan dengan diri kita sendiri. Memulakan dengan diri sendiri ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kita semua pemimpin-pemimpin Ahli-ahli Parlimen di peringkat Pusat, Ahli-ahli Dewan Negeri di peringkat negeri harus menjadikan diri kita sebagai role model kepada masyarakat kerana kita adalah wakil masyarakat yang memilih kita. Tentulah dia memilih kita kerana mereka anggap kita yang terbaik di kalangan mereka barangkalilah. Saya tidak tahu apakah kriteria-kriteria pemilihan tetapi kita menganggap bahawa kita telah menerima mandat itu dan kita seharusnya boleh menunjukkan contoh itu.

Kita tidak boleh menyuruh orang lain tetapi kita sendiri tidak buat. Walaupun *track record* di kalangan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri pada masa-masa lalu tidaklah begitu baik dan ini sebenarnya mempengaruhi masyarakat. Pernah berlaku wakil rakyat yang pernah rogol anak orang pun ada, wakil rakyat yang berjudi tidak tinggal pun ada, wakil rakyat yang mengambil isteri orang pun ada. Ini berlaku dalam *track record* kita. Ini memberikan satu gambaran yang tidak baik bahawa kita yang membuat undang-undang tetapi kita sendiri sebenarnya yang melanggar undang-undang yang kita buat.

Kita harus memulakan dengan diri kita sendiri dan Dewan ini seluruhnya Ahli-ahli harus menunjukkan satu contoh yang baik '*uswatun hasanah*' sebagai satu *role model* yang baik dan tentunya orang yang pertama yang paling tinggi dalam hierarki Ahli-ahli Parlimen ialah Perdana Menteri sendiri. Apakah Perdana Menteri telah menunjukkan suatu contoh yang terbaik bagi kita ataupun tidak. Saya tidak mahu menjawab lagi soalan ini. Saya akan jawab dalam ucapan yang akan datang, insya-Allah. Terima kasih [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen minta menjawab.

12.15 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanak-Kanak 2000. Kali ini seramai 15 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian pada persidangan di mana rang undang-undang ini telah dikemukakan pada tahun 1999

seramai 18 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian. Pada masa itu hujah-hujah yang telah disampaikan telah diambil kira oleh kementerian saya dan beberapa pindaan juga dibuat seperti kehendak Ahli-ahli Parlimen.

Jadi pada hari semalam dan hari ini seramai 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Yang Berhormat bagi Klang, Bukit Mertajam, Kluang, PJ Utara, Seputeh, Gelang Patah, Permatang Pauh, Bachok, Batang Lepar, Tebrau, Bagan, Tumpat dan Dungun. Semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian telah mengatakan betapa pentingnya kanak-kanak. Jadi walaupun ada sedikit sebanyak hujah-hujah berunsur politik, ianya semua ada suatu perkara yang penting. Kita tidak boleh mempolitikkan anak-anak kita. Anak-anak kita mustahak, masa hadapan adalah di tangan anak-anak kita. Walaupun kita maju daripada semua aspek pembangunan kalau anak-anak kita tidak dijaga dengan baik, kita tidak akan mencapai kemajuan yang kita kehendaki itu.

Soalan Yang Berhormat bagi Klang mencadangkan supaya gambar pesalah yang melakukan jenayah seks terhadap gadis-gadis di bawah umur dipaparkan di akhbar. Tidak ada larangan menyiarkan gambar pesalah yang berkenaan di akhbar kecuali jika dilarang oleh pihak mahkamah dan jika pesalah ialah pesalah di bawah umur.

Soalan kedua beliau, keberkesanan undang-undang dari segi penguatkuasaan. Kementerian akan memastikan bahawa penguatkuasaan undang-undang yang baru ini akan dijalankan dengan sebaik-baiknya. Latihan dan pendedahan yang secukupnya akan diberikan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam urusan ini.

Soalan ketiga beliau, akibat daripada pemansuhan Akta Pelindungan Wanita dan Gadis perlu diwujudkan undang-undang baru atau dipinda Kanun Keseksaan untuk melindungi wanita yang tidak diliputi oleh rang undang-undang ini daripada penjenayah-penjenayah seks. Sekiranya Kanun Keseksaan yang hendak dipinda, bila pindaan itu akan dibentangkan di Parlimen. Tindakan telah diambil untuk meminda Kanun Keseksaan berbangkit daripada pemansuhan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Pembentangannya di Dewan ini dijangka akan dibuat secepat mungkin atau selewat-lewatnya pada sesi pertama persidangan Parlimen tahun hadapan. Pindaan yang berkenaan akan mengambil kira kesalahan-kesalahan yang dilakukan terhadap wanita dan gadis berumur 18 tahun ke atas.

Soalan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Soalan nombor satu, Yang Berhormat telah merujuk kepada memorandum daripada Women Crisis Center Pulau Pinang yang telah memberikan pandangan mereka tentang Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 dan *inconsistency* yang terdapat di dalamnya, dengan izin. Adakah kementerian akan mengambil perhatian tentang pandangan WCC itu. Kementerian telah menerima memorandum daripada Women Crisis Center dan telah pun meneliti kandungannya. Kementerian ingin mengucapkan terima kasih atas daya usaha Women Crisis Center mengkaji rang undang-undang ini dan minat yang telah ditunjukkan.

Didapati ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh WCC yang bernas dan akan dikaji selanjutnya dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Perlu dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa memorandum daripada WCC lewat dikemukakan. Oleh itu, pertimbangan yang dimaksudkan tadi hanya boleh dibuat susulan daripada pembentangan rang undang-undang ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, yang saya faham sebelum penggubalan Rang Undang-undang Kanak-kanak ini sebenarnya kerajaan tidak menjemput WCC untuk membincangkan rang undang-undang ini. Adakah ini benar? Jadi kerajaan tidak boleh menyalahi WCC kerana menghantar memorandum mereka lewat kerana mereka memang tidak tahu bahawa rang undang-undang ini akan dibentangkan begitu awal dalam sidang Parlimen ini.

**Dato' S. Veerasingam:** Kita tidak menyalahkan WCC. Kita menerima memorandum itu pada minggu lalu sahaja tetapi rang undang-undang ini telah pun dibawa ke persidangan pada tahun 1999. Jika mereka selepas itu telah meneliti apa yang ada boleh menghantar awal lagi kerana ianya akan dibawa ke persidangan yang berikut. Tetapi walau bagaimanapun, apa-apa kenyataan yang dibuat akan diambil kira pada masa hadapan selepas rang undang-undang ini telah dikuatkuasakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ramai kumpulan wanita yang berminat hendak mengambil bahagian dalam pindaan ini tetapi saya tidak tahu adakah mereka dijemput dimasukkan ke dalam jawatankuasa yang bertanggungjawab membuat draf ini. Saya rasa tidak, kerana sebenarnya Women Crisis Center yang berdasarkan rang undang-undang yang di'*table*' pada kali ini dan bukan Parlimen yang lalu dan ini kerana saya adalah ahli kepada WCC dan saya berikan kepada mereka dan minta mereka membuat kajian kerana ramai MP di dalam Dewan ini, kita bukan pakar di dalam urusan ini tetapi mereka adalah pakar kerana mereka *directly involved* dalam kerja-kerja ini. Juga dengan kumpulan-kumpulan wanita yang lain seperti WAO dan awam, maka adalah saya harap kerajaan akan menjemput kumpulan-kumpulan yang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tidak payah berucap lagi.

**Puan Chong Eng:** Tak, saya hanya hendak penjelasan di sini supaya apabila kita membuat pindaan kita akan mengadakan satu pindaan yang lebih menyeluruh dan tidak perlu untuk membuat pindaan pada masa yang akan datang lagi seperti Domestic Violence Act. Kita perlu menjemput mereka dan sekiranya boleh jemputlah juga pihak pembangkang kerana ini Dewan di sini ialah membuat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sudah bertanya kepada Setiausaha Parlimen sama ada mereka dijemput, tetapi jawapan belum diterima, saya fikir setakat ini cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan yang baik ya. Maka saya hendak tahu adakah kementerian akan membuat demikian pada masa yang akan datang? Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Saya sudah beritahu tadi, kita akan buat penelitian mana-mana undang-undang apabila dikuatkuasa, selepas itu kita nampak ada sedikit yang tidak memberi faedah kepada kanak-kanak ianya akan ditukar, Parlimen akan bersidang tiap-tiap kali dan kita ada rang undang-undang yang ditukar untuk kebaikan penduduk-penduduk kita. Terima kasih.

Soalan yang kedua, bantuan kepada kanak-kanak sekarang RM25 sebulan. Adakah pihak kerajaan akan menaikkan bantuan ini supaya kanak-kanak dapat hidup lebih selesa?

Kerajaan memang peka terhadap kebajikan kanak-kanak yang miskin. Bantuan-bantuan kepada keluarga miskin termasuk kanak-kanak telah pun dinaikkan kepada kadar baru mulai 1 Januari 2000. Bantuan kepada kanak-kanak merupakan saraan bulanan dan bantuan sekolah satu tahun sekali. Bantuan bulanan di bawah skim bantuan kanak-kanak dinaikkan daripada RM140 sebulan seorang kanak-kanak kepada RM60 sebulan. Dan bantuan maksimum satu keluarga adalah RM250 sebulan. Bantuan sekolah yang diberikan ialah bagi tujuan bayaran yuran peperiksaan, yuran asrama, tambang bas dan tuisyen yang dibayar penuh dan pakaian sekolah RM90 seorang murid sekolah rendah dan RM110 seorang bagi murid sekolah menengah. Bagi kanak-kanak miskin yang memerlukan perlindungan akan diberi perlindungan di institusi kerajaan atau NGO bagi membolehkan mereka meneruskan pelajaran mereka dan hidup lebih selesa dalam masyarakat.

Soalan yang ketiga, dari aspek penjagaan ramai kanak-kanak yang didedahkan kepada bahaya dan risiko. Banyak keluarga miskin yang perlu bekerja dan kanak-kanak ditinggalkan tanpa penjagaan. Kerajaan perlu memikul sama tanggungjawab dan menyediakan kemudahan dalam hal ini. Meminta menteri meminda akta yang berkaitan.

Kementerian sedia maklum bahawa terdapat keluarga miskin yang terpaksa meninggalkan anak-anak mereka tanpa penjagaan apabila mereka keluar bekerja. Walaupun Akta Taska 1984 bertujuan mengawal standard minimum di taman-taman asuhan, akta tersebut tidak mewajibkan penubuhan taska di tempat kerja. Buat masa ini kerajaan telah mengambil tindakan menggalakkan pihak majikan menubuhkan taska di tempat kerja. Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak JPA bertarikh 4 Oktober 1989 menggalakkan taman asuhan diwujudkan di agensi kerajaan. Beberapa insentif juga diberi oleh pihak kerajaan seperti pengecualian cukai dan pengecualian tukar syarat bangunan kerajaan yang digunakan untuk taska. Taska yang dikendalikan oleh pihak KEMAS juga dapat membantu keluarga miskin di luar bandar.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bercadang meminda akta yang sedia ada dan akan menimbang sama ada penubuhan taska di tempat kerja perlu diwajibkan.

Soalan yang keempat, dalam akta ini memperuntukkan...

**Puan Chong Eng:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi bilangan atau jumlah berapa department telah berbuat demikian untuk menyediakan tempat asuhan untuk kanak-kanak kakitangan kerajaan.

**Dato' S. Veerasingam:** Di beberapa agensi kerajaan lebih sepuluh tempat ada tempat-tempat asuhan seperti Kementerian Kewangan dan beberapa tempat lagi. Tetapi tidak ada seperti kehendak Kementerian saya. Sebab itu kita ingin buat pemindaan supaya boleh diwajibkan mengadakan tempat-tempat asuhan.

Kita ada satu masalah macam kalau kita ambil satu kementerian, barangkali ada tiga atau empat orang ibu yang ada bayi yang perlu dibawa ke pejabat itu. Jadi kalau kita ada satu tempat di mana tempat asuhan untuk tiga empat orang, itu tidak sesuai. Jadi dalam perbincangan kita, kita fikir kalau ada satu tempat central dipusatkan, di mana ibu-ibu semasa pergi bekerja boleh hantar anak-anak mereka. Ada ramai juga datang dari tempat jauh ke pekan. Kalau mereka membawa dan letak di satu tempat mereka berulang alik menaiki bas dan lain-lain. Ianya sudah menjadi satu masalah. Dan ianya semuanya diambil kira. Dan kita mementingkan supaya ada taman-taman asuhan dan kita akan membuat satu rang undang-undang di mana jabatan-jabatan dan juga pihak swasta boleh mengadakan tempat-tempat asuhan demi kepentingan anak-anak kita. Soalan yang keempat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Arau bangun.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen atas penjelasan tadi. Tetapi saya tertarik dengan soal menyediakan *nursery* ataupun taska kepada anak-anak di mana kita tahu sekarang ini banyak ibu yang bekerja. Masalah kekurangan taska yang telah pun lama kita hadapi dan nampaknya belum ada penyelesaian. Saya memang sedar bahawa pihak kementerian memang mempunyai satu hasrat supaya taska diwujudkan. Begitu juga dengan Kementerian Sumber Manusia, mereka memberikan insentif tertentu kepada pihak-pihak swasta untuk memberikan galakan kepada *owner of the company* ataupun pemilik-pemilik pihak swasta ini untuk mewujudkan taska dan juga *nursery*. Tetapi nampaknya perkara ini tidak berlaku sebenarnya di negara kita dan memakan masa yang demikian lama.

Saya ingin mendapat jawapan daripada Yang Berhormat, apakah program yang konkrit yang akan diadakan oleh pihak kerajaan selain daripada mengadakan satu

enakmen untuk mewajibkan sama ada majikan ataupun pihak-pihak swasta ini mengadakan taska. Adakah pihak kerajaan masukkan dalam Rancangan Malaysia ke Lapan ataupun dalam belanjawan akan datang satu usaha yang benar-benar konkrit untuk mewujudkan tempat pemeliharaan kanak-kanak kerana saya merasakan ini adalah perkara yang amat penting di negara kita pada masa ini. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Sebenarnya perkara ini adalah satu perkara yang penting dan kita telah bincang dalam kementerian saya. Jabatan Perpaduan Negara juga telah membenarkan ahli-ahlinya dari Jiran Wanita untuk mengadakan taman-taman asuhan. Maknanya kurang daripada sembilan bayi di rumah-rumah mereka boleh dijadikan tempat-tempat asuhan dan Jabatan Perpaduan Negara juga memberi sumbangan sedikit supaya itu boleh dijadikan sebagai tempat asuhan. Dan undang-undang yang sedia ada tidak wajibkan pihak swasta atau pihak kerajaan untuk mengadakan taman-taman asuhan.

Jadi kita mesti mencari jalan dan membuat pindaan kepada akta-akta yang sedia ada supaya diwajibkan mengadakan tempat-tempat asuhan untuk bayi-bayi kita seperti di sekolah-sekolah untuk mengadakan kelas POL kita perlu ada 15 orang murid-murid yang memohon, kita wajibkan mengadakan kelas-kelas POL seperti itu kalau ada beberapa orang bayi, kita wajibkan mengadakan taman asuhan atas permintaan ibu-ibu sendiri. Terima kasih.

Soalan keempat, dalam akta ini memperuntukkan ibu bapa perlu bertanggungjawab terhadap kesalahan anak-anak. Ibu bapa menjadi mangsa kepada akta ini akibat kemiskinan. Oleh itu akta ini perlu melihat latar belakang keluarga ibu bapa. Laporan akhlak yang mengandungi maklumat latar belakang ibu bapa, keluarga akan disediakan oleh pegawai akhlak. Pihak mahkamah boleh berpandu kepada laporan ini untuk menimbangkan kedudukan dan kemampuan keluarga dan seterusnya membuat keputusan.

Soalan yang kelima, bahan-bahan perlu dikawal memandangkan masa ini terdapat dengan begitu berleluasa. Ini merupakan punca masalah sosial. Kerajaan sedar mengenai perkara ini dan akan sentiasa memantau keadaan dan menyalurkan maklumat ini kepada Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Soalan yang keenam, adakah polisi kerajaan menjamin kebajikan dan memberi hak kepada kanak-kanak sudah memadai. Kerajaan telah menandatangani konvensyen mengenai hak kanak-kanak pada tahun 1995. Dan dengan ini kerajaan telah membuat komitmen memperjuangkan hak kanak-kanak di negara ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Yang Berhormat bagi Keluang. Soalan nombor satu, mengenai keanggotaan majlis penyelaras bagi perlindungan kanak-kanak di bawah Fasal 4(1)(n) mencadangkan supaya wakil NACIWID dan wakil SUHAKAM (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia) turut dipertimbangkan sebagai anggota. Cadangan yang baik dan akan dipertimbangkan oleh kementerian saya.

Soalan yang kedua pembentukan pegawai akhlak yang melibatkan pegawai dan kini merangkumi juga pembantu kebajikan memberi pandangan mengenai perkara ini tidak sesuai dan meminta ulasan.

Dalam peruntukan sedia ada hanya Pegawai Kebajikan Masyarakat dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat dilantik sebagai pegawai akhlak. Peruntukan untuk mempertimbangkan perlantikan Pembantu Kebajikan Masyarakat sebagai pegawai akhlak dimasukkan dalam rang undang-undang baru bagi mengatasi masalah yang terdapat di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Di kawasan pedalaman tiada Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat yang ditempatkan di situ. Oleh yang demikian, laporan akhlak terpaksa dibuat oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat. Perlantikan Pembantu Kebajikan Masyarakat sebagai pegawai akhlak hanya akan dibuat dalam keadaan tertentu sahaja.

Soalan yang ketiga menyentuh mengenai kelonggaran ke atas sekatan media

di bawah Fasal 15(3). Yang Berhormat berpendapat bahawa liputan berita boleh menjadi pengajaran dan mewujudkan kesedaran kepada masyarakat tetapi berharap supaya mahkamah dalam menjalankan kuasa yang diberikan di Fasal 15(3) bukan hanya membenarkan insidennya sahaja disiarkan bukannya nama, alamat, dan gambar kanak-kanak yang terlibat. Kementerian berkeyakinan penuh bahawa pihak mahkamah dalam menjalankan kuasanya yang sedemikian akan bertindak mengikut lunas undang-undang dan demi kebaikan dan kepentingan keadilan.

Soalan nombor empat, Yang Berhormat mengalu-alukan mengadakan peruntukan mengenai kehadiran ibu bapa penjaga kanak-kanak dan kanak-kanak sendiri di bengkel interaktif. Namun begitu Yang Berhormat bimbang sekiranya timbul masalah kekurangan tenaga kaunselor.

Kerajaan memang sedar mengenai masalah ini dan jemaah menteri semasa pertimbangan memorandum Rang Undang-undang ini telah secara prinsip meluluskan permohonan 34 jawatan Pegawai Kaunselor, Gred S3. Perkara ini akan dibincangkan dengan pihak JPA.

Soalan yang kelima mengenai kesalahan kerana membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan di bawah Fasal 33(b) dan (c) iaitu selama satu tempoh dan dalam keadaan tidak berpatutan memandangkan semua hal keadaan, Yang Berhormat ingin mengetahui apa yang dikatakan sebagai keadaan dan tempoh yang berpatutan. Tempoh dan keadaan tidak dapat dinyatakan dengan jelas kerana bergantung kepada hal keadaan sesuatu kes. Misalnya tempoh tiga hari mungkin berpatutan bagi satu kes tetapi tidak bagi kes yang lain dan bergantung kepada sama ada tempoh atau keadaan itu munasabah atau tidak.

Soalan yang keenam, Yang Berhormat merujuk kepada peruntukan Fasal 109 dan 110 berhubung dengan kuasa untuk menyiasat dan kuasa untuk menangkap tanpa waran. Untuk menentukan ada *check and balance*, Yang Berhormat mencadangkan supaya apabila ada penangkapan atau penyiasatan yang hendak dibuat pelindung dan pihak polis akan bertindak bersama kerana penangkapan atau penyiasatan itu melibatkan seorang kanak-kanak.

Sejauh yang mungkin pelindung memang ingin mendapatkan bantuan dan kerjasama pihak polis dalam apa-apa penangkapan yang hendak dibuatnya. Sedapat yang boleh kerjasama erat akan dijalinan dengan pihak polis dalam hal ini. Setakat ini pelindung tidak menghadapi apa-apa masalah untuk mendapatkan kerjasama dan bantuan pihak polis dalam hal penangkapan dan penyiasatan kes seorang kanak-kanak.

Soalan Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara. Soalan pertama, merujuk kepada Fasal 32 gejala negatif yang mendedahkan kanak-kanak perempuan yang dalam lingkungan belasan tahun yang ada, yang kurang daripada 10 tahun membuat pertunjukan tarian dan nyanyian atas dalihan mengadakan pertunjukan amal.

Yang Berhormat menyeru kerajaan memandang berat aspek-aspek yang menjuruskan kanak-kanak kepada kegiatan yang tidak sihat dengan keselamatan dan pendidikan serta masa depan diabaikan. Keprihatinan Yang Berhormat terhadap perkara ini akan diambil perhatian oleh kerajaan dan pelindung akan dinasihatkan untuk mengambil tindakan dengan lebih berwaspada mengenai kegiatan ini.

Soalan Yang Berhormat bagi Petaling Jaya yang berikutnya, rang undang-undang juga mestilah dihuraikan dengan jelas pertunjukan amal yang tidak bertujuan untuk mengaut keuntungan individu seperti pertunjukan amal yang sihat untuk sekolah atau persatuan. Walaupun rang undang-undang ini tidak menghuraikan secara terperinci, perkara ini akan diambil perhatian oleh pelindung semasa mereka melaksanakan tanggungjawabnya.

Soalan yang kedua, Yang Berhormat membangkitkan isu penahanan 1800 kanak-kanak antara umur 13 hingga 20 tahun di penjara termasuk 261 orang di penjara Sungai Buloh. Yang Berhormat juga telah menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk mengatasi dan menangani masalah penahanan kanak-kanak di penjara. Kementerian amat memandang berat tentang tahanan reman kanak-



kanak di penjara. Dalam usahanya untuk mengatasi masalah ini, kementerian ini telah mengambil tindakan untuk memindahkan golongan tertentu kanak-kanak yang ditahan reman di penjara ke institusi kebajikan secara berperingkat. Proses ini akan mengambil sedikit masa tetapi diharap dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat. Dengan itu tidak timbul lagi masalah penahanan reman kanak-kanak di tempat yang membolehkan mereka bergaul dengan banduan dewasa. Namun demikian kementerian mengucapkan terima kasih atas semua cadangan Yang Berhormat.

Soalan ketiga, Yang Berhormat mencadangkan supaya ditetapkan tempoh maksimum bagi satu perbicaraan yang melibatkan seorang kanak-kanak supaya tidak berlaku masalah kelewatan perbicaraan. Cadangan ini memerlukan kajian yang mendalam khususnya apabila mahkamah bagi kanak-kanak bukan sahaja terdiri daripada seorang majistret tetapi juga dua orang penasihat apabila terdapat beberapa keperluan undang-undang seperti pengadaan laporan akhlak, kementerian bersetuju bahawa kelewatan perbicaraan tidak sepatutnya berlaku kerana kelewatan akan menjejaskan kepentingan seseorang kanak-kanak dan sepatutnya dielakkan. Cadangan Yang Berhormat akan dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat bagi Seputeh. Soalannya yang pertama, pelbagai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh tidak akan disenaraikan secara terperinci sebab ianya semua adalah berikutan dengan perkara-perkara yang sama. Saya percaya hampir kesemua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh merupakan isu yang terkandung dalam memorandum yang dikemukakan oleh Pusat Krisis Wanita Pulau Pinang mengenai Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Sebagaimana yang telah saya sebut awal tadi, semasa mengulas pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, kementerian ini telah meneliti semua pandangan, komen dan kritikan yang dimajukan oleh Pusat Krisis Wanita.

Kementerian juga berpendapat bahawa ada beberapa isu yang dibangkitkan oleh Pusat Krisis Wanita yang bernas dan boleh dipertimbangkan. Namun begitu, memandangkan memorandum hanya dikemukakan kepada kementerian pada minggu lepas, maka apa-apa pertimbangan mendalam mengenainya hanya boleh dibuat susulan daripada pembentangan rang undang-undang ini. Kementerian bersedia untuk mengkaji semua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan yang terkandung dalam memorandum daripada Pusat Krisis Wanita, apa-apa jua pandangan dan komen dari mana-mana pihak demi kebaikan dan kepentingan kanak-kanak.

Soalan yang kedua, institusi kebajikan kanak-kanak tidak kurang memberi perhatian kepada emosi kanak-kanak kerana kekurangan kakitangan dan kaunselor serta kekurangan kepakaran institusi berkenaan banyak memberi jagaan dan perlindungan sahaja. Masalah kekurangan kakitangan institusi kebajikan sedang diambil tindakan oleh kementerian dalam cadangan penstrukturan semula organisasi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan juga telah dicadangkan supaya rumah kanak-kanak sedia ada dinaikkan taraf dari segi kemudahan fizikal dan juga dicadangkan untuk menambah bilangan rumah kanak-kanak di seluruh negara.

Soalan daripada Yang Berhormat bagi Gelang Patah, kerajaan perlu wujudkan polisi-polisi yang lebih *people-friendly*, dengan izin, supaya pihak majlis tempatan peka dengan keperluan dari segi pembangunan insan. Di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Membanteras Masalah Sosial telah diwujudkan satu jawatankuasa teknikal bagi kemudahan sosial yang diterajui oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Salah satu perkara yang diberi penekanan adalah pewujudan kemudahan-kemudahan yang lebih *people-friendly* termasuk yang mesra kanak-kanak.

Soalan yang kedua, peruntukan undang-undang untuk melindungi rumah kanak-kanak disediakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Bukit Mertajam bangun

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tahu bahawa di bawah Kementerian Yang Berhormat iaitu rukun tetangga. Rukun tetangga selalunya dia buat office tetapi di mana dia binakan office, di atas padang kanak-kanak dan saya berpendapat adakah ini polisi Kementerian Yang Berhormat bahawa mengambil padang itu untuk membina satu dewan rukun tetangga ataupun dibinakan dewan orang ramai di atas padang dan dia akan mengambil padang itu, *take away the padang*. Sekarang kita katakan kita hendak wujudkan lebih banyak kemudahan untuk kanak-kanak remaja tetapi pada sebelah tangan yang lain, kita ambil, *we take away the* kemudahan. Apakah penjelasan?

**Dato' S. Veerasingham:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sebenarnya kita tidak ambil padang itu. Orang yang hidup di sekitar itu, di taman-taman yang berkenaan, mereka yang memohon supaya kita mendirikan bangunan itu dan mereka perlu mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan. Apabila kita menerima surat daripada pihak berkuasa tempatan dan juga kepada penduduk-penduduk kawasan itu, barulah dewan itu dibina. Walaupun dewan itu dibina di atas padang yang sedia ada, biasanya tempat permainan bagi kanak-kanak sentiasa ada di kawasan itu. Bukan ambil seluruh padang.

Dengan adanya satu tempat di mana anak-anak kita juga boleh berhimpun, mengambil bahagian dalam *indoor games*, dengan izin, ini akan membawa lebih faedah kepada penduduk-penduduk kawasan itu tetapi dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menentukan tempat-tempat khas untuk dewan seperti ini dan untuk lain-lain tempat kemudahan permainan ditetapkan supaya semua pembangunan, 10% daripada kawasan pembangunan itu disimpan untuk rekreasi dan lain-lain kemudahan penduduk-penduduk tempatan. Selepas itu kita tidak akan menghadapi masalah seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan, terima kasih. Kementerian Yang Berhormat ialah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ya. Maka, perpaduan negara itu juga termasuk juga Barisan Nasional, kerajaan dan juga pembangkang. Betul?

**Dato' S. Veerasingham:** [Menganggukkan kepala]

**Puan Chong Eng:** Betul ya. Tetapi polisi Kementerian Yang Berhormat tidak membenarkan rukun tetangga untuk menjemput wakil rakyat dari pembangkang. Macam mana rukun tetangga ini hendak menyatukan rakyat apabila polisinya sendiri telah *bias* iaitu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya...

**Puan Chong Eng:** ...dia telah mengetepikan pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ...saya cadangkanlah perkara ini boleh dibangkit satu hari nanti.

**Puan Chong Eng:** Tidak. Ini ada juga untuk kebaikan kanak-kanak juga kerana kalau rukun tetangga ada aktiviti untuk kanak-kanak tetapi kata tidak boleh menjemput MP Bukit Mertajam kerana dia dari pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat...

**Puan Chong Eng:** Maka ini telah menyeleweng dari polisinya.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jadi apa yang dikatakan berkaitan dengan akta yang kita bangkitkanlah.

**Puan Chong Eng:** Tetapi saya di sini pun bolehlah. Dia telah pun memberikan peluang kepada saya untuk memberi penjelasan. Dan dia...

**Dato' S. Veerasingam:** Okay.

**Puan Chong Eng:** ...mengambil padang untuk aktiviti kanak-kanak tetapi apabila ada aktiviti kanak-kanak, tidak boleh menjemput wakil rakyat dari pembangkang. Ini telah menyeleweng dari polisinya. Saya hendak beritahu Yang Berhormat. Mungkin dia tidak tahu supaya dia boleh membetulkan polisi ...

**Seorang Ahli:** Cukuplah, cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Puan Chong Eng:** ...ataupun tersalah guna langkah ini. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tadi Yang Berhormat mula-mula sebut, adakah itu polisi kerajaan. Kalau polisi kerajaan, memang saya tahu tetapi Yang Berhormat kata barangkali Yang Berhormat ini tidak tahu. Mana satu yang Yang Berhormat kata – yang saya tahukah atau yang saya tidak tahu? Kalau ada polisi, saya mesti tahu. Ini memang Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bersetuju tidak ada polisi. Sebab itu saya tidak tahu dan tidak ada polisi kerajaan supaya mengabaikan pihak-pihak daripada pembangkang. Rukun tetangga ini, kita ada jawatankuasa tempatan. Mereka yang buat jemputan. Kalau mereka tidak jemput Yang Berhormat, itu masalah mereka sendiri dengan Yang Berhormat sendiri, bukan masalah kerajaan. *[Tepuk]*

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Dato' S. Veerasingam:** Mana ada penjelasan lagi.

**Puan Chong Eng:** Saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa jawatankuasa itu pun telah dilantik, bukan dipilih oleh penduduk di sana, dilantik oleh kementerian Yang Berhormat dan jawatankuasa itu beritahu saya bahawa mereka bermesyuarat tiga kali untuk mendebat adakah mereka akan jemput saya sebagai wakil rakyat di tempat itu. Dan akhirnya mereka bersetuju tetapi arahan daripada kementerian negeri ialah jangan menjemput. Ini saya beri secara formal, maka saya harap Yang Berhormat akan buat satu rulingkah ataupun mengambil tahu perkara ini dan selaras dengan kementerian di peringkat negeri supaya ini tidak akan berlaku lagi. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang kedua Yang Berhormat, pertukaran undang-undang untuk melindungi kanak-kanak disediakan. Walau bagaimanapun, ibu bapa adalah pelindung utama dan bagaimana peranan ini boleh dijadikan lebih berkesan. Satu cara untuk menekankan tanggungjawab ibu bapa sebagai pelindung terutama adalah melalui peruntukan baru dalam rang undang-undang di mana ibu bapa boleh didenda, dipenjarakan sekiranya tidak hadir di mahkamah. Ibu bapa juga diwajibkan menyempurnakan bon untuk memastikan anak-anak mereka mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh mahkamah. Kewajipan menghadiri *interactive workshop* juga boleh dikenakan terhadap ibu bapa penjaga kanak-kanak. Ibu bapa juga boleh dikehendaki membuat lawatan tetap ke institusi di mana anaknya yang memerlukan perlindungan dan pemulihan ditetapkan.

Soalan ketiga, Seksyen 97(2), kanak-kanak yang dipenjara di bawah seksyen ini, menteri tidak boleh meminda hukuman tersebut. Ini sudah tentu akan menafikan hak pendidikan formal kepada kanak-kanak tersebut. Perkara yang dibangkitkan adalah dalam bidang tugas Kementerian Dalam Negeri dan oleh yang demikian, perkara ini akan dirujuk kepada Kementerian Dalam Negeri untuk diberi perhatian dan tindakan yang bersesuaian.

Soalan yang keempat, pusat video yang diharamkan oleh kerajaan hendaklah

disokong dengan tempat-tempat sukan atau riadah sebagai alternatif. Kerajaan telah memutuskan supaya arked video ditutup. Operasinya adalah dalam tempoh dua bulan dari sekarang. Keputusan ini diambil bagi memastikan gejala-gejala sosial yang timbul kesan daripada permainan video dapat dibendung. Sebagai alternatif kepada keputusan penutupan pusat video ini, Jawatankuasa Kabinet bagi Membanteras Masalah-masalah Sosial dalam mesyuaratnya baru-baru ini telah memberi perhatian supaya tempat-tempat sukan, padang permainan dan aktiviti riadah yang lain diperbanyakkan di kawasan-kawasan perumahan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, majlis-majlis kerajaan tempatan, Kementerian Belia dan Sukan dan pihak-pihak lain....

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tampin bangun.

**Dato' S. Veerasingam:** Bagi saya habiskan ini dulu. Sekejap sahaja. Yang berkaitan bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut. Komuniti tempatan juga diminta memainkan peranan aktif bagi merealisasikan kemudahan-kemudahan riadah terus wujud dan diselenggarakan dengan baik dalam mesyuarat-mesyuarat.

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya sedikit berhubung dengan tadi, apabila penutupan arked ini, kemudian akan diwujudkan pula pusat-pusat lain, pusat-pusat riadah dan pusat-pusat sukan tetapi dalam masa yang sama, masa menanti dan menunggu untuk munculnya pusat-pusat riadah dan pusat-pusat sukan itu – kalau hendak bina kompleks sukankah, hendak bina gelanggang takrawkah, gelanggang tenis, ke manakah aktiviti remaja yang kita hendak tujukan? Sebab saya tidak mahu nanti masa menunggu yang begitu lama, nanti remaja-remaja ini terlibat dengan aktiviti yang lebih jauh tidak sihat. Ini amat membimbangkan saya. Jangan kita tergesa-gesa melakukan sesuatu, akibatnya nanti lebih tidak baik. Ini saya minta pandangan Yang Berhormat berhubung isu ini. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya tugas ini telah pun diberi kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk menganjurkan beberapa permainan dan sukan supaya dia menjadi alternatif kepada arked video dan juga mesyuarat Jawatankuasa Kabinet bagi Membanteras Masalah Sosial telah membuat keputusan supaya bangunan lama yang ada di bandar-bandar, boleh digunakan sebagai tempat-tempat di mana pemuda-pemuda remaja boleh menggunakannya sebagai tempat untuk mengadakan permainan *indoor games*, dengan izin.

Soalan yang kelima, kanak-kanak yang dipenjarakan di Sekolah Henry Gurney, bagaimana masa depan mereka? Kanak-kanak yang dihantar ke Sekolah Henry Gurney atas kesalahan yang telah dilakukannya tidak disisihkan haknya dari mendapat pendidikan formal. Kanak-kanak yang ditempatkan di sekolah itu diberikan latihan vokasional dan akademik untuk membolehkan mereka kembali ke pangkuan masyarakat dan ini secara langsung menjamin masa depan mereka.

Soalan yang keenam, Seksyen 7(4), tidak memperuntukkan kriteria bagi Lembaga Hakim Pelawat untuk mengkaji pembebasan kanak-kanak tersebut. Kriteria ini boleh ditetapkan secara pentadbiran oleh pihak penjara dan perkara ini boleh disampaikan untuk perhatian Kementerian Dalam Negeri.

Soalan daripada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, soalan nombor satu. Isu kanak-kanak remaja berusia 18 hingga 21 tahun tidak termaktub dalam Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 di mana perlu mereka dirujuk sekiranya memerlukan perlindungan. Melalui Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000, takrif kanak-kanak adalah seorang yang berumur di bawah 18 tahun. Oleh itu, mereka yang telah mencapai umur 18 tahun dianggap dewasa dan akan dilayan sebagai orang dewasa. Dengan berkuatkuasanya undang-undang ini, perlindungan kepada mereka

yang berumur 18 hingga 21 tahun tidak diberi di institusi kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sekiranya ada di antara mereka memerlukan perlindungan, mereka bolehlah dirujuk kepada institusi perlindungan yang dikelolakan oleh NGO.

Soalan yang kedua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 tidak menyentuh *child labour*. Kementerian berpendapat kebajikan kanak-kanak perlu juga merangkumi aspek penggajian dan penganiayaan oleh majikan. Walau bagaimanapun, aspek penggajian kanak-kanak ini adalah tertakluk kepada perundangan di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Dalam hal ini, kementerian akan meneruskan perbincangan dengan Kementerian Sumber Manusia untuk menyelesaikan isu ini.

Soalan-soalan dari Yang Berhormat bagi Bachok. Soalan nombor satu, perlu masukkan asas-asas kerohanian dalam kurikulum sekolah supaya mencapai kesempurnaan dalam akta nanti. Tetapi asas-asas tersebut tidak harus menyeleweng daripada tujuan asal. Bagi menentukan kurikulum yang perlu dimasukkan di sekolah-sekolah, ianya adalah dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, cadangan bagi Yang Berhormat adalah merupakan cadangan yang baik dan boleh dikemukakan kepada kementerian yang berkenaan.

Soalan yang kedua, pertimbangan sebelum menjatuhkan hukuman ke atas kanak-kanak perlu berasaskan realiti dan bukan berasaskan belas kasihan. Pertimbangan tentang hukuman yang dijatuhkan ke atas seseorang kanak-kanak melibatkan soal perundangan dan *principal of sentencing*, dengan izin, dalam memutuskan sesuatu hukuman majistret yang mengadili seseorang kanak-kanak diwajibkan menimbang, antara lain laporan akhlak yang disediakan oleh pegawai akhlak dan pendapat penasihat-penasihat mahkamah bagi kanak-kanak untuk memastikan bahawa hukuman yang dijatuhkan ialah hukuman yang seadilnya.

Soalan ketiga, takrif pegawai akhlak – 10(1), pegawai akhlak ialah Pegawai Kebajikan Masyarakat. 10(3), pegawai termasuk Pembantu Kebajikan Masyarakat, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat tidak disebut. Pegawai akhlak perlu akhlak yang baik supaya dapat menjadi contoh kepada kanak-kanak. Jawapan kepada perkara yang dibangkitkan telah pun dijawab dan adalah sama seperti isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kluang.

Soalan keempat, tidak diperuntukkan secara khusus dalam rang undang-undang ini tentang pelantikan khusus dari badan agama seperti dari JAKIM, dalam Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak. Pelantikan wakil dari JAKIM ke dalam Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak boleh dibuat secara pentadbiran di bawah Fasal 4(1)(n), wakil dari JAKIM sememangnya boleh dipertimbangkan kerana Fasal 4(1)(n) menyebut antara lain, kelayakan orang yang dilantik ialah orang yang mahir dan arif dalam hal keagamaan.

Soalan yang kelima, Sekolah Henry Gurney – bagaimanakah pendekatan keagamaan di institusi ini? Aspek-aspek keagamaan sememangnya digunakan sebagai pendekatan yang utama dalam usaha memulihkan keperibadian dan kerohanian mereka untuk mengubah cara hidup mereka kepada cara hidup yang lebih sempurna.

Soalan yang keenam, apakah jaminan kanak-kanak yang telah menjalani pemulihan akhlak selama tiga tahun dipulihkan sepenuhnya? Kanak-kanak yang telah menjalani pemulihan di institusi akan menjalani program seliaan selama satu tahun bagi memastikan pemulihan kepadanya berterusan dengan kerjasama ibu bapa dan ahli masyarakat di tempatnya melalui Jawatankuasa Kebajikan Juvana Daerah. Jawatankuasa Kebajikan Juvana Daerah memainkan peranan yang penting di dalam memastikan kanak-kanak tersebut mendapat pekerjaan, latihan dan sokongan dari ibu bapa serta masyarakat. Sebelum itu, semasa menjalani pemulihan, mereka telah disediakan dengan program....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

**Dato' S. Veerasingam:** Baik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila sambung.

2.30 ptg.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya sambung soalan-soalan daripada Yang Berhormat bagi Bachok, soalan yang keenam, apakah jaminan kanak-kanak yang telah menjalani pemulihan akhlak selama tiga tahun dipulihkan sepenuhnya. Kanak-kanak yang telah menjalani pemulihan di institusi akan menjalani program seliaan selama satu tahun bagi memastikan pemulihan kepadanya berterusan dengan kerjasama ibu bapa dan ahli masyarakat di tempatnya melalui Jawatankuasa Kebajikan Juvana Daerah. Jawatankuasa Kebajikan Juvana Daerah memainkan peranan yang penting di dalam memastikan kanak-kanak tersebut mendapat pekerjaan, latihan dan sokongan dari ibu bapa serta masyarakat. Sebelum itu, semasa menjalani pemulihan mereka telah disediakan dengan program-program fizikal yang berunsur kerohanian dan keagamaan bagi memantapkan lagi peribadi mereka.

Soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lepar, peranan dan tanggungjawab ibu bapa masa kini perlu diberi pendidikan khususnya kepada ibu bapa kanak-kanak yang melakukan jenayah. Soalan ini juga dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun. Kerajaan menyedari perkara ini dan LPPKN telah mengadakan satu modul dan menjalankan kursus keibubapaan bertujuan memantapkan lagi pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak.

Adakah hakim memastikan bahawa kanak-kanak yang mengaku salah di hadapannya memahami pertuduhan terhadap kanak-kanak itu dan menyedari tentang kesan dan akibat daripada pengakuannya. Para hakim, polis dan pegawai-pegawai yang terlibat mestilah menjalani latihan khusus untuk mengendalikan kes-kes terhadap kanak-kanak.

Jawapannya, seseorang hakim atau majistret yang mengendalikan seorang kanak-kanak pastinya akan menentukan kanak-kanak itu memahami pertuduhan akibat dan kesan daripada pengakuan salahnya kerana ia merupakan tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan ke atas hakim atau majistret itu. Tidak ada tolak ansurnya dalam hal ini khususnya apabila kanak-kanak itu tidak diwakili oleh peguam. Mana-mana pihak tidak perlu meragui kewibawaan seorang majistret dalam pelaksanaan kewajipan mereka untuk mengekalkan keadilan. Apa jua latihan yang menjurus kepada peningkatan profesionalisme adalah baik dan akan diadakan dari masa ke semasa bagi maksud pendedahan untuk semua pihak termasuk pihak kehakiman, polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, agensi kerajaan yang lain.

Tempat-tempat rekreasi wujud atau tapak telah ditentukan, tetapi keperluan itu berubah-ubah mengikut keperluan semasa. Kerajaan tidak tegas dalam perkara ini dan kadangkala trading untuk keperluan komersial atau profit making. Jawapannya, apakah perkara-perkara seperti ini akan diambil perhatian oleh kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Berbalik kepada soal hakim, polis dan pegawai-pegawai yang terlibat, kita telah mewujudkan satu undang-undang dan saya mempunyai keyakinan dan anggapan yang baik, apa yang tertinggal ialah services

ataupun khidmat sokongan ini, maknanya majistret, hakim, polis dan pegawai kebajikan ini perlu, walaupun kita mengatakan kita tidak boleh menafikan perkara ini, iaitu hakim-hakim ini akan berjumpa dengan segolongan masyarakat baru, bukan menjadikan mereka *hardcore criminal*. Ini adalah anak-anak yang mempunyai masa depan yang lebih panjang dan mungkin boleh dididik dan mendapat pendidikan yang baik. Jadi, dalam keadaan sedemikian orang yang menjadi hakim anak-anak ini lebih berbeza dari menjadi hakim *hardcore criminal*. Begitu juga polis yang menangkap anak-anak ini akan memberi layanan ataupun treatment, dengan izin, berlainan semasa menangkap *hardcore criminal*. Begitulah sebagainya pegawai yang terlibat. Saya bercakap sebagai orang yang mempunyai pengalaman dalam polis dan sebagainya. Bukan saya mengata tidak betul tetapi latihan yang diberi kepada pegawai-pegawai ini adalah satu sahaja.

Jadi, saya masih mencadangkan supaya pihak ini beri latihan khusus macam mana, how to handle children, dengan izin, mesti dibuat. Kerajaan tidak boleh menganggapkan everybody will be perfect, everything will be alright. No, we cannot wait until.....

**Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. [Ketawa]**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, saya berharap pihak kementerian melihat. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan daripada Yang Berhormat akan diambil kira. Sebenarnya rang undang-undang ini juga bercadang supaya apabila penasihat-penasihat dilantik mereka juga akan diberi kursus dan lain-lain untuk membantu majistret menjalankan perkara ini dengan licin dan baik.

Bagi jawapan yang berikut, perkara-perkara seperti ini akan diambil perhatian oleh kementerian dan akan dibangkitkan dalam jawatankuasa khas membanteras masalah-masalah sosial, Jawatankuasa Teknikal Kemudahan Sosial.

Satu lagi soalan, kerajaan perlu sensitif terhadap kehendak kanak-kanak dan merancang mengikut apa yang diperlukan oleh kanak-kanak. Salah satu penekanan yang diberikan oleh Jawatankuasa Teknikal Kemudahan Sosial dan kerajaan tempatan adalah mewujudkan persekitaran mesra kanak-kanak dan mengambil kira penyediaan kemudahan-kemudahan dan persekitaran yang *condusive* terhadap pembangunan kanak-kanak. Dalam usaha ini kanak-kanak juga diberi peluang untuk memberi pandangan mereka melalui seminar dan bengkel.

Soalan dari Yang Berhormat bagi Tebrau bagaimana membicarakan kes-kes yang melibatkan kanak-kanak bukan warganegara. Kes yang melibatkan warganegara asing akan dibicarakan sama seperti kes-kes yang melibatkan warganegara Malaysia. Undang-undang tidak membezakan di antara kanak-kanak warganegara Malaysia dan warganegara asing. Mukadimah rang undang-undang ini dengan jelasnya memperuntukkan bahawa perlindungan dan bantuan kepada semua kanak-kanak dalam segala hal keadaan tanpa mengira apa-apa jenis perbezaan seperti ras, warna kulit, jantina, bahasa, agama, asal-usul atau kecacatan fizikal, mental atau emosi ataupun apa-apa status lain.

Soalan yang kedua, cadangan untuk mewujudkan perintah khidmat masyarakat, dengan izin, *community service* sebagai alternatif kepada hukuman yang sedia ada. Cadangan ini telah diambil maklum oleh kementerian dan akan diberi perhatian sewajarnya.

Soalan yang ketiga, diperhatikan bahawa kuasa untuk mengadili kini diperuntukkan kepada majistret dalam rang undang-undang ini kerana Hakim Mahkamah Sesyen dikatakan tidak dapat menjalankan perbicaraan dengan secepat mungkin. Yang Berhormat berpendapat bahawa masalah tetap akan timbul kerana majistret juga mempunyai beban tugas masing-masing. Kementerian disaran supaya berunding dengan Pendaftar Mahkamah Tinggi supaya persidangan perbicaraan boleh kerap diadakan. Jawapannya, adalah benar bahawa rang undang-undang ini kini

memberi majistret dan bukannya Hakim Mahkamah Sesyen kuasa untuk mengendalikan seseorang kanak-kanak supaya persidangan mahkamah bagi kanak-kanak boleh diadakan dengan secepat mungkin. Kementerian akan berusaha untuk memastikan agar matlamat ini akan dicapai dan pihak kementerian juga akan terus berunding dengan pihak mahkamah untuk mengatasinya.

Soalan yang keempat, Yang Berhormat menggesa supaya penasihat-penasihat yang dilantik oleh menteri terdiri daripada orang-orang yang mempunyai pengalaman yang luas khususnya yang mempunyai latar belakang undang-undang seperti peguam supaya dapat mengimbangi pengalaman dan pengetahuan seseorang majistret. Jawapannya, cadangan Yang Berhormat akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya, dan sememangnya ideal jika penasihat yang membantu Mahkamah Bagi Kanak-Kanak merupakan orang yang berpengetahuan dalam bidang undang-undang.

Soalan daripada Yang Berhormat bagi Kapar, soalan pertama, seksyen 43(1)(f) dan (g) memperuntukkan penahanan yang bertentangan dengan kemahuan kanak-kanak itu. Beliau mohon supaya perkataan "bertentangan kemahuan kanak-kanak" itu dipotong dari rang undang-undang ini kerana tidak relevan. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Pusat Krisis Wanita Pulau Pinang dalam memorandum dan juga oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Seputeh dan jawapan adalah seperti yang telah diberikan awal tadi.

Soalan yang kedua, peruntukan seksyen 11(2) dan (3) memperuntukkan supaya Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh dibantu oleh dua orang penasihat mahkamah. Namun, tiada asas garis panduan untuk pelantikan penasihat mahkamah ini. Pelantikan ini perlulah dibuat berdasarkan pengalaman, latar belakang dan pendidikan. Jawapannya, Fasal 128(1)(e) rang undang-undang ini memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan, garis panduan mengenai kelayakan dan kewajipan seorang penasihat bagi Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Perkara yang dibangkitkan akan diambil perhatian.

Soalan yang ketiga, seksyen 11(2), mahkamah didengari oleh majistret dan dua orang penasihat, adalah lebih baik mahkamah didengari oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang mempunyai pengalaman yang lebih luas, mohon apakah rasional cadangan awal dipinda kepada cadangan ini. Jawapannya, dalam pembentangan rang undang-undang ini kali pertama di Dewan Rakyat tahun lalu, ramai di kalangan Ahli Yang Berhormat telah menyarankan supaya peruntukan ini dipinda dan kuasa mengadili di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak diberi semula kepada Majistret Kelas Pertama.

Kementerian mendapati ada kebenarannya dalam saranan Ahli-ahli Yang Berhormat itu kerana masalah kekurangan jawatan Hakim Mahkamah Sesyen dan dikhuatiri akan melambatkan proses penghakiman. Namun begitu, dalam memastikan bahawa kes-kes terhadap kanak-kanak tidak terjejas oleh kerana kekurangan pengalaman seorang majistret, kementerian akan berunding dengan badan kehakiman supaya majistret kanan sahaja akan bersidang dalam Mahkamah Bagi Kanak-Kanak.

Soalan yang keempat, Ahli Yang Berhormat bagi merujuk kepada Fasal 11(1)(b) dan bertanya Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berhak untuk menggubah perintah *custody guardianship* yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi jika ibu atau bapa kanak-kanak itu terlibat dalam penganiayaan kanak-kanak tersebut. Kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak diperuntukkan dengan jelas dalam rang undang-undang ini berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan jagaan, perlindungan, pemulihan kanak-kanak yang terkawal dan kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah.

Fasal 31(b) umpamanya memperuntukkan tentang kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk membuat sesuatu perintah meletakkan seseorang kanak-kanak itu dalam jagaan orang yang layak dan sesuai selama satu tempoh yang dinyatakan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu. Perintah itu tidak bermaksud menggubal, overruled, dengan izin, perintah jagaan (*custody*) yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi. Perintah di

bawah Fasal 31(b) ini hanya bertujuan untuk menyelamatkan kanak-kanak mereka daripada terus dianiayai.

Soalan daripada Yang Berhormat bagi Bagan, gadis berumur 14 tahun telah ada hubungan seks dengan seorang lelaki dewasa. Laporan polis telah dibuat oleh keluarga dan pendakwaan kes sedang dijalankan. Kini keluarga ingin membenarkan gadis tersebut berkahwin dengan lelaki itu. Yang Berhormat minta penjelasan status kes tersebut. Jawapannya, pendakwaan dalam kes ini perlu diteruskan kecuali ditarik balik oleh pendakwa raya atas alasan tertentu. Keluarga tidak boleh mengahwinkan gadis tersebut dengan lelaki itu kerana had umur minimum untuk berkahwin di bawah Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1996 ialah 18 tahun. Bagi gadis yang telah mencapai umur 16 tahun, perkahwinan boleh dijalankan dengan lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar sesuatu negeri.

Soalan, terdapat gadis di bawah umur yang ditangkap oleh polis kerana menyambut hari jadi di karaoke. Mereka dihantar ke Pusat Pemulihan Batu Gajah walaupun ada ibu bapa yang sanggup menjamin mereka. Jawapannya, apabila pihak polis membuat sesuatu tangkapan ianya biasanya berpandukan kepada maklumat-maklumat yang berasas. Bagi tujuan penahanan sementara, pihak mahkamah hanya akan mengeluarkan perintah tersebut setelah ia berpuas hati bahawa penahanan itu diperlukan untuk siasatan lanjut.

Soalan daripada Yang Berhormat bagi Yan, keanggotaan Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-kanak lebih sesuai dianggotai oleh individu-individu yang prihatin dan minat kepada isu-isu kanak-kanak dan tidak semestinya wakil kerajaan. Jawapannya, tujuan mewajibkan wakil-wakil daripada agensi-agensi kerajaan adalah kerana isu mengenai kanak-kanak lazimnya melibatkan berbagai-bagai aspek dan memerlukan komitmen bersepadu daripada agensi-agensi yang terlibat. Walau bagaimanapun, keanggotaan juga dibuka kepada individu-individu yang tertentu yang berminat mengenai isu kanak-kanak melalui Fasal 4(1)(n).

Soalan yang kedua, bolehkah peranan dan tugas pelindung mengatasi peranan dan tugas ibu bapa. Jawapannya, tidak dinafikan bahawa ibu bapa seharusnya menjadi penjaga dan pelindung yang utama kepada anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu sekiranya ibu bapa gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini maka pelindung berhak memainkan peranannya seperti peruntukan dalam rang undang-undang ini.

Soalan ketiga, berapa kes daripada Sekolah Henry Gurney yang dimasukkan dan selepas dibebaskan terlibat semula dengan kesalahan jenayah yang dimasukkan ke penjara. Data terperinci mengenai perkara ini tidak dapat dibekalkan buat masa kini. Kementerian akan menghubungi Jabatan Penjara bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Soalan yang keempat, menggunakan istilah "pusat tahanan reman" adalah tidak sesuai dan perlulah digantikan dengan "*one-stop-centre*". Pembinaan pusat ini perlu mempunyai ciri-ciri mesra anak seperti kemudahan rekreasi, tempat persinggahan sementara dan kemudahan-kemudahan riadah yang lain. Jawapannya, istilah "tempat tahanan" yang digunakan dalam rang undang-undang ini merujuk kepada tempat tahanan reman kanak-kanak. Tempat tahanan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak dikenali sedemikian tetapi dikenali sebagai asrama seperti Asrama Bahagia, Asrama Sentosa dan lain-lain sebagai langkah mengelak daripada kesan negatif ke atas kanak-kanak yang terlibat. Cadangan daripada Yang Berhormat untuk mewujudkan "*one-stop-centre*" yang mesra kanak-kanak akan diberikan perhatian.

Soalan daripada Yang Berhormat bagi Tumpat, wanita dan kanak-kanak seringkali dieksploitasi dalam iklan-iklan, perlukah diambil langkah-langkah dan diberi perhatian yang berat oleh kerajaan. Kementerian ini akan sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain untuk memastikan kanak-kanak tidak dieksploitasikan oleh mana-mana pihak.



Soalan yang kedua beliau ialah kerajaan telah memperkenalkan Dasar Kebajikan Negara, adakah menjadi harapan agar dasar ini diimplementasi dengan sepenuhnya. Jawapannya, Dasar Kebajikan Negara telah diperkenalkan pada tahun 1990 dan dasar tersebut yang mengasaskan pembentukan dan pengamalan sebuah masyarakat penyayang sedang dilaksanakan melalui pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain sektor sosial di negara ini.

Soalan yang ketiga, ketidakseimbangan tenaga sumber manusia yang sedia ada khususnya dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat jika berbanding dengan beban tugas yang akan dipertanggungjawabkan melalui pelaksanaan Akta Kanak-Kanak ini. Kerajaan mengambil maklum tentang masalah kekurangan tenaga sumber manusia yang dihadapi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jemaah Menteri semasa mempertimbangkan memorandum rang undang-undang ini telah secara prinsip meluluskan permohonan 110 jawatan Pegawai Penguat Kuasa Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S3. Perkara ini akan dibincang dengan pihak JPA.

Soalan yang keempat beliau, pastikan keanggotaan tokoh agama sekurang-kurangnya 2 orang diperuntukkan dengan khusus dan tidak dirangkumkan secara umum adalah Fasal 4(1)(n). Jawapannya, walaupun tidak diperuntukkan secara khusus tentang keanggotaan tokoh agama dalam Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak, namun kementerian tetap prihatin dengan penyertaan tokoh-tokoh agama dalam majlis itu dan akan memastikan bahawa tokoh agama akan menjadi sebahagian daripada ahli majlis itu.

Soalan yang kelima, adakah dicadangkan supaya .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, ada yang bangun, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal keperluan melantik tokoh-tokoh agama. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat, tokoh agama yang mana, tokoh agama Islam atau agama-agama yang lain. Kalau tokoh agama Islam, biarlah tokoh agama Islam yang benar-benar arif tentang hukum-hakam Islam yang arif yang tidak berfikiran pembangkang kerana kalau berfikiran pembangkang takut ada perkara-perkara yang akan terhasil yang tidak menepati keadilan. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingham:** Tuan Yang di-Pertua, pelantikan tokoh-tokoh agama, memang kementerian saya akan kaji sebelum melantik tokoh-tokoh agama itu. Tokoh-tokoh agama kita mesti memastikan adalah yang benar-benar fikir tentang agama dan kanak-kanak kita, bukan fikir tentang politik. Kita cari seseorang yang tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam politik. Ini adalah soal anak-anak kita, ini adalah penting. Tokoh-tokoh agama Islam juga akan dilantik dan juga tokoh-tokoh daripada agama-agama lain untuk memberi nasihat kepada majlis ini juga akan dilantik.

Adakah cadangan supaya kerajaan meminta tumpuan yang lebih kepada kementerian dengan cara membesarkan organisasi kementerian yang bertanggungjawab kepada kebajikan masyarakat. Kementerian sedang berusaha untuk menyusun semula Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat secara keseluruhannya sepadan dengan peningkatan tanggungjawab kementerian secara khusus pula Kabinet telah bersetuju dengan cadangan untuk mewujudkan 144 jawatan baru pelbagai peringkat untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan rang undang-undang ini nanti.

Soalan-soalan Yang Berhormat bagi Dungun. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah Yang Berhormat yang akhir yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan – membangkitkan rang undang-undang ini khususnya seperti yang terdapat di *preamble* adalah sesuatu yang besar dan menyeluruh. Yang Berhormat mempersoalkan kemampuan kerajaan memenuhi matlamat ini. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya masalah sosial yang dihadapi diselesaikan secara menyeluruh dan tidak hanya



berasaskan undang-undang. Yang Berhormat juga bercadang supaya ibu bapa diberikan peranan untuk mendidik dan mengasuh kanak-kanak.

Rang Undang-undang Kanak-Kanak sememangnya mempunyai *preamble* yang luas dan menyeluruh pengertiannya. *Preamble* ini juga merupakan satu semangat undang-undang yang bertujuan membentuk suasana atau persekitaran sosial dan fizikal yang mesra kanak-kanak (*child-friendly*) dan sekali gus memperkukuhkan infrastruktur sosial penyayang yang kita amalkan. Dalam melaksanakan Rang Undang-undang Kanak-Kanak ini, kementerian saya memperakukan pentingnya pendekatan *integrated* dan usaha sama inter dan intra sektor dengan melibatkan juga peranan ibu bapa, komuniti tempatan, NGO-NGO dan juga pihak-pihak swasta.

Soalan yang kedua Yang Berhormat bagi Dungun ialah perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak perlu ditangani secara logistik, legalistik dan holistik. Dapatkah rang undang-undang ini mencari keseimbangan dalam pendekatan tersebut di atas. Memang ini menjadi falsafah rang undang-undang ini dan kementerian akan berusaha ke arah ini dengan kerjasama semua pihak.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal-fasal 1 hingga 135 –**

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila Tanjong.

2.57 ptg.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Fasal 118 dan 119 iaitu mengenai keperluan untuk mengadakan satu daftar kanak-kanak. Saya rasa memang daftar ini sangat diperlukan untuk membolehkan jabatan kebajikan dan pihak-pihak tertentu untuk mengetahui perkembangan kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah-jenayah tetapi saya juga ingin mencadangkan bahawa satu daftar orang-orang yang terlibat dalam jenayah terhadap kanak-kanak juga haruslah disediakan sebab melalui daftar ini pihak-pihak berkenaan dapat mengetahui orang-orang yang terlibat ini boleh membenarkan majikan-majikan ataupun jabatan-jabatan polis dan lain-lain untuk menyemak latar belakang orang-orang yang menjadi *repeated offenders*.

Misalnya, dalam kes baru-baru ini di mana seorang penuntut komputer dirogol dan dibunuh. Orang yang ditahan itu adalah seorang *repeated offenders* di mana apabila diberi kerja sebagai pemandu bas, latar belakang penjenayahannya tidak dikemukakan. Jadi, dengan daftar sedemikian, saya rasa ini akan dapat membantu semua pihak dalam mencegah *repeated offenders* ini dari melakukan jenayah terhadap kanak-kanak dan gadis-gadis dan lain-lain. Jadi, saya berharap kementerian ini akan mempertimbangkan selain daripada daftar untuk kanak-kanak yang terlibat haruslah juga ada satu daftar untuk Child Sex Offenders. Sekian.

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap, sekejap. Yang Berhormat hendak jawabkah dahulu yang itu? Ya, jawab yang itu dahulu.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, saya memang akui dan kementerian saya akan mengambil perhatian tentang cadangan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

2.59 ptg.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh fasal yang sama tetapi ini mengenai guru-guru kerana terdapat juga guru yang sexual abused the student, pelajar juga dan ada kes-kes yang kita nampak laporan daripada surat khabar guru-guru ini hanya ditransfer, ditukar sekolah sahaja. Maka, mereka ini mungkin akan berulang apa yang mereka buat kepada pelajar di sekolah yang lain. Maka, adalah penting kementerian Yang Berhormat menyelaraskan dengan Kementerian Pendidikan supaya mengadakan satu prosedur, apa yang akan dibuat kepada guru-guru yang sexual abused the student. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya

**Dato' S. Veerasingam:** Jika seseorang guru itu telah membuat gangguan seksual ke atas murid-murid yang berkenaan, guru akan didakwa ke mahkamah dan apabila kalau dia dituduh, dia akan hilang kerjanya kerana dia akan dipenjarakan. Tetapi kalau tidak ada bukti, ada kes-kes di mana tidak ada bukti, hanya ada tuduhan, pihak Kementerian Pendidikan biasanya tukar sekolah itu kerana keadaan di tempat itu.

Kalau orang itu memang seorang pesalah, dia akan dihukum, kalau dia ada perkosa seorang anak murid, dia tidak boleh ditinggal seperti itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Pengerusi, merujuk kepada Fasal 4, Keanggotaan Majlis Perlindungan Kanak-kanak. Sebagaimana yang saya cadangkan tadi dan diulas oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tetapi disalah faham oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Saya mencadangkan tadi yang wakil agama itu ialah wakil daripada Jabatan Agama Islam Negeri yang berkenaan dan seorang lagi tokoh agama yang lain, tidak merujuk kepada mana-mana parti politik.

Perkara 5(1), Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun pada bila-bila masa. Saya ingin mencadangkan supaya Majlis ini kekerapan mesyuaratnya dan masanya dapat dikawal lagi, dicadangkan supaya Majlis ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap tiga bulan, yang jumlahnya empat tetapi jangan dilonggokkan empat kali pada bulan Disember tahun ini kerana untuk memenuhi apa yang diperuntukkan di sini.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Pengerusi, pandangan Yang Berhormat akan diambil kira.

**Fasal 1 hingga 135** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual Pertama dan Kedua** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Pendahuluan** - diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG RUMAH PERJUDIAN TERBUKA  
(PINDAAN) 2000**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

3.06 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 dibaca kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan undang-undang bertujuan untuk membanteras kegiatan perjudian tanpa lesen yang telah mencapai tahap yang membimbangkan. Perjudian tanpa lesen tidak lagi tertumpu di pusat-pusat mesin hiburan tetapi telah berkembang ke café cyber, kedai kopi, kedai runcit, salun rambut, salun kecantikan dan rumah-rumah persendirian disebabkan oleh perkembangan semasa dalam teknologi komputer dan telekomunikasi.

Keleluasan perjudian tanpa lesen juga mengakibatkan aktiviti kongsi gelap yang sekarang ini telah menjadi masalah sosial dalam masyarakat kita. Oleh itu kerajaan berhasrat aktiviti perjudian tanpa lesen dikawal, ditangani dan dibanteras dengan segera.

Berdasarkan kepada implikasi sosial dan agama telah menjadi dasar kerajaan tidak menggalakkan pertumbuhan aktiviti perjudian. Kerajaan telah mengadakan kawalan yang ketat ke atas aktiviti perjudian yang di antaranya adalah:

- (i) kerajaan tidak lagi mengeluarkan lesen-lesen baru bagi semua bentuk perjudian;
- (ii) adalah dilarang orang yang beragama Islam, mereka di bawah umur 21 tahun dan murid sekolah daripada memasuki premis-premis perjudian.

Usaha-usaha pengawalan tersebut tergugat dengan adanya perjudian tanpa lesen ini yang berleluasa. Justeru itu, beberapa peruntukan perundangan di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 atau dikenali sebagai Akta 289, yang sedia ada perlu dipinda untuk membanteras dan mengatasi masalah perjudian tanpa lesen.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000 bertujuan untuk:

- (i) meminta dan memberi beberapa definisi baru kepada beberapa takrifan yang digunakan di dalam akta untuk memberi tafsiran yang lebih jelas kepada peruntukan yang terdapat di dalam akta tersebut;
- (ii) mencadang dan mengesyorkan kadar denda dan dengan izin, *punitive punishment* yang perlu dikenakan ke atas mereka yang terlibat dalam aktiviti perjudian tanpa lesen tidak kurang dari RM10,000 dan tidak lebih dari RM100,000 untuk setiap mesin yang dirampas dan dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun;
- (iii) memotong bekalan elektrik di premis-premis yang didapati mengendalikan aktiviti perjudian tanpa lesen untuk mengelakkan mereka meneruskan operasi di premis yang sama dan sebagai hukuman kepada pemilik premis;
- (iv) mengenal pasti maklumat-maklumat dengan lebih tepat supaya tindakan boleh diambil serta-merta dan barangan

boleh dirampas dan dimusnah dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 14 hari mengikut peraturan undang-undang; dan

- (v) menentukan agensi-agensi penguat kuasa bertindak dan menguatkuasakan melalui pendakwaan, mendenda dan merampas di atas kegiatan-kegiatan perniagaan mesin judi tanpa lesen dengan lebih berkesan tanpa gangguan. Dan memudahkan urusan pendakwaan dan memberi kuasa yang sewajarnya kepada pegawai polis di dalam mengambil tindakan di dalam membanteras aktiviti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan pindaan-pindaan dalam Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000 ini seperti berikut:

Fasal 1 Rang Undang-undang ini mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 289 untuk meminda takrif sedia ada tertentu dan untuk memasukkan takrif baru tertentu bagi ungkapan yang digunakan dalam Akta 289.

Takrif yang dipinda di dalam Seksyen ini adalah dengan izin, *'gaming and instruments or appliances for gaming'*. Takrif baru yang diperkenalkan adalah dengan izin, *'gaming machine, officer in charge of a police district, operator of a gaming machine, energy, licensee and supply authority'*.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1) Akta 289 untuk menetapkan suatu penalti tambahan bagi kesalahan mengendalikan mesin-mesin judi dalam rumah perjudian terbuka.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan Seksyen baru 4B ke dalam Akta 289 untuk menjadikannya suatu kesalahan untuk membuat urusan mengenai mesin judi.

Seseorang yang disabitkan di atas suatu kesalahan di bawah Seksyen 4B boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 bagi setiap mesin judi yang disita dan hendaklah juga dihukum dengan pemenjaraan selama suatu tempoh yang tidak melebihi lima tahun.

Fasal 5 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda subseksyen 7(3) Akta 289 untuk mengadakan peruntukan bahawa seseorang yang didapati bermain atau mengendalikan sesuatu mesin judi di tempat awam hendaklah dianggap sebagai berjudi jika apa-apa wang atau benda bernilai yang lain telah digunakan dalam memainkan atau mengendalikan mesin judi itu.

Fasal 6 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda subseksyen 11(5) Akta 289 untuk mengehendaki pihak pendakwa memberi notis mengenai cadangannya untuk menggunakan perakuan agar perjudian yang diberikan di bawah subseksyen 11(4) sebagaimana bila perakuan yang diberikan di bawah subseksyen 11(3) hendak diberikan sebagai keterangan.

Fasal 7 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan Seksyen baru 15A ke dalam Akta 289 untuk memberi pegawai penjaga daerah polis kuasa untuk menutup mana-mana premis yang dia ada sebab yang baik untuk mempercayai sedang digunakan bagi maksud berjudi.

Fasal 8 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan Seksyen baru 16A ke dalam Akta 289 untuk mengadakan peruntukan bagi perlucuthakan mesin judi yang disita.

Fasal 9 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan Seksyen baru 21A ke dalam Akta 289 untuk memberi pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Penolong Penguasa kuasa untuk memohon bagi pemotongan bekalan tenaga

ke mana-mana premis jika dia ada sebab yang baik untuk mempercayai bahawa premis itu atau mana-mana bahagian premis itu sedang digunakan bagi maksud perjudi. Pemotongan dan penyambungan semula bekalan tenaga hendaklah dijalankan di bawah dan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 atau Ordinan Elektrik Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Fasal 10 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 22A ke dalam Akta 289 untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan orang bagi atau atas atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau yang dikatakan dilakukan di bawah Akta 289.

Fasal 11 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 289 untuk membolehkan seseorang yang disabitkan di atas kesalahan kedua di bawah seksyen 4B diikat jamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Ya, Gaya.

3.16 ptg.

**Datuk Yong Teck Lee [Gaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana bercadang meminda Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka pada hari ini dan saya rasa ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk mengurangkan aktiviti perjudian seterusnya bagi mengetatkan undang-undang dan mekanisme penguatkuasaan dengan izin, to tighten enforcement mechanism terhadap perjudian tanpa lesen ataupun perjudian haram.

Saya rasa Dewan yang mulia ini seharusnya memberikan sokongan yang penuh kepada rang undang-undang ini. Saya mengalu-alukan kenyataan Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa kerajaan tidak lagi mengeluarkan lesen perjudian dalam semua bentuk. Ucapannya menyentuh tentang computer based, perjudian di cyber café dan lain-lain. Tetapi kenyataan Timbalan Menteri sebentar tadi tidak lagi mengeluarkan lesen perjudian dalam semua bentuk.

Dalam pandangan saya ini termasuk empat ekor, di mana lesen perjudian bagi empat nombor ekor, ia satu lesen dari Kementerian Kewangan tetapi ia banyak lesen-lesen premis (outlet) di kedai-kedai di banyak daerah.

Saya minta penjelasan sama ada keputusan kerajaan tidak lagi menambah lesen perjudian termasuk lesen-lesen outlet atau premis empat nombor ekor termasuk outlet di mana bagi lesen syarikat indukan itu, mereka tidak akan dibenarkan menambah ataupun membuka outlet baru bagi tujuan menjalankan perjudian empat ekor.

Pada masa yang sama, saya berharap Menteri dapat memberikan penjelasan dalam rang undang-undang ini. Di mana kesalahan di Fasal 4, Tuan Yang di-Pertua, di mana kesalahan di seksyen 4B boleh didenda RM10,000 sehingga RM100,000 setiap mesin dan juga dihukum dalam pemenjaraan tidak melebihi lima tahun.

Saya ingin bertanya adakah pemenjaraan ini mandatori ataupun tidak? Kerana walaupun ia ditulis di sini dan – *the fine and imprisonment* tetapi kadang-kadang mahkamah memutuskan bahawa ini cuma satu *discretion* dan bukan mandatori.

Ini perlu dijelaskan bagi rujukan masa depan. Pandangan saya ialah hukuman ini bagi *imprisonment* seharusnya mandatori disebabkan sindiket perjudian terutamanya sindiket perjudian tanpa lesen, tidak bayar cukai, sindiket perjudian ini memang kaya dan mereka mampu bayar denda walaupun RM100,000 satu mesin. Maka denda tidak lagi merupakan *deterrent* ataupun halangan bagi perjudian haram.

Hukuman yang berkesan ialah pemenjaraan, *imprisonment*. Saya minta Menteri menjelaskan sama ada hukuman pemenjaraan mengikut seksyen 4B adalah mandatori ataupun tidak.

Seterusnya, bolehkah kementerian menjelaskan Fasal 3 yang meminda subseksyen 4(1) iaitu dimasukkan perkataan, "*three years*" termasuk denda RM3,000 hingga RM5,000 bagi setiap mesin. Begitu juga soalan saya adalah hukuman tiga tahun ini, mandatori ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ke Fasal 9, dengan izin, teks undang-undang adalah dalam bahasa Inggeris dan saya membaca, "*Assistant Superintendent is satisfied upon written information...*", Maklumat secara bertulis. Saya ingin bertanya, rujukan bagi kementerian dan pihak polis masa akan datang sama ada *written information*, maklumat bertulis ini termasuk surat layang, termasuk surat daripada NGO seperti *consumer association*, *parent-teacher association* dan persatuan-persatuan lain yang kita selalu terima, menuduh ada perjudian haram di daerah masing-masing. Sama ada *written information* ini termasuk surat daripada wakil rakyat, surat kepada IGP, surat kepada OCPD dan lain-lain. Dan kadang-kadang kita juga terima minit mesyuarat, minit mesyuarat badan-badan sukarela, persatuan sukarela bahawa ada dibincangkan di dalam persatuan itu meminta pihak kerajaan mengambil tindakan terhadap perjudian tanpa lesen.

Kadang-kadang kita dapat minit itu tetapi tidak ada individu ingin membuat laporan secara rasmi kepada polis, tetapi kita ada minit itu. Bolehkah ini menjadi bahan yang cukup bagi pihak polis mengambil tindakan? Seterusnya, juga minit mesyuarat majlis daerah. Ini perkara yang penting kerana kadang-kadang kita dapat laporan bahawa di majlis daerah, banyak kali sudah dibincang dan dibahas ada perjudian haram tetapi majlis daerah tidak ada kuasa dalam perkara menutup ataupun mengambil tindakan terhadap perjudian haram maka bolehkah minit majlis daerah itu digunakan sebagai *written information*.

Seterusnya, surat khabar. Kadang-kadang perjudian di kedai itu dari kaki lima boleh nampak, semua orang di daerah boleh nampak, surat khabar pun keluar, ada gambar, ada orang tulis tetapi polis tidak nampak. Jadi, ini ada berlaku. Bolehkah laporan di surat khabar itu menjadi cukup sebagai bahan bagi pihak polis mengambil tindakan. Seterusnya kita juga kadang-kadang mendapat gambar pihak individu mengambil gambar dan pos kepada kita. Bolehkah itu sebagai bahan yang cukup. Pihak OCPD memerlukan garis panduan dalam perkara ini kerana saya sendiri dahulu pun ada berbisik kepada polis dan polis meminta laporan rasmi, *why not you make a police report*, katanya.

Maka, saya rasa kalau sudah jelas perjudian tanpa lesen dijalankan di kedai cara terbuka, *ground floor*, tingkat bawah, tidak perlu lagi ada laporan polis secara rasmi. Disebabkan di peringkat daerah misalnya pihak individu, dia segan, dia enggan melaporkan secara rasmi kepada polis, saya sendiri pernah buat laporan polis, dia kena duduk 2-3 jam dan selepas itu tiap-tiap minggu CID datang minta butir-butir, saya boleh tetapi banyak orang tidak ingin buat. Bolehkah pihak polis jangan memaksa para individu membuat laporan polis secara rasmi. Kalau cukup maklumat, gambar kah, surat khabar kah, surat kah, boleh ambil tindakan.

Dan, bukan saya bilang ada penyelewengan tetapi sekiranya di sesuatu daerah terdapat perjudian haram, *cyber café* terbuka, *internet gambling* terbuka, semua orang tahu, pegawai daerah tahu, parti-parti politik tahu, ahli-ahli majlis daerah tahu, polis tidak tahu. [Ketawa] Saya sendiri pun pernah tanya, adakah pihak polis di daerah itu akan disiasat. Jangan saja menunggu laporan, kalau semua orang tahu kenapa polis tidak nampak. Jadi, ini perkara yang boleh membawa kesan, imej yang negatif bagi polis, ini kadang-kadang bukan banyak tempatlah, satu, dua tempat, tetapi orang cakap-cakaplah.

Seterusnya, juga di Fasal 9, mengenai bekalan elektrik. Pegawai polis, dengan izin, *may apply to* Lembaga Elektrik supaya bekalan elektrik kepada premis

perjudian itu dipotong. Adakah Lembaga Elektrik mesti ataupun dikehendaki memotong bekalan elektrik ke premis yang disyaki premis perjudian atas permohonan pegawai polis. Ini kerana Lembaga Elektrik ada perjanjian dengan klien, dengan *consumer* untuk membekalkan elektrik dan kalau tidak Lembaga Elektrik atau Tenaga Nasional perlu diberikan kuasa undang-undang untuk membatalkan perjanjian bekalan elektrik.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai *forfeiture of seized gaming machines*, mesin yang sudah disita. Bolehkah kerajaan memberikan jaminan bahawa mesin-mesin yang di *forfeited*, dengan izin, dan kemudian dimusnahkan itu, adakah kemusnahan mesin-mesin itu termasuk *computer chip* ataupun *chipboard* di dalam kotak komputer. Apa yang kami dengar dan kami bimbang yang dimusnahkan di depan kamera televisyen, ada bawa pemberita, cuma itu kotak, sama itu televisyen skrin. Saya sendiri tidak nampak proses pemusnahan itu dijalankan tetapi bolehkah pihak polis, pihak berkuasa memberikan jaminan supaya apabila dirampas *chipboard* itu juga dalam *inventory* dan *chipboard* itu dimusnahkan cara berasingan. Jangan cakap itu *chipboard* ada dalam kotak, sudah dimusnahkan mana tahu, mana satu *chipboard*, mana satu cuma kotak. Pasal *the chipboard* yang mahal, kotak itu murah.

Jadi, kalau mesin itu dirampas dan *chipboard* itu tidak tahu pergi mana, boleh berjalan, boleh berlari kemudian *chipboard* itu dibawa balik ke kilang, buat lagi komputer itu. Saya minta pihak berkuasa memberikan perhatian yang serius dalam perkara ini, saya tidak bercakap bahawa pihak kerajaan tidak mengambil tindakan, memang dengan adanya rang undang-undang ini cukup baik, menunjukkan, membuktikan keikhlasan kerajaan membanteras masalah perjudian tanpa lesen. Saya menyokong penuh rang undang-undang ini dan saya menyokong penuh segala tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena.**

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**3.25 ptg.**

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah sudi memberikan peluang pada saya untuk turut sama membahaskan pindaan undang-undang ke atas Akta Rumah Perjudian Terbuka ini. Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini dibuat ekoran daripada timbulnya permasalahan yang begitu besar ekoran daripada perjudian yang diamalkan melalui mesin slot yang berlaku dalam negara kita sejak sekian lama.

Maka, ekoran daripada isu yang berbangkit itu maka timbullah cadangan untuk membuat pindaan ke atas undang-undang ataupun Akta Rumah Perjudian Terbuka. Ini menunjukkan bahawa kita sama-sama bersetuju mengatakan bahawa judi adalah merupakan punca yang telah menyebabkan, mendatangkan masalah ataupun penyakit sosial di kalangan masyarakat di negara kita. Ini harus kita terima dan saya percaya bahawa Timbalan Menteri telah bersetuju dengan saya bahawa perjudian adalah punca kepada mendatangkan penyakit sosial dalam negara kita. Sebab itu cadangan ataupun apa yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi bahawa tidak ada lesen baru ke atas semua jenis perjudian adalah satu yang sangat dialu-alukan oleh saya sendiri.

Tetapi apa yang berlaku hari ini ialah selepas daripada 40 tahun lebih kita merdeka baharulah kerajaan menyedari bahawa perjudian merupakan punca kepada masalah ataupun penyakit sosial dalam negara kita tetapi masalah ini telah pun melata dengan begitu meluas di dalam negara kita. PAS telah pun 40 tahun lebih memberikan ingatan kepada kerajaan melalui pelbagai saluran tentang bahayanya permainan judi ini. Alhamdulillah, setelah 40 tahun berakhirnya kerajaan menerima saranan PAS supaya mengharamkan permainan judi khususnya yang melibatkan mesin slot. Kita

telah menyedari bahawa permainan judi ini bukan sahaja menimbulkan masalah yang melibatkan pembuangan masa, melepak dan pembaziran tetapi juga telah menatijahkan kejadian-kejadian yang lebih buruk seperti rompakan, peras ugut, mendera isteri dan anak-anak, tekanan perasaan, kepapaan, kemiskinan, kemalasan, kemunduran dan kejahilan.

Kita tidak pernah lagi mendengar seseorang manusia di negara ini ataupun di mana-mana dunia mendapat kekayaan, kesenangan, keselesaan hidup hasil daripada kerajinan dan ketekunan mereka berjudi melainkan orang yang mendapat kekayaan daripada industri ini ialah tauke-tauke judi sahaja tetapi untuk orang yang berjudi saya belum pernah mendapat satu statistik yang mengatakan bahawa orang yang berjudi, yang tekun berjudi telah menjadi kaya, senang lenang dalam kehidupan mereka.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Boleh saya bertanya, saya tidak berapa setuju dengan saudara [Ketawa] Saudara kata judi tidak bawa faedah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak setuju.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Nanti dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** [Ketawa] Sila.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Laporan daripada *Far East Economic Review*, tahun lepas mengatakan bahawa syarikat yang paling berjaya, enam tahun berturut-turut di Singapura ialah SIA, syarikat penerbangan, di Thailand adalah Bank Pertanian iaitu Farmers Bank, Malaysia syarikat yang paling berjaya, berprestasi tinggi ialah Genting Berhad yang mengendalikan judi. Dan Genting ini, memberi faedah yang banyak kepada negara, kerajaan boleh mengutip cukai daripada perjudian di situ. Jadi, saudara Pokok Sena kata tadi tidak untung langsung kegiatan judi, macam mana ni. [Ketawa]

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Kuala Kedah ini, dia saja, dia hendak jolok saya. Sebenarnya apa yang saya kata tadi Yang Berhormat bahawa dalam dunia ini tidak ada seorang penjudi yang bermain judi memperoleh keuntungan, mendapat kesenangan hidup melainkan tauke judi sebab itu saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Kuala Kedah bahawa Genting Highlands, kasino telah mendapat kekayaan, kesenangan, hasil daripada industri judi, perniagaan perjudian yang dilakukan dan juga yang mendapat keuntungan ini ialah kerajaan yang memerintah kerana berjaya mendapat pengutipan hasil cukai daripada industri judi yang terdapat dalam negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua, ....**

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Boleh tanya lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Singapura sebuah negara yang majoriti penduduknya bukan Islam, mempamerkan syarikat yang paling berjaya ialah SIA. Thailand, majoriti orang bukan Islam, syarikat yang paling berjaya ialah Farmers Bank. Sekarang ini Malaysia sebuah negara Islam, syarikat yang paling berjaya Genting Berhad, bagaimana perasaan wakil rakyat bagi Pokok Sena tentang prestasi Malaysia dalam bidang perniagaan ini, malu atau tidak? [Ketawa]

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Malu yang sangat besarlah [Ketawa]. Saya bersetuju 100% dengan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, cumanya mungkin yang tidak ada malu, yang muka tidak malu ini pemimpin-pemimpin UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional [Tepuk] Tetapi saya mengucap syabas kepada Yang Berhormat bagi Gaya tadi yang telah memberikan sokongan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Menteri berdiri.



**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Bolehkah saya tanya Ahli Yang Berhormat, kalau tidak ada kejayaan melalui Barisan Nasional, hari ini tidak ada orang yang memegang jawatan di Kuala Terengganu, berapakah pembangunan telah dilaksanakan. Jadi, saya minta, betulkah kerajaan tidak menjalankan apa-apa pembangunan dan hari ini ahli-ahli daripada parti PAS tidakkah menggunakan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional ini.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kita bincang soal judi, ini dia pergi keluar tajuk, keluar rel. *[Ketawa]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tadi Yang Berhormat bagi..., mana tadi *[Disampuk]* Dia menyatakan tidak malukah oleh kerana kita tidak ada kejayaan dalam negara ini. *[Disampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya ingat, ini pun hasil penyakit kuku dan mulut juga *[Ketawa]* Ini lebih bahaya daripada kuku dan mulut.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Guna mulut, saya pun tahulah, siapa yang lebih guna mulut.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini pun sejenis penyakit mulut juga. *[Ketawa]* Dia bercakap mengikut ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ...selera. Bagi saya pun tidak ada halangan Dato' tetapi pasal .....

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak penjelasan, sila.

**Tuan Moktar bin Radin:** Kita memang menerima hakikat apa juga bentuk judi memang haram. Bagaimana pula hukumannya perjudian politik, contohnya PAS sudah tahu tidak boleh membentuk kerajaan Malaysia tetapi masih juga 'berjudi' untuk hendak jadi pemerintah, jadi macam mana hukumnya?. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini pun, inilah saya kata bahawa bukan sahaja kanak-kanak menghidap penyakit kuku dan mulut tetapi wakil rakyat Barisan Nasional pun mendapat penyakit kuku dan mulut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sama-samalah. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya harap Kementerian Kesihatan dapat mengambil berat terhadap ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada kuku mulut, ada kepala, masuk belaka. Serupa belakalah itu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ..... pemimpin-pemimpin daripada UMNO ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Jadi, keluar daripada tajuk terus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan. Sama-sama keluar. Teruskan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, rangkaian permasalahan yang begini besar tidak wajar lagi dibudayakan di dalam sebuah negara seperti Malaysia yang sedang dikatakan menuju kepada sebuah negara maju. Walaupun rakyat negara ini pelbagai kaum, agama dan fahaman politik tetapi tidak

bermakna Kerajaan Barisan Nasional perlu mengekalkan alasan dangkalnya yang selama ini dilakukan oleh mereka atas alasan toleransi kaum. Masalah judi ini sudah menjadi masalah sejagat bagi seluruh rakyat negara ini. Semua kaum, saya percaya menolak judi, semua agama menentang judi, semua fahaman politik menentang judi, cuma sebelum ini Barisan Nasional sahaja yang memperjuangkan ke arah untuk menghalalkan judi dengan pelbagai alasan seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Kalau kita dapat RM100 juta hasil cukai perjudian sekalipun, tetapi kita terpaksa membelanjakan lebih daripada RM100 juta untuk membina semula masyarakat yang rosak akibat perjudian. Ini bermakna bahawa kita tidak memperoleh apa-apa keuntungan daripada pendapatan ataupun cukai pendapatan hasil daripada judi.

Tuan Yang di-Pertua, sepuluh tahun yang lalu apabila PAS memerintah negeri Kelantan, PAS telah mengharamkan judi termasuklah permainan mesin slot daripada beroperasi di mana-mana premis di dalam negeri tersebut. Begitu juga di negeri Terengganu baru hampir setahun, kita juga telah mengharamkan semua jenis perjudian di negeri Terengganu. Tetapi tindakan bijak Kerajaan Kelantan dan Terengganu ini telah dikritik oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sebagai ketinggalan zaman, mundur ke belakang, mengurangkan pendapatan kerajaan dan menafikan hak kaum lain untuk berjudi.

Setahun yang lalu, Kerajaan Terengganu seperti yang saya katakan juga telah mengharamkan judi telah mendapat nasib yang sama, tetapi hari ini terbukti Kerajaan Barisan Nasional terpaksa akur dan meniru apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Alternatif di Kelantan dan di Terengganu. UMNO sekarang ini nampaknya sudah banyak meniru PAS dalam pentadbiran dan pengurusan kerajaan termasuk cuti hari Sabtu, rumah tiga bilik, cuti bersalin 60 hari dan kini judi khususnya yang membabitkan mesin slot.

Saya rasa inilah sebabnya orang-orang UMNO sekarang ini banyak masuk PAS kerana mereka duduk dalam UMNO pun, depa kata: "Nampak UMNO pun lebih banyak meniru PAS." Jadi, oleh sebab itu, saya sarankan juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada UMNO elok masuk PAS cepat-cepat sebelum UMNO masuk muzium.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat. Sama juga orang PAS pun banyak masuk UMNO. Sila. [Ketawa] Saya baca surat khabar. Sila.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Pokok Sena. Apakah ini bermakna bahawa Barisan Nasional ataupun UMNO sepuluh tahun ketinggalan daripada PAS ataupun daripada Barisan Alternatif di Kelantan dalam soal mengharamkan judi, setuju atau tidak?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat, malah saya katakan tadi bahawa saranan PAS sudah lebih daripada 40 tahun, bermakna bahawa pemikiran pemimpin-pemimpin UMNO ini lembab, lambat 40 tahun. Dan saya pun terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua, nampak Tuan Yang di-Pertua pun ketagih juga hendak jadi backbencher juga ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila teruskan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Minta jalan Pokok Sena. Jangan hentam BN buta tuli begitu. [Ketawa] Saya sepuluh tahun dah dalam Parlimen ini, saya dengar yang mereka juga tidak suka judi, tetapi menimbulkan banyak untuk pengetahuan Pokok Sena minta ulasan sekejap lagi, ialah wakil-wakil MCA termasuklah tadi wakil Gaya. Gaya bercakap soal menentang judi dan sebagainya, tetapi kita nampak bahawa kerajaan berani bertindak untuk melarang, mengharamkan judi bila MCA setuju. Ertinya, MCA *the most powerful* sekarang ini. Bila MCA setuju hapus mesin slot baru kerajaan berani, kalau MCA kata 'no', kerajaan tidak akan berani. Ini sebenarnya yang berlaku di Malaysia sekarang, setuju atau tidak ulasan saya ini.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya bersetuju 100% memang itulah sekarang ini yang berlaku dalam negara kita. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ha, sudah bersetuju, terus yang lainlah Yang Berhormat. Ini Yang Berhormat Menteri pula bangun.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Beri saya ulas dahulu. Saya hendak jawab dia dahulu. Dak nanti dahulu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Nanti dahulu, saya akan beri selepas ini nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ha, dia akan beri Menteri selepas ini.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya baik dengan Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah bahawa nampaknya sekarang ini dalam apa-apa tindakan sekalipun kita lihat bahawa UMNO lebih menuruti apa kata daripada MCA. Umpamanya, satu ketika dahulu bahawa bila PAS membicarakan soal perkara-perkara yang berkaitan dengan yang memabukkan, yang boleh mendatangkan mudarat kepada kehidupan manusia ini sama ada fizikal dan mental, pada waktu itu kita dikatakan seperti yang saya sebutkan tadi tidak toleransi dan sebagainya. Tetapi apabila MCA membuat usaha gerak gempur perang habis-habisan terhadap pil ecstasy, kita lihat bahawa tidak pula mereka mengatakan bahawa MCA cuba menyekat kebebasan hak asasi manusia dalam negara kita.

Oleh sebab itu, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada MCA yang berjaya mendidik dan mentarbiah pemimpin-pemimpin UMNO supaya melihat bahawa bahaya judi, bahaya pil ecstasy dan juga bahaya perkara-perkara yang berkaitan dengan dadah dan juga perkara yang memabukkan dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat. Rumah perjudian terbuka seterusnya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, ya, itu ada kaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Kaitan itu panjang sangat, pendek-pendek sahajalah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, sila.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Bagi yang mana, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Minta maaf, dia beri kepada Menteri.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat tahu baru-baru sahaja kerajaan telah mengharamkan permainan video sebagai satu perkara yang penting yang menggalakkan permainan perjudian melalui video. Oleh kerana itu, kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengharamkan tetapi keputusan itu bukanlah MCA, itu keputusan kerajaan keseluruhannya. Mana ada parti yang boleh membuat keputusan, keputusan itu telah diambil oleh kerajaan keseluruhannya untuk mengharamkan. Jadi bila kita kondem kerajaan, kita mesti memberitahu, mendapat tahu, apakah pihak kerajaan telah membuat untuk mengharamkan permainan judi seperti mesin video baru-baru dua atau tiga minggu yang lalu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya bersetuju bahawa pengharaman itu dibuat atas semangat keputusan kerajaan, tetapi apa yang saya katakan tadi bahawa selepas daripada desakan daripada kumpulan tertentu termasuklah MCA yang turut mendesak supaya perkara itu diharamkan. Itu yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya, Bukit Mertajam.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Tadi Yang Berhormat bagi Pokok Sena mengatakan bahawa kerana atas desakan MCA maka kerajaan mengambil tindakan, itu menunjukkan bahawa MCA ini sekarang *most powerful* di dalam BN. Tetapi di dalam masyarakat Cina mereka kata MCA ini tidak boleh menyelesaikan masalah masyarakat Cina, itu pendidikan sekolah Cina itu tidak dapat menyelesaikan, tidak boleh buat, apa sebabnya ya. Bolehkah tolong terangkan mengapa kadang-kadang MCA ini kuat sangat, kadang-kadang tak kuat, mengapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ha, biasalah itu. [Ketawa]

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Yalah, saya berpandangan bahawa MCA juga ada dalam hal-hal tertentu cuba mencari *political mileage* untuk kepentingan politik mereka tetapi dalam hal tertentu mereka gagal untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan seperti mana disebut bahawa permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Cina. Oleh sebab itu, untuk hendak menampung permasalahan, kegagalan permasalahan, penyelesaian masalah kepada masyarakat Cina lalu mereka menampilkan penonjolan mereka dalam isu-isu yang berkaitan dengan soal perjudian ataupun pil ecstasy. Jadi, inilah orang hendak cari makan.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat, mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ada yang hendak minta penjelasan, hendak beri?

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sedikit sahaja, sekejap boleh?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ada lagi? Saya hendak selesaikan yang ini dahulu ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Tebrau.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tebrau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Beri jalan ataupun tidak? Tidak beri lagi.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tak beranikah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, berani, ini menteri pun beri.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Itu menteri, ini Ahli Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sedikit sahaja.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hairan mengapa kerajaan hanya memberikan perhatian untuk mengharamkan judi mesin slot sahaja, sedangkan judi-judi yang lain masih lagi halal dalam negara kita. Saya mengharapkan para-para mufti dan ahli-ahli majlis fatwa dalam negara kita ini

dapat memberikan penjelasan kepada kerajaan terutamanya para menteri tentang hukum sebenar judi mengikut pandangan Islam. Dan saya mengharapkan juga bahawa kerajaan tidak hanya mengklasifikasikan judi-judi tertentu terutamanya yang dimiliki oleh kroni-kroni orang-orang tertentu di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sebut di sini ialah yang berkaitan dengan soal undang-undang dalam negara kita.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat, boleh beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya bersetuju dengan cadangan untuk meminda undang-undang ini ke arah untuk membendung permasalahan yang berkaitan dengan judi. Tetapi sejauh mana baik sekalipun undang-undang yang wujud dalam mana-mana negara termasuk di negara kita, ianya tidak akan memberi apa-apa makna dan manfaat kepada usaha untuk membendung masalah-masalah yang berkaitan apabila sampai kepada peringkat *enforcement*, peringkat penguatkuasaan. Inilah masalah seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Gaya tadi, bahawa masalah yang kita hadapi sekarang ialah masalah yang berkaitan dengan *enforcement*. Sebab itu, kita lihat baru-baru ini bahawa yang berkaitan dengan Transparency Corruption Index, Malaysia telah diletakkan di tangga yang ke-30 ke-36. Ini menunjukkan bagaimana berlakunya permasalahan yang berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang dalam negara kita ini yang telah diliputi ataupun diselubungi ataupun diselubungi dengan amalan-amalan buruk yang keji khususnya amalan-amalan rasuah dalam negara kita.

Contoh, untuk kita lihat bahawa walaupun kita ada undang-undang yang boleh mencegah perkara-perkara yang berkaitan dengan video atau CD lucah umpamanya, tetapi sekarang kita lihat video dan CD lucah bertaburan di merata-rata tempat hatta di pekan-pekan sehari ataupun di pasar-pasar malam. Walaupun ada, saya tidak menafikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ada membuat langkah-langkah tindakan serbuan, tetapi tindakan itu tidak mencukupi dalam usaha untuk membendung perkara-perkara seperti yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga dengan percetakan lucah yang bertaburan dalam semua kedai-kedai buku ataupun di warung-warung sekarang ini. Walaupun ada undang-undang di peringkat Kementerian Dalam Negeri iaitu yang berkaitan dengan soal peraturan dan etika penerbitan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri, tetapi hingga kini kita melihat bahawa tidak nampak satu tindakan yang serius yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri untuk membuat serbuan-serbuan dan menangkap sama ada penerbit ataupun penjual dan pengedar kepada bahan-bahan percetakan lucah.

Sekarang ini, kita boleh melihat di merata-rata tempat bahawa percetakan lucah bertebaran dalam negara kita. Jadi, oleh sebab itu kita mengharapkan bahawa kerajaan harus memberikan penumpuan yang serius dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan soal *enforcement* ataupun soal penguatkuasaan undang-undang apabila ianya diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini, kerana kita tidak mahu nanti bahawa ada unsur-unsur yang berkaitan dengan pengaruh politik yang mencampuri urusan penguatkuasaan ini menyebabkan pelaksanaan proses penguatkuasaan undang-undang itu tidak dapat berjalan dengan lancar.

Sebab itu kita berharap bahawa penguatkuasaan ini bukan hanya meliputi golongan-golongan tertentu ataupun apa yang diistilah sebagai 'ikan bilis' sahaja tetapi ia juga harus melihat kepada soal-soal yang berkaitan dengan penglibatan 'jerung-jerung besar' yang terdapat dalam negara kita.

Sebab itu saya jadi agak *confused*, apabila kenyataan yang berbeza pada dua Timbalan Menteri Dalam Negeri yang berkaitan dengan soal pengharaman mesin slot ini. Seorang Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa pengharaman ini meliputi kasino di Genting Berhad, seorang lagi Timbalan Menteri daripada UMNO -

tadi Timbalan Menteri daripada MCA mengatakan bahawa meliputi Genting Berhad. Seorang Timbalan Menteri daripada UMNO mengatakan bahawa dia tidak meliputi Genting Berhad. Ini satu percanggahan dan saya bimbang bahawa percanggahan ini ada kaitan dengan campur tangan politik ekoran daripada desakan-desakan yang dibuat oleh mereka yang terlibat dalam industri perjudian dalam negara kita.

Jadi, oleh sebab itu kebimbangan ini saya harap bahawa akan diberikan perhatian oleh kerajaan untuk memastikan supaya penguatkuasaan ini akan dapat berjalan dengan sebaik-baiknya bagi memastikan permasalahan yang besar, yang berlaku kepada masyarakat kita akan dapat kita hindari pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kinabatangan.

3.52 ptg.

**Tuan Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin turut berhujah dalam cadangan pindaan Akta Rumah Perjudian Terbuka 2000. Sebentar tadi rakan saya bagi Pokok Sena telah berbicara panjang lebar, kita memang menerima beberapa fakta yang dikemukakan tetapi cemuhan-cemuhan yang tidak ada kena mengena, tidak berasas kita tolak bulat-bulat.

Saya ingin merakamkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kewangan dan kerajaan-kerajaan tempatan kerana walaupun pada hematnya dituduh oleh parti-parti pembangkang terlambat sepuluh atau 40 tahun sekurang-kurangnya kita melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab yang kita fikir perlu untuk memastikan generasi Malaysia masa akan datang terjamin akan hala tuju mereka.

Memang pada dasarnya, kerajaan telah secara serius membanteras dan membendung secara total aktiviti-aktiviti perjudian secara haram ini, yang jelas merosakkan akhlak golongan terbabit dan mampu menjejaskan keharmonian negara kita Malaysia. Persoalan yang kita hadapi ialah masalah sosial yang menjadi barah dalam masyarakat kita, jika diperhatikan adalah jelas pusat-pusat perjudian haram ini majoritinya dikunjungi oleh golongan remaja dan dijadikan pusat perkumpulan kepada pelajar-pelajar yang ponteng sekolah.

Saya ingin menjelaskan bahawa wakil rakyat Barisan Nasional memang relevan, memang positif, kalau kerajaan membuat kesilapan, akan kita beri teguran. Kita bukan seperti wakil rakyat pembangkang, parti dia salah pun ditegakkan. Ini hipokrat namanya. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, ya sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri ya.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Kinabatangan. Boleh saya dapatkan penjelasan sedikit. Apakah landasan untuk menentukan sesuatu judi itu halal dan haram. Terima kasih.

**Tuan Moktar bin Radin:** Dalam al-Quran menjelaskan tidak ada yang kurangnya, tidak ada yang cacat celanya, rasa saya Yang Berhormat lebih arif, jadi Yang Berhormat sudah tahu bertanya pula, jangan pura-pura, yang judi itu haramlah, haramlah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Tuan Moktar bin Radin:** Tuan Yang di-Pertua, mereka ini bukan sahaja membuang masa dan wang untuk berjudi, malah berlatih menjadi liar dan ganas. Tidak hairanlah pada hari ini, muncul kumpulan-kumpulan samseng remaja dan pelajar sekolah yang memukul rakan sebaya, membakar sekolah, mencuri dan segala jenayah yang tidak sepatutnya dilakukan oleh mereka pada usia mentah ini. Justeru itu, dengan

pindaan Enakmen Judi Rumah Terbuka ini, pada saya hukuman dan denda bukanlah sesuatu kepastian. Yang penting kerajaan dalam negeri dan juga mana-mana agensi kerajaan harus menaruh kepercayaan kepada *enforcement* yang berjiwa patriotik, yang cintakan kedamaian supaya tidak boleh dirunding, tidak boleh dijual beli, barulah berlaku keadilan yang sepenuhnya, kerana dengan denda mandatori banyak juga menjadi pengedar dadah, mereka tidak takut mati kerana kalau melalui jalan mudah, mereka akan senang serta merta. Tetapi kerajaan harus mendekatkan satu pendekatan yang paling baik, memastikan bahawa gejala-gejala seumpama ini harus diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah juvana yang menjadi kerisauan kita hari ini pasti berterusan menular sekiranya pusat perjudian terbabit tidak dihapuskan dan ia perlu dilaksanakan dengan segera. Operasi menghapus pusat perjudian haram baru-baru ini adalah langkah bijak kerajaan demi memastikan aktiviti negatif ini tidak berterusan.

Saya turut menyokong tindakan untuk memberhentikan terus pusat-pusat permainan video berlesen dari beroperasi kerana kesannya sama sahaja dengan beroperasi secara haram. Walau bagaimanapun, kerisauan saya kerana terdapat juga kedai-kedai *cybercafe* yang melaksanakan unsur-unsur judi ini tidak termasuk dalam enakmen pindaan tersebut. Justeru itu, mana-mana agensi kerajaan yang berkaitan hendaklah memeriksa pusat-pusat *cybercafe* ini dari masa ke semasa agar lesen yang diberikan tidak diselewengkan oleh mereka.

Ini kerana aktiviti ini membabitkan generasi muda yang menjadi pelapis di masa yang akan datang. Kita dapat rasakan apabila generasi yang diharapkan ini menjadi pincang akibat leka berjudi di pusat perjudian dan permainan video. Perjudian alaf baru ini amat meleakakan dan apabila menjadi ketagih, pelajar cenderung untuk tidak mahu belajar dan fenomena ponteng sekolah pun meningkat. Bukan itu sahaja, mereka juga akan berkumpul di pusat-pusat hiburan ini selepas waktu sekolah dan cuti hujung minggu.

Walaupun bagaimanapun, perancangan teliti harus dilaksanakan oleh kerajaan kerana kita tidak mahu pula dengan sekataannya lesen-lesen video ini, kita tidak tahu menempatkan anak-anak muda dan remaja ini hala tuju mereka. Justeru itu, kita ingin menyarankan agar bangunan-bangunan kosong, tanah-tanah lapang akan dibuka untuk dijadikan pusat riadah, pusat hiburan yang baik, seperti mengajar anak-anak bertanding dalam lukisan dan sebagainya, bukan karaoke, saya tidak cadangkan untuk pertandingan karaoke, tetapi pertandingan melukis, bersyarah dan sebagainya. Kalau keadaan ini tidak dibincang secara serius oleh kerajaan, agensi-agensi kerajaan, maka akhirnya mungkin kita akan menanti keruntuhan akhlak anak muda generasi masa depan kita, mungkin mereka akan memikirkan ke tempat-tempat yang lebih menjahanamkan lagi diri mereka dan negara kita.

Diminta kerajaan lebih bekerja bersungguh-sungguh untuk memastikan keadaan prasarana yang kita cadangkan ini dapat diwujudkan kerana tempoh penamatan lesen bagi yang berlesen cuma dua bulan, yang tidak berlesen diharamkan terus, ke mana hala tuju anak-anak muda ini pula kelak akan datang nanti.

Saya tidak memandang aktiviti ini sebagai sekadar hiburan dan melapangkan fikiran kerana jelas ternyata gejala sosial berakar umbi dari aktiviti ini. Perjudian haram ini juga berupaya memperuntukkan institusi keluarga masyarakat kita, selain anak-anak golongan dewasa juga yang menjadi ketagih untuk berjudi akan mengakibatkan tanggungjawab mereka sebagai ketua keluarga. Ada yang tidak sanggup berhabisan berjudi di mesin slot sedangkan anak-anak dan isteri di rumah terbiar tanpa tanggungjawab yang cukup.

Sudah tiba masanya bagi kita semua bertindak, pihak seperti ibu bapa, badan-badan NGO dan orang-orang perseorangan berganding bahu termasuk parti pembangkang secara serius bagi memastikan generasi akan datang terjamin masa depan mereka. Ini kerana sekiranya gejala seumpama ini tidak diberhentikan nescaya negara kita akan terdedah kepada pelbagai ancaman sosial. Jika ini tidak dibendung,

negara kita akan menghadapi masa depan yang gelap kerana kepimpinannya diisi oleh generasi yang berfikiran lemah, tidak berani menghadapi kenyataan. Generasi lesu serta tidak mempunyai wawasan dan perancangan untuk masa depan.

Justeru itu, mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung harus dihukum dengan hukuman yang setimpal dan pindaan akta ini bertepatan dengan waktunya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teluk Intan.

4.01 ptg.

**Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh dua perkara sahaja ke atas Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000.

Yang pertama adalah Fasal 9 seksyen 21A di mana polis diberi kuasa untuk memohon pemotongan bekalan elektrik. Bagi saya ini adalah satu pindaan yang begitu bagus kerana masalah sekarang di kawasan saya juga dapat menyaksikan di mana selepas "raid" dibuat oleh polis sekejap sahaja arked perjudian akan buka balik. Dengan pindaan ini bukan senang untuk buka balik kerana penyambungan semula elektrik mesti mendapat kebenaran bertulis oleh polis. Tetapi saya kurang faham mengapa Fasal 9 seksyen baru 21A yang berbunyi: "*..... he may apply for the disconnection of the supply of electricity to the premises not exceeding one calendar month*". Bagi saya satu bulan adalah terlalu pendek masanya. Sepatutnya, jika perlu, saya mencadangkan bekalan elektrik tidak patut diberi balik kecuali tuan punya kedai dapat memberi bukti bahawa satu perniagaan yang baru, yang halal akan wujud. Saya cadang supaya period satu bulan ini adalah terlalu pendek dan dipanjangkan sekurang-kurangnya satu tahun atau lebih dan bukannya satu bulan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya cadangkan adalah berkaitan dengan seksyen baru 15A yang berbunyi dengan izin, "*If Officer in Charge of a Police District has good reason to believe that the premise is a gambling premise he may take action to close the premise*". Saya mencadangkan supaya kuasa ini tidak sahaja diberi kepada pihak polis tetapi juga kepada Pegawai Daerah. Saya ada penuh keyakinan kepada pihak polis tetapi seorang Pegawai Daerah (DO) adalah pentadbir daerah dan ia sentiasa mendapat banyak aduan terhadap arked perjudian. Oleh itu, ia juga patut diberi kuasa untuk menutup premis. Walaupun pihak polis akan menjalankan kerja mereka tetapi saya berpendapat bahawa jika ada dua pihak berkuasa, ini adalah lebih berkesan berbanding dengan satu pihak berkuasa sahaja.

Oleh itu, seperti yang tersebut saya mencadangkan supaya pemotongan bekalan elektrik adalah satu cara yang baik dan saya harap pihak polis akan menggunakannya dan saya juga harap kuasa akan diberi kepada pihak Pegawai Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

4.04 ptg.

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan membentangkan rang undang-undang ini, beliau telah berkata perjudian di Malaysia telah mencapai satu tahap yang membimbangkan dan ini juga telah menunjukkan keazaman kerajaan untuk membanteras perjudian. Tetapi saya ingin berkata di sini bahawa rang undang-undang ini cuma dibentangkan selepas atau semasa perjudian "*horse racing machine*" telah masuk peringkat akhir.



Sememangnya orang-orang Melaka dan saya percaya di banyak tempat di Malaysia telah menderita. Di Melaka hampir sepuluh bulan rakyat telah membuat aduan dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka sendiri banyak kali telah menyindir polis. Dalam mesyuarat terbuka beliau pernah berkata kemungkinan kita perlukan polis dari luar negeri Melaka barulah kita boleh membanteras perjudian "*horse racing machine*". Beliau juga berkata bahawa kemungkinan kita perlukan Police Field Force.

Sindiran yang terbuka ini datang daripada seorang Ketua Menteri menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka juga memahami perasaan kemarahan orang Melaka terhadap ketidakcekapan polis menangani masalah "*horse racing machine*" ini.

Saya juga boleh bercakap seperti apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Gaya tetapi hari ini saya tidak ingin berbuat demikian oleh kerana saya akan dedahkan apa yang saya telah bercakap dengan pihak polis secara sulit tetapi saya akan dedahkan di sini.

Dua perkara yang telah menjatuhkan imej polis Melaka dengan begitu teruk sekali - yang paling teruk sekali ialah "*horse racing machine*" di mana polis dianggap sebagai tidak berupaya untuk menghapuskan masalah itu.

Yang kedua ialah masalah pecah rumah yang teruk sekarang berlaku di Melaka. Misal kata kalau saya sebagai seorang pembangkang terus mengkritik polis atas perkara lain yang saya sememangnya mempunyai aduan daripada orang ramai akan sampai satu tahap atau hari di mana imej polis akan jatuh dengan begitu teruk sekali sehingga satu hari walaupun saya akan puji polis tidak ada rakyat akan percaya kepada saya dan saya kata ini akan membawa satu situasi yang begitu merbahaya oleh kerana sekiranya rakyat tidak boleh lagi mempercayai kredibiliti polis maka saya rasa negara kita akan hancur.

Ini adalah satu perkara yang serius, saya tidak mahu kritik polis dengan sewenang-wenangnya. Memang DAP pernah dapat banyak aduan, ada satu aduan saya dapat di sini, saya rasa mungkin semua orang ada - tuju kepada OCPD Taiping, kandungannya - jumlah wang, semua ada, nama pun ada, mungkin tidak betul tidak apa. Saya pun pernah menerima aduan daripada Internet. Bila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tempat perjudian, Timbalan Menteri sudah tinggalkan satu tempat iaitu Fun Fair di mana perjudian dilakukan secara terbuka seperti Genting.

Di Melaka tahun ini dua bulan bulat-bulat perjudian secara terbuka dijalankan tanpa apa-apa tindakan diambil. Kemudian bila saya jumpa pihak polis baru tiga hari kemudian pihak Pejabat Daerah Melaka tutup tempat itu. Walau apapun polis cakap saya pun boleh kritik, dia tidak setuju tidak apa tetapi rakyat yang pergi ke Fun Fair itu dapat lihat dengan mata sendiri bagaimana tempat itu menjadi satu tempat perjudian yang terbuka selama tempoh dua bulan. Ada orang yang mengadu kepada saya mengatakan dia telah rugi sebanyak RM10,000.00. Ia bukan satu perjudian kecil. Ada orang juga mengadu kepada saya kemungkinan Melaka perlukan pimpinan PAS, sama ada saya setuju tidak apalah, nanti kita boleh bincang. Tetapi saya kata ini menunjukkan perasaan marah rakyat terhadap apa yang telah berlaku di Melaka.

Oleh kerana parti DAP, parti UMNO - sebenarnya di Melaka pun, oleh kerana desakan pembangkang, telah mengambil tindakan-tindakan yang sebelum bil ini dibentangkan saya tidak tahu sama ada tindakan diambil itu sah atau tidak sah.

Baru-baru ini selama 10 bulan apabila rakyat telah buat aduan, MPMBB Melaka iaitu kerajaan tempatan barulah sedar bahawa mereka mempunyai kuasa di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan untuk membatalkan lesen premis yang didapati menjalankan aktiviti perjudian "*slot machine*" dan mereka juga telah menggunakan kuasanya untuk mendapatkan Tenaga Nasional Berhad untuk memotong bekalan elektrik. Jadi ini semua telah berlaku baru-baru ini setelah desakan yang kuat

diutarakan oleh pelbagai pihak dan saya tidak tahu sama ada ini sah atau tidak sah tetapi oleh kerana keadaan tidak begitu teruk maka saya tidak akan pertikaikan.

Yang kedua, baru-baru ini juga, polis dapat maklumat bahawa ada kilang di mana mesin itu dibuat - kotak yang besar semua pun dapat. Jadi, ada orang tanya saya mengapa baru sekarang maklumat yang penting diperolehi. Selama ini walaupun Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka bising, tetapi dia pun tak tahu dia ada kuasa, cuma kuasa diketahui setelah saya buat satu kenyataan oleh kerana selama ini saya tekan polis, saya cakap dengan benar tetapi apabila saya tahu bahawa pihak kerajaan tempatan tidak memberi sokongan yang cukup, saya kritik kerajaan tempatan. Satu minggu kemudian mereka baru sedar terdapatnya kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan yang membolehkan mereka mengambil tindakan yang tegas kepada perjudian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan Dewan ini bahawa Director General ACA, Datuk Ahmad Zaki, pernah berkata bahawa oleh kerana enforcement agencies tidak menjalankan tugas mereka dengan efektifnya maka rakyat telah mengatakan agensi-agensi ini ada banyak berlakunya rasuah. Saya tidak mahu menuduh tanpa bukti tetapi kalau kita betul-betul menjalankan satu opinion polls di antara rakyat, tanyalah MP dari Gaya. Ia kata kalau semua orang boleh nampak, polis tidak nampak. Jadi, masalah bukan kita tangkap mesin lagi, tangkap polislah, betul? Tetapi masalahnya, siapa mahu tangkap polis kalau semua orang nampak, polis tidak nampak.

Jadi, Datuk Ahmad Zaki dia sudah kata - saya tahu dia dapat banyak maklumat sebab orang yang mengadu kepada saya mereka juga mengadu kepada ACA. Tetapi ada orang yang begitu frustrated. Ada orang kata sudah telefon polis, polis kata tidak cukup kakitangan, mereka telefon ACA, akhirnya ACA kata terpulang kepada polis. Jadi, ini menyebabkan orang begitu marah. Banyak cerita yang saya dengar tetapi saya tidak boleh kata sama ada ini betul atau tidak.

Saya dapat satu panggilan daripada orang di Bemban, Melaka yang mengatakan mereka nampak dengan mata sendiri di mana mesin itu dipunggah ke atas lori, balik ke balai polis dan tiga hari kemudian diserahkan balik. Orang yang bantu memindah kotak-kotak itu adalah ahli-ahli MCA. Saya tidak tahu, saya tidak mahu kata sama ada betul atau tidak tetapi ini memang macam-macam cerita berlaku saya percaya bukan sahaja di Melaka.

Saya ingin mengingatkan Kerajaan Barisan Nasional bahawa apa yang saya telah dengar daripada seorang Dekan Universiti Taiwan, beliau memberitahu saya bahawa ada banyak faktor yang menyebabkan calon pembangkang, Chen Shui-bian memenangi jawatan Presiden dalam pilihanraya tahun ini - Taiwan. Beliau kata ada banyak faktor tapi satu faktor yang beliau anggap sebagai mustahak sekali dan bagi rakyat Taiwan untuk memilih calon pembangkang adalah oleh kerana mereka telah hilang keyakinan terhadap calon-calon Kuomintang. Kalau kita sering baca laporan akhbar mengenai politik Taiwan, rakyat tidak percaya lagi Kuomintang oleh kerana hampir semua orang atasan dalam Kuomintang terlibat dalam - saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pandai, dia tahu - yang bermakna "gengsterisme" dan politik wang. Ini dua perkara yang menyebabkan kerajaan Kuomintang tidak berupaya lagi mengambil tindakan yang tegas, yang efektif untuk mengatasi masalah sekuriti, masalah di Taiwan dan ini adalah satu punca yang mustahak Chen Shui-bian telah menang.

Saya ingin memberitahu pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, taktik saya di Melaka ialah saya akan mengatakan bahawa sekiranya polis gagal menjalankan tugas mereka, siapa yang akan bertanggungjawab ialah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri oleh kerana bila rakyat pilih kerajaan adalah tanggungjawab kerajaan untuk menjalankan tugas dengan betulnya.

Jadi, tidak gunanya kalau kita datang sini hentam polis sahaja. Kita cuba faham apakah masalah yang dihadapi oleh polis. Saya tidak percaya semua orang

makan suap, semua orang ambil rasuah, tetapi kalau segelintir atau sekumpulan kecil orang ini boleh menyebabkan masalah yang begitu besar berlaku di negara kita ini maka ini adalah satu perkara yang begitu serius sekali. Kita hendaklah juga adil kepada pihak polis.

Saya ada bincang dengan pegawai-pegawai polis dan mereka ada juga beritahu saya masalah yang mereka hadapi bahawa walaupun mereka dapat maklumat mereka tidak boleh masuk ke tempat itu dan ambil semua mesin itu oleh kerana undang-undang - itulah sebabnya hari ini kita kena pinda. Mereka cuma boleh rampas kotak itu apabila nampak ada orang main. Kalau tidak ada orang main kotak itu mereka tidak boleh ambil tindakan. Mereka kena tunggu sampai malam bila tempat itu betul-betul beroperasi, ada orang ramai baru boleh tangkap.

Tetapi bila desakan begitu kuat daripada DAP dan juga daripada rakyat apa mereka buat ialah mereka dapatkan kerjasama daripada Kastam oleh kerana Kastam boleh masuk dan ambil chip. Kalau ada chip mereka boleh dapat, ini satu perkara. Tetapi pihak polis pun susah saya tahu, ada yang baik dan ada yang tidak baiklah. Tetapi yang baik itu ia mengadu kepada saya, mereka susah sebab polis ini ia tidak ada forklift. Bila ia pergi tempat itu bukan senang hendak ambil kotak-kotak besar untuk dinaikkan ke lori polis. Jadi, mereka perlukan bantuan daripada kerajaan tempatan yang mempunyai forklift.

Inilah masalah yang semua ini saya kata kerajaan yang harus pikul. Ini satu tanggungjawab yang besar kerajaan harus buat. Tetapi malangnya saya kata walaupun Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka ada membuat banyak sindiran tetapi saya rasa barulah bulan yang akhir ini kerajaan tempatan mengambil tindakan yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya ingin mengutarakan ialah mengenai larangan sepenuhnya video arked. Saya tidak setuju bahawa kerajaan mengadakan satu larangan yang sepenuhnya ke atas video arked di negara kita. Oleh kerana saya rasa kita hendaklah mengasingkan isu-isu ini. Ada dua perkara di sini. Satu ialah remaja yang melepak di tempat video.

Yang kedua ialah mereka yang terlibat dalam permainan mesin perjudian. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu saya di manakah tempat video arked di Shopping Complex seperti Mahkota Parade, Sunway Complex atau Genting Theme Park, pernah kita dapat atau rampas mesin perjudian? Saya rasa tidak dan mengapakah kita hendak melarang tempat-tempat ini dan katakan bahawa seolah-olah tempat ini kita pernah dapat mesin slot yang ada unsur perjudian. Ini tidak benar tetapi macam apa yang telah dikatakan oleh pihak Presiden MCA. Beliau berkata bahawa terdapat 99.9% arked dalam Malaysia ini semua adalah illegal dan yang tidak illegal itu berapa? 0.1%. Mengapa kita hendak mengambil satu keputusan yang drastik yang boleh menyebabkan peniaga-peniaga yang telah menjalankan perniagaan mereka dengan betul, dengan sah mengalami kerugian yang besar. Mesin orang yang betul-betul salah menyebabkan masalah di Malaysia bukan orang-orang businessman yang sah ini.

Saya pernah menerima satu aduan daripada seorang yang betul-betul menjalankan mesin yang tidak ada perjudian. Dia mengadu kepada saya sebelum Kabinet mengambil keputusan bahawa orang-orang yang menjalankan perjudian horse racing ini yang ada unsur perjudian ini yang menyebabkan kemerosotan perniagaannya. Mengapakah orang suka menjalankan mesin horse racing oleh kerana horse racing machine satu cuma kosnya RM2,000 tetapi kalau itu mesin yang betul-betul kita boleh dapat di Genting Theme Park atau di kompleks shopping center satu kadang-kadang harganya RM60,000 tetapi mereka ini makan masa untuk mendapat balik modal. Oleh kerana itulah saya tidak setuju dengan keputusan Kabinet membuat larangan sepenuhnya.

Perkara yang kedua ialah bahawa kita juga hendaklah mengasingkan video arked yang berlesen dan video arked yang tidak berlesen. Kalau tidak, ramai rakyat

akan menganggap bahawa keputusan Kabinet ini adalah oleh kerana Kabinet tidak ada keupayaan lagi untuk memaksa polis atau kerajaan tempatan menjalankan tugasnya dengan baik. Saya boleh kata tetapi saya tidak, saya cuma tidak mahu, saya kata saya tidak mahu menjatuhkan imej polis tetapi kalau saya boleh kata, saya harap mungkin pemberita jangan sebut.

To me, this is like loss of confidence against the police. Orang Barisan hentam, kita pun hentam, rakyat semua cakap barulah Kabinet buat satu keputusan sedemikian. Ini akan dianggap sebagai satu undi tidak percaya kepada enforcement agency kita dan saya menyokong rang undang-undang ini tetapi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pokok Sena ada kata bahawa MCA begitu kuat boleh mempengaruhi UMNO. Saya tidak pasti kalau itu satu sindiran, tidak apa. Saya rasa bahawa MCA cara dia ialah menjalankan kempen politik. Mereka ambil kuota horse racing machine pergi musnahkan di tempat awam. Ini semua sandiwara tetapi tidak berjaya. Bila Kabinet sudah tahu tidak berjaya, Kabinet tidak boleh tahan. Buatlah satu keputusan Kabinet tetapi ini menunjukkan bahawa di Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah kita buat ini kempen-kempen....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Tebrau berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** ...tidak payahlah ....

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sikit saja boleh tidak? Ini hendak cakap sikit saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Kejam saja, please.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini semua kempen-kempen politik kita tidak payah buatlah. Kalau kita betul-betul .....

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Semua tidak beri....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** ....hendak mengatasi masalah perjudian ini, saya kata satu keputusan dari Kabinet begitu efektifnya.

Yang paling akhir sekali yang saya hendak mengatakan di sini bahawa horse racing machine bukan kali pertama wujud dalam Melaka atau dalam Malaysia. Kalau saya tidak silap dalam tahun 1988 juga masalah ini di Melaka itu mencapai satu tahap yang membimbangkan tetapi apabila ahli politik, Barisan Nasional atau DAP membuat tentangan yang kuat, mereka akan senyap lenyap tetapi kali ini ada satu perkara yang ganjil sekali. Walaupun kita telah hentam begitu kuat, walaupun MCA ada jalankan kempen politik tetapi kali ini pengusaha horse racing machine tidak berundur sehinggalah bila Kabinet membuat keputusan yang baru dibuat baru ini. Ini adalah, saya tidak tahu tetapi saya syak bahawa masalah korupsi di Malaysia itu sudah sampai ke tahap yang membimbangkan.

Jadi sebenarnya kalau kita kata hendak membanteras masalah slot machine yang ada unsur perjudian, aktiviti atau enforcement yang harus dijalankan oleh kerajaan ialah terhadap korupsi. Saya rasa pengusaha-pengusaha telah menganggap keputusan Kabinet sebagai satu signal yang paling kuat dan yang akhir sekali barulah sekarang kalau kita pergi ke Melaka, kita pergi ke Negeri Sembilan, rakyat tidak lagi mengadu begitu kuat lagi. Ini adalah oleh kerana mereka tahu pengusaha-pengusaha telah dapat satu signal yang paling kuat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengakhiri ucapan saya dengan mengatakan bahawa tidaklah tujuan saya untuk menjatuhkan imej polis dan saya kata janganlah kita sampai ke tahap di mana kredibiliti dan imej polis akan jatuh begitu

rendah sekali dan datang satu hari apabila kita perlu memulihkan imej polis, siapa pun tidak boleh tolong, itu saja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Arau.  
4.25 ptg.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk turut sama membincangkan Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka 1953. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah pun berjaya membawa rang undang-undang ini ke Dewan Rakyat pada hari ini. Saya kira rang undang-undang ini perkara yang baru diperkatakan dan sudah tentu kerajaan menjalankan satu effort, dengan izin, yang begitu teguh dan juga yang begitu bersungguh-sungguh untuk menentukan supaya perjudian haram yang berlaku di negara kita ini dapat dibanteras.

Baru-baru ini masyarakat kita dikejutkan dengan keadaan yang berlaku di mana ia telah menimbulkan satu gejala sosial yang besar sebagaimana disebutkan oleh rakan-rakan tadi di mana ada ahli-ahli keluarga, ada isteri pun terlibat sama meninggalkan rumah tangga dan terus duduk di tempat perjudian haram. Perjudian haram ini bermakna menarik perhatian yang begitu kuat kepada individu-individu tertentu dan yang lebih membimbangkan kita adalah kepada pihak remaja di negara kita.

Datuk Yang di-Pertua, saya tadi tertarik dengan hujah-hujah yang disebutkan oleh dua tiga orang rakan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang. Ada yang saya setuju pandangan mereka, ada yang saya tidak setuju. Saya tengok Yang Berhormat bagi Kota Melaka satu masa itu marah kepada saya tetapi pandangan yang diberikan oleh beliau hari ini begitu menjurus kepada ke arah bagaimana kita hendak melihat negara kita terus maju. Bagaimana kita dapat mengawal dan bagaimana kita dapat menentukan sesuatu perjalanan dan juga usaha-usaha kita untuk sama-sama membangunkan negara. Saya mengalu-alukan pandangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kerana kalau kita hendak membincangkan soal ini saya rasa kita harus melihat kepada soal asas.

Bukanlah perkara *slot machine* judi yang kita lihat sebagai satu perkara pokok tetapi perkara pokoknya adalah kegagalan kita mengesan, kegagalan kita membanteras, kegagalan kita memastikan supaya keadaan tidak menjadi sebagaimana yang jadi dan berlaku pada hari ini dan sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian Dewan apa yang disebutkan oleh wakil daripada Pokok Sena tadi. Kalau kita salah fikir seolah-olah kita melihat bahawa negara kita ini bergantung kepada perjudian. Itu yang saya nampak cara penghujahan yang dibawa tadi yang menunjukkan bahawa syarikat Genting salah satu syarikat yang termaju di Malaysia tetapi bagi saya, saya merasakan bahawa bukan sahaja syarikat Genting. Kita mempunyai banyak syarikat yang telah pun membawa kejayaan di negara kita dan kemampuan, keupayaan kerajaan Barisan Nasional membuat transformasi daripada sebuah negara pertanian kepada negara perusahaan telah pun dapat membawa negara kita kepada negara maju dan dapat membawa negara kita kepada sebuah negara yang mampu bertahan walaupun kita telah menghadapi kegawatan ekonomi. Ini perlu kita akui. Kita tidak perlu melihat kepada satu sudut yang sempit sehingga membawa kita kepada pemikiran yang sempit sehingga kita meniadakan perkara-perkara yang asas dan perkara-perkara yang nyata berlaku.

Dalam soal perjudian ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan kalau benar dikatakan bahawa rakan-rakan kita daripada bukan bumiputera menganggap bahawa kita tidak perlu mengadakan atau tidak perlu membenarkan judi ada di negara kita. UMNO yang mendukung Islam dan memperjuangkan Islam memang kita sama juga dengan PAS bahawa kita tidak menganggap bahawa judi itu adalah perkara yang boleh dilakukan sebab dia haram dalam Islam. Ini saya rasa jelas

Yang Berhormat Kinabatangan tadi telah pun menyebut bahawa kita tahu apa hukumnya dan bagi kita .....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Bagi kita...minta maaf Yang Berhormat, bagi saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Bagi kita UMNO, pendirian kita, kita mahu mendidik, mentarbiah orang-orang Melayu yang beragama Islam dan juga orang-orang lain yang beragama Islam supaya memahami bahawa kita jangan terlibat dengan soal perjudian. Tetapi oleh kerana kita mendukung dasar dalam Barisan Nasional yang kita memahami bahawa kita mempunyai berbagai-bagai kaum dan bagi kaum yang lain mereka mempunyai persepsi yang lain, hari ini perjudian masih ada lagi di negara kita.

Genting Highlands misalnya, saya tidak fikir di Genting Highlands membenarkan orang Islam masuk. Saya tidak tahulah kalau ada orang-orang Islam yang masuk berjudi di Genting Highlands.....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat, Tumpat ya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya, ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Arau. Saya amat gembira mendengar pandangan bahawa UMNO sebagai satu parti ingin supaya tidak ada perjudian dan kemudian disebut Genting. Bolehkah UMNO memulakan apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat itu dengan membuat suatu undang-undang mengharamkan orang Islam daripada menjadi ahli lembaga ataupun pengerusi syarikat perjudian sepertilah Genting Berhad itu *[Tepuk]* yang mana implikasinya kalau kita dengar Kota Melaka tadi amat buruk kaitan polis dengan perjudian ataupun bekas Ketua Polis Negara dengan puncak perjudian dalam negara kita ini.

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat itu boleh diambil kira oleh pihak kerajaan tetapi sebagai orang Islam, kita dididik dengan didikan agama Islam. Saya rasa kekuatan agama dalam diri kita masing-masing menjadi satu kekuatan menentukan tindak tanduk kita sebagai orang Islam dan itu sudah memadai untuk memberikan dorongan ataupun *direction* kepada seseorang untuk menentukan kedudukan dia sendiri. Jadi ini tidak boleh dipersoalkan, dihubungkan dengan parti UMNO. Sebagai parti pendukung kepada agama sudah tentu kita memang tidak dapat menolak hakikat dan memang memegang hakikat bahawa judi itu adalah haram.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin merujuk kepada apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Arau tadi sebagaimana yang berlaku kepada negeri Kelantan dan Terengganu. Antara langkah terawal yang dilakukan oleh Kerajaan PAS dan Alternatif di kedua-dua negeri ini adalah mengharamkan sebarang bentuk perjudian di kedua-dua negeri tetapi yang menjadi masalahnya ialah apabila UMNO mempolitikkan perkara ini. Kita

melakukan ini, sebagai contoh di Terengganu, UMNO memerintah 40 tahun negeri yang majoritinya 95% orang-orang Melayu beragama Islam. Mereka membenarkan perjudian malahan menggalakkan lebih banyak lagi pusat-pusat perjudian dibuka di negeri Terengganu. Lebih daripada 40 tahun di mana rakyat di negeri Terengganu hidup dalam keadaan merempat, orang-orang miskin berjudi, nelayan berjudi, petani berjudi seolah-olah digalakkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO di negeri Terengganu.

Langkah paling awal yang diambil oleh PAS dan Alternatif di Terengganu selepas mereka menang dengan mandat rakyat tahun 1999 adalah mengharamkan judi tetapi UMNO cuba mempolitikkan keadaan ini. Jadi saya rasa apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi adalah seolah-olah lidah bercabang dua. Terima kasih.  
[Tepuk]

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih sebenarnya pada prinsip kita dalam Kerajaan Barisan Nasional sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Kita mempunyai komponen-komponen yang ada bagi yang bukan Islam mereka boleh berjudi itu sahaja. Soal negeri Terengganu ingin melaksanakan, menolak atau mengharamkan perjudian itu adalah urusan Kerajaan Negeri Terengganu. Saya rasa dalam apa yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu oleh kerana kita satu Malaysia bukan sebuah negara yang besar kemungkinan yang bukan Islam juga mereka dapat berjudi di negara-negara yang lain. Tadi sebagaimana saya sebutkan kalau yang bukan Islam juga merasakan bahawa...

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Boleh saya bantu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Kita perlu mengharamkan dan kita boleh sama-sama di dalam kerajaan yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum ini.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Yang Berhormat, saya hendak tolong Yang Berhormat Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia tidak beri.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Jika kita sama-sama dalam pemikiran dan aliran pemikiran yang sama ini adalah sesuatu yang cukup baik

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Hendak tolong bukan hendak bangkang.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tidak apalah, biar saya habiskan dahulu. Ini pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi menunjukkan kejayaan Barisan Nasional kerana kita dengan MCA dan kita dengan komponen-komponen yang lain telah lama bersama, telah lama kita mengadakan interaksi memahami kedudukan sosial ekonomi masyarakat di Malaysia. Hari ini kalau benar itu yang telah dibawakan oleh pihak MCA, satu kejayaan yang besar saya rasa kepada Barisan Nasional yang harus kita akui.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Hendak tolong..

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Yang Berhormat bagi Arau saya hendak tolong.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya tahu Yang Berhormat baik budi tetapi tidak payahlah biarlah saya teruskan ucapan saya. [Ketawa]

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tidak bangkang, hendak tolong.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Sebab saya sudah nampak Yang Berhormat bersandiwara di antara satu dengan lain macam permainan bola lambung.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kerajaan dengan pembangkang tetapi hendak tolong ini.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya tidak beri jalan kepada Yang Berhormat ini [Ketawa] Ya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada soal-soal asas lagi iaitu.

**Dato' Haji Fadzil bin Md.Noor:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang minta jalan.

**Beberapa Ahli:** Bolehlah, bolehlah.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya sudah hendak beralih kepada isu yang dibawa oleh pihak DAP tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi Yang Berhormat hendak beri laluan tak.

**Dato' Haji Fadzil bin Md.Noor:** Terima kasih.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Yalah, saya beri peluang kerana menghormati....

**Dato' Haji Fadzil bin Md.Noor:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Arau. Di Perlis ada berapa pusat perjudian yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Perlis. Bolehkah Yang Berhormat balik nanti beritahu dengan Menteri Besar supaya tutup sahaja kerana Perlis pun banyak menghadapi masalah sosial dan pelbagai masalah kecurian dan macam-macam. Jadi kalau akta ini diluluskan nanti bolehkah Yang Berhormat bagi Arau akan menjalankan peranan mempengaruhi Menteri Besar Perlis supaya mulai tahun 2001 tidak ada lagi premis-premis judi dibenarkan di seluruh daerah di negeri Perlis. Terima kasih.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' di atas soalan itu. Tadi Yang Berhormat Dato' menyebutkan bahawa Perlis juga menghadapi masalah-masalah sosial. Masalah terakhir yang kita hadapi dan hari ini kita masih sedih dalam masalah seorang pelajar komputer yang baru balik dari luar negeri dirogol oleh drebar bas daripada Kelantan, ini kami sedih sampai hari ini kita sedih. Merujuk kepada masalah sosial Dato' sebenarnya semasa kajian kerajaan mengenai Pintas, negeri yang paling tinggi masalah sosialnya adalah negeri Kelantan dan kalau hendak lihat masalah dadah sebab saya lama dalam jawatankuasa dadah yang paling ramai menagih dadah adalah di Kelantan. Jadi saya juga tidak menafikan bahawa kita di Malaysia semua negeri.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [Bangun]

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Arau, ada dua orang bangun.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tidak habis lagi saya jawab tunggu sekejap. Kita tidak dapat..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Kuala Terengganu sila duduk.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Kita tidak dapat menafikan semua negeri.....

**Tuan Moktar bin Radin:** Sini boleh Yang Berhormat bagi Arau.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Sekejap, semua negeri menghadapi masalah tetapi dalam soal judi haram, dalam soal mesin slot, Perlis bersih, kita tidak ada mesin slot.



**Tuan Mohamad bin Sabu:** Yang Berhormat Arau kalau hendak hentam, hentam partilah, jangan hentam orang. Kalau kata orang yang rogol itu orang Kelantan, Mona Fendy orang Perlis.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jadi kalau kita main begitu, sampai bila pun tidak habis.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ini kenyataan Yang Berhormat, saya sebut ini kenyataan, Yang Berhormat

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Bila pun tidak boleh habis.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Yang Berhormat sudah balik Kuala Kedah, kenapa Yang Berhormat hendak sensitif pula.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Mona Fendy orang Perlis, kalau kita main negeri, mampuslah macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Yang Berhormat hentam parti tak apalah, hentam PAS.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan ucapan. Saya hendak teruskan ucapan saya.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Minta maaf, saya tidak beri, ramai sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sila duduk, semua sila duduk.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Saupi bin Daud:** *[Bangun]*

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ramai sangat yang mengganggu, yang hendak minta jalan ini. Tiga-tiga yang mana satu saya hendak pilih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Supaya Yang Berhormat Arau dapat meneruskan ucapannya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya buat pilihan tidak memberikan kepada sesiapa, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jangan hentam macam itu tidak bagus. *[Ketawa]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya hendak rujuk apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi. Ini adalah masalah asas dalam negara kita.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa] [Menyampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Kalau kita hendak melihat negara kita terus maju, ini yang Yang Berhormat bagi Pokok Sena dok bising saya tengah bercakap ini apa fasal. Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebelum mendapatkan kebenaran, tidak payah tegur Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya hendak merujuk apa yang disebutkan Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi. Ini adalah masalah asas dalam negara kita. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita harus akui sekarang ini fenomena yang berlaku dalam negara kita apabila kita bercakap soal kanak-kanak. Kita juga membincangkan soal yang sama nampak gayanya.

**Tuan Saupi bin Daud:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada yang bangun.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Nampaknya sandiwara kita orang-orang politik ini kalau diteruskan begini, rakyat akan jemu dan jelik melihat tindak tanduk kita.

**Tuan Saupi bin Daud:** Minta laluan Yang Berhormat bagi Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tanah Merah, dia tidak beri laluan, Yang Berhormat sila duduk.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Apa yang saya hendak sebutkan di sini, di Dewan ini..

**Tuan Saupi bin Daud:** Tidak berani dah.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya sering mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya daripada pembangkang bercakap soal rasuah. Kononnya pemimpin-pemimpin kita ini ramai yang rasuah seolah-olah kita ini semua pengamal rasuah. Saya telah membuat lawatan ke BPR dan saya bawa serombongan kerana saya hendak mendapat kenyataan yang jelas daripada jabatan dan agensi yang diberi tanggungjawab untuk memantau, melihat dan juga melaksanakan undang-undang rasuah di negara kita. Benar apa yang dikatakan oleh Kota Melaka tadi, amat sedih bagi kita. Hari ini kalau kita lihat daripada *transparency*, kalau dahulu kita ada dalam angka 26, kita telah turun kepada 28, kalau tidak silap saya sekarang sudah 32. [Disampuk] Ia semuanya memang peka melihat penurunan merit dan peningkatan rasuah dalam negara kita. Kepada siapa kita hendak tuding masalah ini.

Kita sebagai pemimpin-pemimpin tidak kira pembangkang, tidak kira kerajaan tidak kira Barisan Nasional, kita adalah pemimpin, kita harus melihat, harus membentuk masyarakat di negara kita yang benar-benar mengamalkan sikap jujur, bersih dan amanah.

Kerajaan harus melihat dan memantau keadaan ini, tanggungjawab ini tidak boleh kita hendak nafikan. Memang ini tanggungjawab kerajaan tetapi apa yang berlaku di negara kita kalau PAS dengan *road show* nya daripada satu tempat ke satu tempat, daripada satu negeri ke satu negeri, bercakap kepada semua rakyat bahawa kerajaan yang di atas itu rasuah, pemimpin itu rasuah. Jadi kepada siapa kepercayaan akan diletakkan oleh rakyat. Kepada siapa kepercayaan akan diletakkan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa. Kalau mereka melihat, percaya dengan fitnah yang dibawa oleh parti pembangkang.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Dia orang percaya dekat PAS lah. [Ketawa]

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya mereka percaya kepada PAS, percaya kepada fitnah yang dibawa. Pegawai-pegawai yang menjalankan tugas tidak kuat imannya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ketua Pengarah BPR pun mengaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Kalau tidak kuat imannya dia sendiri akan berkata kenapa, minta maaflah "aku". Kenapa aku bekerja dengan baik, kenapa dia harus mempertahankan prinsip, kenapa dia harus bekerja dengan jujur, bersih dan amanah, sedangkan di atas makan juta-juta, salahkan kalau saya ambil RM10,000, RM100,000 [Tepuk]. Jadi apa yang saya sebutkan ini kita semua harus menerima tanggungjawab terutamanya parti pembangkang dalam meningkatkan sikap dan juga mendorong semangat pelaksana undang-undang, pegawai-pegawai penguat kuasa, rakyat juga sebab rasuah tidak akan berlaku cuma yang menerima. Tetapi rasuah berlaku memberi dan menerima.

Jadi dalam keadaan ini sebenarnya, apa yang kita lakukan kita meruntuhkan masa depan negara kita. Sanggupkah kita melihat keruntuhan-keruntuhan ini terus berlaku. Pembangkang harus juga menerima tanggungjawab yang mereka.....

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Telah pun membawa satu budaya dalam negara kita bahawa rasuah menggalakkan penyalahgunaan rasuah di negara kita.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya minta laluan. Boleh, boleh saya dahulu.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya beri rakan saya dahulu Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Alahai, tolonglah sama-sama Perlis ini.

**Tuan Moktar bin Radin:** Soalan sama sahaja. [Ketawa] Ini setujuakah Yang Berhormat bahawa keterlaluan pemimpin-pemimpin pembangkang ini untuk melihat Kerajaan Barisan Nasional ini jatuh tidak mengira negara runtuhkah, masyarakat hancurkah asalkan hasrat dan cita-cita mereka tercapai. Inilah intipati perjuangan mereka. Bagaimana pandangan Yang Berhormat

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Terengganu tidak runtuh pun bila BA menang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** [Ketawa] Belum tahu lagi. Tuan Yang di-Pertua apa Yang Berhormat tanya tadi, apa pandangan. Saya sebenarnya sedih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau tidak ingat tidak apalah. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Moktar bin Radin:** Bukan pandangan, pendapat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya bukan sahaja hendak beri pendapat ini hendak menyatakan perasaan sedih melihat tingkah laku kita apabila kita berada dalam negara yang begini yang kita tidak dapat nafikan pencapaiannya. Kita tidak dapat menafikan kejayaan kita tetapi ada pihak yang cuba hendak mengaburi mata rakyat. Bukan itu sahaja tetapi mendorong kepada kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. Saya hendak mengambil contoh Yang Berhormat tadi. Soalan Yang Berhormat saya hendak sebut.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Soalan baik, tolong.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Hendak kaitkan apa Yang Berhormat katakan tadi. Kelmarin dalam kita membincangkan isu kanak-kanak, Yang Berhormat daripada rakan saya ini Bacokkah?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Hendak tolong ini boleh, tanya. [Disampuk]

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Baik sangat Yang Berhormat hendak tolong saya, terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya hendak tolong sekali lagi. Boleh Yang Berhormat bagi Arau.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Minta maaf.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kuala Kedah.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Bukan Kuala Kedah, salah seorang daripada Yang Berhormat kita daripada.. .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, Yang Berhormat mengikut peraturan mana?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Dia beri, dia beri saya hendak tanya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]** Yang Berhormat bagi Arau tidak beri jalan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Apabila kita bercakap soal....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Nampak macam hendak beri. *[Ketawa]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tidak beri, saya kata Yang Berhormat baik sangat hendak tolong saya. Biar saya habiskan dahulu.

Bila kita bercakap soal tadika kita boleh menafikan bahawa tidak ada tindakan-tindakan yang dibuat, tidak ada hasutan dan sebagainya, kita boleh menafikan dalam Dewan ini kerana kita tidak mungkin hendak bawa budak-budak di sini. Kita tidak mungkin hendak bawa kelas itu ke sini. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, pernah berlaku tadika di Kajang, tadika Pasti di Kajang. Anak-anaknya diajar, dipengaruhi. Ini yang saya sebut ini mempengaruhi dan merosakkan pemikiran rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat berhenti sekejap. Mereka ada bising kerana cakap lari dari tajuk. Tetapi saya ingin maklumkan sebab penjelasan diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi jangan tegur supaya Yang Berhormat Arau dapat lanjutkan ucapan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya, ya. Jadi contoh yang saya hendak sebutkan tadi, tadika yang saya sebutkan, apabila penyampaian hadiah dibagi ada pemimpin daripada pembangkang hadir merasmikan, saya tidak tahu Yang Berhormat ataupun tidak tetapi di akhir pemberian sijil tadika kepada pelajar-pelajar yang umur 6 tahun ini, di akhirnya sebut 'kami benci kerajaan, kami benci kerajaan, kami benci kerajaan'. Adakah ini satu contoh yang dapat bawa ke Dewan ini menunjukkan bahawa ada sikap.....

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada seorang Yang Berhormat bangun lagi.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Sikap mempengaruhi, memperalatkan, melakukan apa sahaja untuk mencapai cita-cita dan hasrat parti pembangkang.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Yang Berhormat....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** .....tetapi yang menyedihkan kita ialah akan meruntuhkan kekuatan, kekukuhan bangsa yang kita bina. Kita boleh berpolitik secara yang profesional. Kita memperlihatkan kemampuan, keupayaan, kita mempamerkan perjuangan kita dan biar rakyat menilai perjuangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada ...

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya minta laluan sebelum ...

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiausaha Parlimen bangun.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya, saya kena bagi Setiausaha Parlimen.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat. Tadi bila Yang Berhormat bercakap contoh Pasti di Kajang pembangkang kata pembohong. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju atau tidak dengan saya bahawa pihak pembangkang ini bukan sahaja mempengaruhi kanak-kanak sekolah sehingga ke peringkat pelajar-pelajar universiti.

Sebagai contoh, saya menghadiri satu majlis di universiti, pertandingan pidato yang dianjurkan oleh satu persatuan universiti. Saya diminta menyampaikan hadiah merupakan buku. Di dalam buku itu berbalut cantik tetapi apabila selepas saya bagi dua hari kemudian saya dapat panggilan daripada ibu bapa menyatakan bahawa buku yang saya beri adalah buku yang datangnyanya dari parti pembangkang.

Jadi, ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar juga telah dipergunakan oleh parti pembangkang. Akibatnya penganjur pelajar yang terlibat telah diambil tindakan disiplin. Jadi saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat .....

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Kelab UMNO di London.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada.....

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Saya pergi ke Universiti Kebangsaan. Saya cerita saya pergi ke Universiti Kebangsaan. Saya hendak menguatkan hujah Yang Berhormat tadi yang pihak pembangkang mengatakan pembohong. Ini cerita yang benar yang saya sendiri mengalami di mana saya sendiri dipermainkan oleh pelajar dengan memberi hadiah buku pembangkang. Persoalan yang saya hendak timbulkan di sini adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa.....

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Buku haram atau tidak?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Setiausaha Parlimen kena main dengan budak-budaklah!

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pembangkang hanya mementingkan diri. Kalau betul pembangkang ini ingin memperjuangkan juga pelajar setelah diperalatkan pelajar. Apakah pertolongan pembangkang kepada pemimpin pelajar yang telah diambil tindakan disiplin oleh UKM. Sekarang pelajar itu diambil tindakan oleh UKM. Pembangkang tidak ambil tahu kisah ini. Hanya kalau pelajar itu boleh dipergunakan mereka akan pergunakan. Bila pelajar itu diambil tindakan disiplin sehingga digantung pengajian seramai dua orang, saya tidak dengar apa-apa tindakan pertolongan yang diberi kepada pelajar berkenaan. Jadi, memang saya setuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan pembangkang memang sentiasa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri mereka.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada peraturan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada peraturan. Yang Berhormat Arau ada peraturan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Peraturan 36(1). Ramai masih tunggu untuk berucap.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Oleh kerana saya pun tidak akan panjangkan ucapan saya, saya cuma hendak komen apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi siapa hendak tegur jangnan bagi peluanglah. Sila.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya. Saya memang setuju pandangan Yang Berhormat dan tidak dapat dinafikan, tidak payahlah kita bersandiwara satu dunia tahu, semua orang tahu bahawa parti pembangkang menggunakan masuk ke universiti mempengaruhi pelajar-pelajar. Semasa saya menuntut dulu pun mereka telah pun masuk ke universiti. Ini tidak dapat dinafikan.

Dan satu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan juga, sudah Yang Berhormat bercerita biar saya juga bercerita, apabila berlaku kes rogol kepada pekerja yang baru pulang dari universiti dua bulan, anak Perlis yang saya sebutkan tadi, kita semua pergi melihat keluarga, berjumpa dengan keluarga, simpati dengan keluarga. Tetapi Ketua Pemuda PAS datang dengan sumbangan dalam envelope yang ada gambar lambang PAS. Bapa kepada pelajar berkenaan menolak sumbangan tersebut dan minta supaya dia dikeluarkan envelope itu, kalau hendak bagi sumbangan pun bagilah sumbangan yang ikhlas, bukan sumbangan yang berbau politik dalam saya menghadapi keadaan yang begini menyedihkan. Ini yang diberitahu oleh keluarga itu sendiri.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Boleh saya tanya sesuatu?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Bagilah sekali. Allah. Sekali pun tidak bagi.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya tidak berani bagi chance kepada Yang Berhormat ini. Yang Berhormat, saya tidak akan bagi chance.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Apa bimbang? Sekali sahaja.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Yang Berhormat, saya, Yang Berhormat.....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya ada terima sejadah lambang cap dacing, sejadah tikar sembahyang cap dacing yang dialamatkan kepada Mat Isa Sabu, kerana dia tersilap alamat hantar ke rumah saya. Sejadah cap dacing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Mat Isa Sabu dia pergi ke Mohamad Sabu. Tikar sembahyang cap dacing. Saya sampai contoh itu sekarang.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Apa salahnya dia hendak bagi kepada Ketua Cawangan tidak salah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Salahkah envelope cap PAS tadi? Allah. Itu sahaja.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tidak salah. Tetapi yang saya sebutkan tadi ini yang dia pergi ini bukannya ahli PAS, bukannya penyokong PAS.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Dia bukan ahli PAS.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya, jadi ini menyedihkan keluarga yang berkenaan. Saya menyebut ini apa perasaan yang disebutkan oleh keluarga yang berkenaan yang dipolitikkan keadaan yang berlaku.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, balik kepada soal rumah perjudian terbuka tadi. Kita jelas melihat kesungguhan kerajaan dalam usaha-usaha ini. Yang hendak kita tentukan, yang hendak kita pastikan adalah bagaimana kita dapat mengembalikan kekukuhan dan kekuatan negara kita dengan sokongan pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang mana pegawai-pegawai perkhidmatan awam di negara kita suatu ketika dahulu telah dapat menunjukkan satu prestasi yang terbaik tetapi hari ini kita tengok meningkatnya kegiatan rasuah dan tidak dapat dinafikan. Saya tidak sebut tadi, hampir saya tertinggal yang saya hendak sebut, yang pentingnya apabila lawatan dibuat ke BPR, pihak BPR mengatakan bahawa pengesahan yang diberikan kepada saya bahawa banyak sangat tuduhan rasuah di negara ini. Tidak ada bukti yang menunjukkan pemimpin-pemimpin yang disebut secara berleluasa rasuah. Kalau ada bukti pembangkang boleh buktikan. Saya rasa siapa pun boleh membuktikan siapa yang melakukan rasuah. Dan di negara kita, kita dapati ...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ketua Pengarah BPR sendiri mengatakan bahawa Ketua Pengarah EPU ada RM100,000 dalam lacinya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Pegawai-pegawai penguat kuasa adalah yang terlibat dalam rasuah adalah dalam peratusan yang agak besar berbanding dengan masa yang lalu. Saya tidak mengatakan semua pegawai-pegawai. Kita tahu tanpa pegawai-pegawai perkhidmatan awam kita tidak akan dapat mencapai kejayaan hari ini. Dan bagi saya, saya memang memegang kepada prinsip pembangunan negara. Kita memerlukan umarak, ulama dan juga rakyat serta dukungan daripada pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Dan di Perlis kami memang Yang Amat Berhormat Menteri Besar melantik Mufti sebagai salah seorang yang bertaraf Exco untuk menasihati kerajaan kerana kita percaya kepada ulama yang tidak terkait dalam mana-mana kegiatan politik akan dapat memberikan nasihat yang terbaik kepada kita untuk menentukan supaya kita tidak lari dari landasan pentadbiran yang kita harapkan.

Jadi, untuk menggulung perbincangan saya, saya ingin menyatakan bahawa kita perlu memikirkan masa depan negara kita. Kita perlu sama-sama bertanggungjawab bukan sahaja dalam bercakap tetapi dalam bertindak, bukan sahaja di Dewan tetapi di luar Dewan dalam membawa masyarakat kita, membawa negara kita kepada negara yang maju dan kita harus berusaha untuk memulihkan keadaan yang sekarang ini ada kepincangan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi dan juga rakan-rakan yang lain yang ada dalam kerajaan kita dan kita harus telus dalam soal ini. Sebenarnya kebenaran dan kejujuran itu akan dapat menolak segala kebatilan. Dan dengan itu saya turut menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Gelang Patah.

4.55 ptg.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ambil peluang ini menyokong pihak kerajaan terutama Kementerian Kewangan atas usaha ini untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, Akta 289 pada hari ini. Sebenarnya pihak Kementerian Kewangan telah ada rancangan dan telah mengemukakan pindaan ini pada sesi bulan Julai tetapi oleh kerana masalah tidak cukup masa terpaksa dikemukakan hari ini selepas keputusan pihak jemaah Kabinet mengharamkan semua pusat video di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dapat kita perhatikan kegiatan perjudian secara haram telah semakin berleluasa di negara ini. Walaupun kita sudah mempunyai salah sebuah kasino yang terkenal di dunia serta pelbagai bentuk judi yang halal dari segi undang-undang, nampaknya kesemua ini masih tidak mampu memuaskan nafsu mereka yang suka mencuba nasib.

Berikutan perkembangan pesat teknologi maklumat kegiatan perjudian secara haram melalui Internet juga menjadi semakin popular terutamanya di kalangan remaja yang celik komputer. Banyak kedai minuman yang bergelar *cyber café* telah menjadi pusat-pusat perjudian haram berkomputer sama ada disengajakan oleh pengoperasi kedai tersebut mahupun tidak. Semakin banyak berita tentang pelajar-pelajar ponteng sekolah dan pergi berjudi di *cyber café* telah dapat kita baca daripada surat khabar. Terdapat juga berita tentang remaja menanggung hutang yang banyak akibat daripada kalah berjudi di tempat-tempat perjudian yang haram sehingga ahli-ahli keluarga mereka diganggu oleh samseng-samseng yang datang menuntut hutang.

Tuan Yang di-Pertua, mahu ataupun tidak kita mesti menerima hakikat bahawa kegiatan judi haram telah meresap masuk ke dalam setiap lapisan masyarakat dan berlaku di hampir segenap pelosok negara ini. Saya menyokong sepenuhnya usaha yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000 ini yang bertujuan untuk membendung aktiviti-aktiviti perjudian haram daripada terus merebak dan menular.

Langkah-langkah pencegahan yang teratur memang wajar diambil terutamanya apabila didapati pembabitan golongan remaja dalam perjudian haram semakin meningkat. Hukuman-hukuman yang berat perlu dikenakan kepada mereka yang membantu secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan judi haram. Tindakan yang tegas perlu diambil terhadap pengoperasi-pengoperasi *cyber café* yang mengatur atau menggalakkan kegiatan judi haram dalam premis mereka.

Pihak berkuasa juga perlu melipat-gandakan usaha untuk menumpas pusat-pusat permainan video haram kerana kegiatan judi haram juga mungkin banyak dijalankan di tempat-tempat sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar bahawa bilangan remaja yang menanggung hutang yang banyak akibat kalah judi, tidak terhad kepada beberapa orang yang pengalaman mereka dilaporkan dalam surat khabar. Masih ramai remaja yang menghadapi nasib yang serupa. Kita mempunyai asas untuk mempercayai bahawa pemuda-pemudi yang tidak mampu membayar balik hutang judi, mereka akan mencari jalan yang mudah dengan mengumpulkan wang walaupun mungkin mereka terpaksa melakukan perbuatan yang haram atau tidak bermoral.

Yang lelaki mungkin terlibat dengan penjualan dadah atau pil-pil ecstasy. Ada juga mungkin menjadi samseng dan mengugut wang daripada orang lain. Yang perempuan mungkin terpaksa melacurkan diri semata-mata untuk mendapatkan wang untuk menjelaskan hutang. Kesemua ini turut memperhebatkan lagi pelbagai masalah di kalangan pemuda-pemudi yang masih ...

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** ...belum dapat kita tangani dengan berkesan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat dari kawasan Peringat bangun.

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu soalan daripada saya. Nampaknya Yang Berhormat menumpukan kepada masalah judi ini kepada remaja dan juga pengunjung-pengunjung pusat perjudian haram. Apakah masalah ini tidak berlaku kepada pengunjung-pengunjung pusat perjudian halal, sedangkan soal perjudian ini merupakan sama sahaja sama ada halal atau haram dari segi undang-undang tetapi dari segi masalah itu sendiri, apakah boleh kita katakan bahawa pengunjung-pengunjung pusat perjudian halal itu selamat daripada masalah-masalah sosial yang disebut tadi sehingga mereka bebas daripada disebut pembawa masalah kepada negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa mereka yang berkunjung ke tempat perjudian yang halal,



adakah mereka pun akan menghadapi masalah yang saya sebutkan tadi kepada mereka yang mengunjungi tempat perjudian yang haram, boleh dikatakan mereka pun akan menghadapi risiko yang sama. Oleh yang demikian, pihak kerajaan Barisan Nasional telah memutuskan bahawa semua pusat video game sama ada halal atau haram akan ditutup dan tidak akan dibenarkan berniaga lagi pada akhir tahun ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju bahawa perkataan perjudian halal dan haram ini mengelirukan. Adakah Yang Berhormat mahu mencadangkan kepada kerajaan supaya terminologi pusat perjudian berlesen dan pusat perjudian tanpa lesen digunakan dalam terminologi ini. Oleh kerana amat mengelirukan, khususnya apabila kita mempunyai kumpulan pembangkang yang sentiasa berusaha untuk menyempitkan pemikiran manusia. Terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, itu satu cadangan yang baik. Saya harap pihak kerajaan boleh timbangkan tentang cadangan ini tetapi saya ingin katakan bahawa daripada hujah-hujah yang disampaikan oleh pihak pembangkang tadi, nampaknya mereka mempunyai pandangan yang sempit terutama apabila mereka katakan kekayaan negara kita ini, dia buat misalan tentang Genting Berhad yang dapat untung yang tinggi sekali. Itu kira memburukkan imej negara kita tetapi dia tidak sebutkan bahawa pendapatan negara kita ini adalah banyak datang daripada industri, bukan daripada Genting Berhad dan ini satu pandangan yang sempit. Sebab itu apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi, untuk mengelakkan kekeliruan, saya sokonglah supaya kita sebut yang berlesen dan yang tidak berlesen untuk tempat perjudian.

Tuan Yang di-Pertua, memang jelas undang-undang yang ketat perlu diubah bagi mengelakkan kegiatan judi haram daripada terus berleluasa. Walau bagaimanapun, undang-undang yang seketat mana pun tidak akan dapat mencapai objektif penggubalannya jika tidak dapat dikuatkuasakan dengan tegas. Kita perlu sedar bahawa sindiket-sindiket yang menganjurkan kegiatan judi haram selalu mencari jalan baru untuk mengelakkan daripada dikesan oleh pihak berkuasa seperti mereka berniaga tanpa adakan papan tanda, mereka cuma adakan nombor-nombor yang cuma pengunjung yang tahu itu adalah tempat perjudian jenis pusat video dan kita menghadapi masalah bahawa oleh kerana kadang-kadang ada tempat-tempat yang mana apabila pihak penguat kuasa yang tidak menjalankan tindakan penguatkuasaan undang-undang yang berterusan dan konsisten, gejala sosial dan negatif ini dapat diteruskan.

Saya ambil misalan, seperti di daerah Johor Bahru. Gejala sosial ini di pusat video game yang tidak berlesen sangat meluas tetapi di daerah Pontian dan di daerah Kota Tinggi, sebelah sahaja, tiada pusat video game yang tidak berlesen. Ini menunjukkan bahawa yang penting adalah sikap pegawai penguat kuasa terutama daripada pihak polis, sama ada pihak OCPD sendiri ada berhasrat atau will, kita semua tahu *if there is a will, there is a way*. Jika dia ada hasrat hendak tentukan tindakan-tindakan yang berterusan untuk memastikan tiada pusat video game yang tidak berlesen di daerah itu, memang dia boleh mencapai matlamat itu kerana ini sudah menunjukkan di daerah lain tidak ada seperti saya diberitahu oleh Yang Berhormat dari Negeri Sembilan bahawa oleh kerana CPO tegas di Negeri Sembilan, tiada pusat video game haram walaupun sebelum keputusan Kabinet untuk menutup pusat video game yang tidak berlesen. Ini menunjukkan kepada kita bahawa sikap kerja pihak penguat kuasa adalah sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, pengumpulan bahan-bahan bukti.....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat.....

**Tuan Chang See Ten:** ..... bagi membuat pendakwaan di mahkamah juga semakin kompleks....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** ..... apabila komputer turut digunakan dalam aktiviti perjudian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**Tuan Chang See Ten:** Sila, sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sahabat saya dari Gelang Patah. Sebelum itu saya *apology* dulu, minta maaf bahawa selalunya dan kelazimannya kelompok etnik dalam negara kita yang melakukan operasi perniagaan haram atau tidak berlesen ini khususnya perniagaan-perniagaan yang berkaitan dengan *vices* ini adalah masyarakat Cina. Adakah saudara juga mahu menggesa MCA supaya melancarkan operasi besar-besaran membanteras ataupun menyiapkan infrastruktur minda bermakna *mind set* peniaga Cina, Tionghua supaya tidak membabitkan diri dengan operasi perniagaan yang tidak berlesen khususnya perniagaan yang berkaitan dengan *vices* itu sendiri. Terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Memang pihak MCA sentiasa berusaha untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan Barisan Nasional dan dengan ahli-ahli komponen Barisan Nasional untuk membanteras gejala sosial yang negatif, kepada semua *vices*, perjudian dan lain-lain. Seperti apa yang kita lakukan, pihak MCA ada usaha dari peringkat akar umbi, ketua masyarakat, ahli majlis, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara dan pemimpin-pemimpin di peringkat cawangan, bahagian dan negeri, kita sentiasa menyuarakan dan memberikan maklumat kepada pihak polis tentang gejala sosial yang negatif seperti pil-pil ecstasy, pusat video game yang tidak berlesen, ini kita sentiasa ada bawa. Kalau kita periksa *Hansard* di Dewan Rakyat, kita boleh dapati bahawa lebih ramai daripada Ahli Dewan Rakyat dari Barisan Nasional yang menyuarakan hal-hal gejala sosial yang negatif ini.

Walaupun pihak pembangkang ada bawa tetapi ahli mereka yang bawa kes ini kurang dan mereka pun tidak pernah mengadakan kempen. Ini adalah satu usaha yang baik untuk masyarakat kita ini, kita tidak boleh kira bangsa, ini untuk kepentingan masyarakat dan kepentingan negara kita ini sama ada usaha ini dari pihak Barisan Nasional atau pembangkang, kita perlu mempunyai sikap kerjasama dan berpasukan kerana ini amat penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada soalan daripada Yang Berhormat Parit Sulong lagi.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Gelang Patah dan MCA. Jadi, bermakna kalau lebih banyak ahli-ahli komponen Barisan Nasional khususnya MCA yang membangkitkan soal ini yang berlaku di kalangan majoriti kaum Tionghua, ini bermakna ahli-ahli pembangkang daripada DAP, dia hanya cakap dalam Dewan tetapi tidak mempraktikkan apa yang dikatakan dalam Dewan di luar Dewan. Adakah itu pandangannya?

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar, saya hendak jawab apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong, iaitu tadi bila Yang Berhormat bagi Pokok Sena puji MCA, Yang Berhormat dari pihak DAP telah merasa mereka telah diketepikan dan sampai mereka hendak suarakan ini bukan kredit MCA.

Sebenarnya pihak MCA, walaupun kita dari peringkat akar umbi dan semua wakil rakyat kita sentiasa suarakan, kita adakan kempen-kempen besar-besaran dan kita sentiasa berusaha dan ada wakil rakyat kita yang dapat ugutan daripada pengoperasi pusat video yang tidak berlesen tetapi kita terus berjuang. Dan, daripada apa yang saya dapati tadi, bila Yang Berhormat bagi Pokok Sena sebut, walaupun ia

ada mainkan politik, dia hendak jadi batu api antara UMNO dan MCA tetapi dia tidak akan berjaya kerana Barisan Nasional selama ini kita mengadakan semangat kerjasama yang berpasukan. Kita tahu apa yang kita buat. [Tepuk]

Bila apa yang diusahakan oleh pihak UMNO yang baik untuk negara kita ini, kita turut bekerjasama. Kali ini mengenai gejala sosial ini dibawa oleh MCA dan pihak pemimpin Barisan Nasional merasa ini adalah suatu usaha yang sangat baik, mesti diberikan kerjasama yang rapat dan ini telah dapat mengadakan keputusan Kabinet untuk sama-sama dengan MCA supaya dengan kempen besar-besaran mereka dan dengan keputusan kerajaan melalui Kabinet untuk mengharamkan semua pusat video, ini akan dapat kita capai matlamat untuk menghapuskan kewujudan pusat video game di masyarakat kita ini. Ini yang saya hendak jawab kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada yang bangun.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan saya daripada Gelang Patah. Kalau kita sebut isu judi ini, memang ada banyak aspek dan banyak unsurnya. Kali ini pihak MCA telahpun mengambil pendirian yang tegas dan dengan kerjasama dan sokongan daripada pihak kerajaan, jelas nampak hari ini kita bentangkan satu Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000 ini telahpun bawa kesan dan semua pihak menyokong.

Jadi, kalau kita baca akta ini, dengan adanya pindaan seksyen 4(1), pindaan 7(3) seksyen baru 34B, 15A, 21 dan sebagainya, pihak berkuasa iaitu polis dan pihak berkuasa tempatan memang cukup untuk membanteras apa cara pun wujud mesin judi termasuk pusat video yang haram. Jadi, satu usaha mungkin harus kita lakukan ialah kalau Yang Berhormat setuju dengan saya, kalau boleh bawa cadangan ini kepada pihak kerajaan iaitu selepas kita hapuskan semua arked video ini, satu lagi usaha patut kita fikirkan ialah mungkin melalui kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya dapat satu jawatankuasa di mana harus membina atau membuka lebih banyak tempat untuk aktiviti dan juga mengadakan aktiviti yang lebih banyak, yang lebih sihat supaya para remaja dapat menggunakan tempat-tempat ini dan mengadakan aktiviti yang lebih sihat supaya fikiran untuk pergi ke pusat hiburan ini dapat dihapuskan.

Jadi, kalau Yang Berhormat setuju dengan pandangan saya, sama ada Yang Berhormat ingin membawa cadangan saya kepada pihak kerajaan, saya minta sedikit pandangan.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih atas pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kluang. Di sini saya memang setuju, saya harap pihak kerajaan melalui usaha sama seperti melalui pihak Kementerian Belia dan Sukan, pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan lain-lain jabatan, jika boleh kita wujudkan pusat kompleks aktiviti-aktiviti sukan, untuk seminar dan lain-lain yang mana kita boleh memberikan peluang untuk pemuda-pemudi kita menggunakan masa mereka di tempat-tempat ini dengan usaha sama daripada semua kementerian.

Dengan ini saya yakin dan percaya ia akan dapat menjimatkan wang kerajaan, wang rakyat kerana bila kita buat begini kita boleh buat seperti apa yang dilaksanakan di Singapura oleh People's Association, yang mana di sesuatu kawasan itu mereka ada satu tapak yang besar, ada kompleks sukan, ada padang permainan bola sepak, ada kolam renang (swimming pool) dan ada tempat untuk mengadakan seminar dan ada tempat untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Sesiapa yang hendak buat aduan ada tempat di sana yang mana ada pegawai daripada kerajaan menolong wakil rakyat, sama-sama memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Ini akan dapat mewujudkan satu suasana di mana kita dapat

mengadakan aktiviti-aktiviti yang berguna kepada pemuda-pemudi, kepada kanak-kanak dan orang-orang dewasa dan ini akan mewujudkan perpaduan yang erat dan kejiranan yang mulia di antara penduduk-penduduk di sesuatu kawasan itu. Itu pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa ini jika pihak penguat kuasa hendak mengambil satu tindakan undang-undang dan oleh kerana pengumpulan bahan-bahan bukti bagi membuat pendakwaan di mahkamah juga semakin kompleks, apabila komputer turut digunakan dalam aktiviti perjudian.

Oleh yang demikian, pihak polis dan pihak penguat kuasa yang lain harus melatih kakitangan yang cekap dengan secukupnya agar dapat melaksanakan tugas yang semakin mencabar dengan memuaskan. Pihak berkuasa juga harus menyiasat dengan sedalam-dalamnya dakwaan bahawa sindiket-sindiket judi haram ini mungkin mendapat bantuan atau perlindungan orang dalam.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penggubalan undang-undang yang ketat, pendidikan kerohanian dan keagamaan juga boleh membantu meringankan masalah pembabitan remaja yang semakin meningkat dalam kegiatan judi haram. Sudah lama dan sudah banyak kali disarankan oleh pemimpin negara, para ibu bapa, mahupun para guru sendiri bahawa pendidikan kerohanian dan keagamaan mesti diberi penekanan yang sewajarnya di sekolah-sekolah, tetapi apa yang dapat kita lihat sekarang ialah proses pendidikan kita masih terlalu menumpu kepada pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu pengetahuan yang boleh mendatangkan kebaikan dari segi kebendaan atau kewangan.

Dalam keghairahan kita membincangkan bagaimana pendidikan boleh membantu negara bersaing dalam era k-ekonomi atau ekonomi yang berasaskan pengetahuan, pendidikan moral atau agama nampaknya sudah semakin dipinggirkan. Sudah tibalah masanya bagi pihak kerajaan merumuskan satu pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu untuk membolehkan para pelajar menerima pendidikan moral dan agama yang secukupnya supaya mereka boleh menjadi insan yang bertatertib kerana bila pemuda-pemudi mempunyai pendidikan moral dan agama yang sempurna, mereka akan mempunyai ketahanan diri, tahu beza apa yang baik dan apa yang buruk. Dan dengan mempunyai ketahanan diri itu, mereka tahu mengelakkan diri daripada semua gejala sosial yang negatif. Ini satu perkara yang sangat penting, kita mesti mewujudkan ketahanan diri sendiri kepada pemuda-pemudi dan pemudi-pemudi dalam hal ajaran moral dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, masih banyak usaha yang diperlukan bagi dilaksanakan dengan berkesan program-program pendidikan kerohanian yang digubal untuk generasi muda, terutama kita perlu meminta pihak Kementerian Pendidikan supaya meninjau semula kemungkinan dalam pendidikan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan mesti mempunyai memberikan kepentingan berat kepada lima faktor, iaitu faktor pertama, moral.

Yang kedua, kecerdasan pengetahuan untuk pelajar-pelajar.

Yang ketiga ialah jasmani, mesti memberikan mereka pendidikan jasmani supaya mereka akan menunjukkan budaya suka bersukan. Dan bila mereka suka bersukan, mereka akan mengelakkan diri daripada gejala sosial yang negatif.

Yang keempat, membimbing mereka dari segi kemasyarakatan iaitu oleh kerana mereka dibimbing dari hal kemasyarakatan, mereka akan senang bergaul dengan orang lain dan akan menyertai aktiviti-aktiviti dalam sekolah, selepas sekolah mereka akan menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan atau oleh badan-badan NGO.

Yang kelima, mesti membimbing mereka dari segi kesempurnaan. Bila mereka ada sikap kesempurnaan, bila mereka keluar kerja, mereka akan buat kerja dengan betul, jujur dan ikhlas dan kita akan kurang pegawai yang tidak menjalankan kerja dengan sempurna. Ini adalah lima faktor yang sangat penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

**Tuan Chang See Ten:** Silakan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gelang Patah. Saya kira segala saranan dan cadangan serta juga teguran yang dibuat oleh pihak Yang Berhormat Gelang Patah kita terima dengan baik dan sebenarnya kalau kita lihat dari segi falsafah serta juga Dasar Pendidikan Negara kita memang kita atur begitu baik sekali dan begitu terancang bagi pihak kita. Bukan di sini hendak saya menegaskan benang yang basah, tetapi ada juga kelemahan-kelemahan dan daripada semasa ke semasa kita terus memperbaiki.

Cuma apa yang saya mahu tanya dengan Yang Berhormat Gelang Patah, kalau dapat dibuat penjelasan, kita lakukan benda ini, kita ada pelajaran moral, kita ada pelajaran agama Islam dan kita tambah masa dan sebagainya dan begitu juga dengan mata-mata pelajaran yang lain secara tidak langsung kita menerapkan nilai-nilai yang baik, tetapi dalam masa yang sama oleh kerana keghairahan politik partisan tadi, maka ada pihak yang menjadi kita kata banyak gangguan kita, pengganggu kita misalnya macam hari ini kita berbahas mengenai dengan masalah sosial supaya semua pihak tidak kira PAS, tidak kira DAP, tidak kira Barisan Nasional semuanya akan mengambil peranan untuk kita sama-sama menangani gejala ini. Tetapi Yang Berhormat bersetuju atau tidak kalau saya katakan rata-rata tempat sekarang ini seperti mana kata sahabat-sahabat saya yang lain di sebelah sini, bahawa pihak parti PAS, sekurang-kurangnya DAP baik sedikit daripada PAS ini, yang ganggu dan juga yang mahu mempolitikkan pendidikan sehingga inilah berlakunya gejala-gejala tadi, mereka cuma lempar tuduhan sahaja, tetapi mereka tidak mahu menegur benda-benda yang kalau kita kata ada kelemahan, misalnya macam tadilah, perjudian tadi, asyik-asyik dia hendak marah juga pihak kerajaan. Tetapi sebenarnya kalau dalam soal pendidikan, kita telah lakukan perkara yang baik. Kita telah sampai kepada benda-benda yang kita cuba terapkan nilai-nilai yang baik.

Misalnya, sekarang ini parti PAS terutama sekali, PAS ini, dia cuba menerapkan nilai-nilai supaya anak-anak muda kita suka bencikan kepada pihak yang menjalankan tanggungjawabnya untuk memperbaiki keadaan sosial. Terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, memang di dalam Dewan ini, saya sendiri nampak pihak Ahli Dewan Rakyat dari PAS kadang-kadang tidak mengikut dengan peraturan, tadi semasa Yang Berhormat Arau berucap, saya dapati bahawa tanpa kebenaran pun tidak minta kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua, mereka terus bercakap. Ini telah menunjukkan kemungkinan ada kelemahan dalam pendidikan yang didapati oleh mereka. [Tepuk]

Dan ini mereka perlu belajar daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Mulai hari ini jangan ada ganggu wakil rakyat atau Ahli Yang Berhormat yang berucap, semasa berucap mesti hormat Tuan Yang di-Pertua dan peraturan yang kita luluskan kerana kalau kita tidak hormat begini, kira kita sendiri tidak hormat diri sendiri kerana kita Ahli Parlimen adalah salah seorang daripada ahli Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak memberikan laluan kepada Yang Berhormat dari Kemaman?

**Tuan Chang See Ten:** Sudah panjang sangat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Pendek sahaja.

**Tuan Chang See Ten:** Okay, okay.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi, Yang Berhormat mengatakan bahawa salah satu daripada perkara yang berlaku akhir-

akhir ini ialah kerajaan tidak menitikberatkan mata pelajaran moral dan akhlak dan sebagainya, itu adalah daripada salah satu sebab yang menyebabkan gejala-gejala yang berlaku dalam negara kita ini berleluasa hari ini. Ini bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan tadi dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Sila jelaskan.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun tidak katakan tidak cukup, saya pun tidak katakan tidak mencukupi, kemungkinan kita ada kelemahan dalam pendidikan moral dan agama. Ini perlu diperkuatkan, cuma ini yang saya katakan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat sesetengah pihak suka mengaitkan kejadian berjudi dengan kaum Tionghua kerana ada pada sesi yang lama saya sendiri ada mendapat tahu, ada pihak yang mengatakan, ada yang terus mengatakan bahawa berjudi merupakan budaya kaum Tionghua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh menyambung hari esok.

**Tuan Chang See Ten:** Okay. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.*